



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3657]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-Undang Perbekalan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Keenambelas)

Jadual:

Maksud B. 61, B. 62 dan B. 63 [Ruangan 3667]

Maksud B. 64 [Ruangan 3675]

Maksud B. 65 [Ruangan 3700]

Maksud B. 66 [Ruangan 3728]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan
daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 3666]

Anggaran Pembangunan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Keenambelas)

Maksud P. 61, P. 62 dan P. 63 [Ruangan 3667]

Maksud P. 64 [Ruangan 3675]

Maksud P. 65 [Ruangan 3700]

Maksud P. 66 [Ruangan 3728]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**

” Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

” Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**

” Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

” Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

” Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bahru).**

” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**

” Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

” Menteri Kewangan, **Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**

” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**

” Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

” Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

” Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 6hb Disember, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANPANDUAN DALAM PEKERJAAN
DAN PELAJARAN

1. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bersedia mengadakan garis panduan kebangsaan dalam pekerjaan dan pelajaran berdasarkan kelayakan.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak berhajat untuk mengadakan tata kebangsaan bagi panduan dalam pekerjaan dan pelajaran berasaskan semata-mata kepada kelayakan. Di dalam Perkhidmatan Awam, Perlembagaan Persekutuan membekalkan peruntukan bagi peraturan yang diluluskan oleh undang-undang menetapkan syarat-syarat perkhidmatan dan kelayakan untuk perlantikan bagi orang-orang dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan atau oleh Yang di-Pertuan Agong. Kelayakan itu tidak semestinya berasaskan kepada kelayakan mata pelajaran sahaja kerana selain daripada mata pelajaran ada beberapa faktor lain seperti kesesuaian tubuh badan (*physique*) dan kecenderungan dan sikap seseorang calon itu patut juga ditimbang.

Bagi Perkhidmatan Awam tiap-tiap negeri peraturan-peraturan demikian boleh diadakan oleh undang-undang negeri atau oleh Raja atau oleh Yang di-Pertua Negeri yang berkenaan. Dalam pada itu Perlembagaan

telah juga memberi kuasa kepada Majlis Raja-raja untuk menetapkan quota lantikan yang didapati perlu dalam Perkhidmatan Awam.

Pekerjaan dalam sektor swasta pada amnya tertakluk kepada keadaan pasaran dan sektor swasta adalah bebas membuat kriteria mereka sendiri. Walau bagaimanapun, di antara calon-calon yang mereka anggap layak dan sesuai mereka adalah digalakkan untuk mengadakan perseimbangan kaum di kalangan pekerja-pekerja mereka.

SEKOLAH RENDAH JENIS
KEBANGSAAN (CHINA) SIN HUA
RAHANG

2. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau telah menerima permohonan dari Lembaga penguurusan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Sin Hua, Rahang, Seremban, untuk memperluas serta memajukan sekolah tersebut dan sama ada bantuan akan diberi dengan seberapa segera yang boleh kerana permintaan lembaga penguurusan tersebut adalah menasabah dan mendesak.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, Ya. Pengarah Pelajaran Negeri, Negeri Sembilan telah mengemukakan satu projek seperti berikut untuk dipertimbangkan oleh Kementerian:

6 bilik darjah, pejabat, bilik guru dan kantin.

Setelah permohonan dikaji, projek kantin didapati paling mendesak dan ini telah dipersetujui dibina. Tetapi pembinaan belum dapat diteruskan kerana Kementerian Pelajaran masih menunggu keputusan dari Pemungut Hasil Tanah, Seremban mengenai permohonan Kementerian Pelajaran untuk

memperluaskan tanah sekolah ini. Sebaik-baik sahaja permohonan tersebut diluluskan, projek yang berkenaan akan dilaksanakan.

KEKURANGAN TENAGA DALAM JABATAN IMIGERESEN

3. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar tentang kekurangan tenaga dalam Jabatan Imigresen untuk menghadapi sejumlah besar penyeludup-penyeludup dan sindiket membawa masuk pelacur, jika ya, apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sangat sedar tentang kekurangan anggota-anggota dalam Jabatan Imigresen. Sebab itulah maka tahun ini pada bulan November ini sahaja kita telah menambahkan bilangannya dengan angka 200 dan diharapkan pada tahun 1979 ini kita tambah lagi dengan 114 orang. Jadi anggota yang ada pada masa ini ada 1,726 di seluruh negara. Jadi soal penyeludupan telah kita koordinasikan dengan Yunit Pencegah Penyeludupan tetapi orang yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu pelacur-pelacur ini, dia tidak masuk jalan itu, dia masuk sama dengan jalan pelancung. Jadi kesulitannya (problem) sekarang ialah hendak membezakan pelacur dengan pelancung. Dan kita di antara negara ASEAN ini mempunyai perjanjian yang kita mengizinkan tanpa visa dan sebagainya iaitu 2 minggu. Kemungkinan kejadian ini ialah kerana mereka ini mengambil kesempatan untuk menggunakan visa free period yang 2 minggu ini.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan selain dari menambah kekurangan tenaga di Jabatan Imigresen, apakah langkah bagi mencegah pelacur-pelacur dari luar negeri datang mencari wang ke negara kita dengan menggunakan visa sementara ini dan menyambung balik, mereka pergi ke Singapura sebentar dan balik ke negara kita ini bagi menyambung perniagaannya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, sebagai pelancung yang tulin (genuine) ini tidak menjadi keberatan tetapi yang payahnya seperti saya kata tadi iaitu bagaimana hendak mengenalkan perbezaan antara pelancung dan pelacur, mereka tidak pakai cap.

Tuan Yang di-Pertua: Ahlilah yang kenal (*Ketawa*)

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya pelacur ialah orang yang masuk ke sini dan membawa keluar wang daripada negeri ini, sedangkan pelancung membawa wang daripada negerinya dan membelanjakannya di sini. Saya hendak bertanya, kiranya pihak Yang Berhormat Menteri itu boleh mengadakan satu mini komputer untuk mengesan perempuan-perempuan muda yang selalu sangat keluar masuk dalam negeri ini dan kalau ada hari-hari dia masuk, misalnya tiga atau empat kali sebulan, tentulah ada sebab-sebab yang luar biasa dia masuk ke sini selain daripada melancung.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, serba-serbi langkah yang boleh difikirkan telah diambil, sebab itulah penangkapan umpamanya antara tahun 1976, 1977, 1978 ini seramai 1,354 orang telah ditangkap dan menunjukkan bahawa seberapa langkah dicuba tetapi yang payahnya, umpamanya baru-baru ini satu komplek besar telah diterima oleh Jabatan Imigresen sebabnya seorang wanita muda disiasat lama. Ini ialah seorang wanita yang datang dari negeri jiran yang sebenarnya student, tetapi oleh sebab kita hendak menjaga, kemasukan ini, terpaksa mengambil langkah yang begitu ketat dan ini pula membawa akibat yang buruk terhadap Imigresen juga. Inilah pertimbangannya yang kita hendak pakai pada masa ini.

RASUAH MENGENAI PEMBAHAGIAN TANAH

4. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan apakah tindakan pihak B.S.N. telah ambil untuk menghapuskan rasuah berkait dengan pembahagian tanah di Negeri Sabah.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat ini terlalu umum dan tidaklah dapat saya beri jawapan yang tepat melainkan jika soalan-soalan itu dikemukakan mengenai sesuatu perkara yang tertentu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah setakat ini pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri atau pihak Kementerian telah dibawa ke pengetahuannya mengenai sebarang usaha rasuah yang berkaitan dengan negeri Sabah, sama ada yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat yang bertanya soalan tadi ataupun lain-lain pihak kepada beliau.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat mengemukakan soalan yang khusus (specific) dan tidak secara umum.

KILANG GETAH KERINTIL MARDEC

5. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa buahkah Kilang Getah Kerintil yang dirancang untuk didirikan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga oleh pihak Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia MARDEC. Nyatakan juga berapa buahkah daripada jumlah kilang yang dirancangkan itu belum lagi didirikan dan apakah sebab-sebabnya kilang-kilang itu tidak dapat didirikan sebagaimana yang dirancangkan.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) merancang untuk mendirikan 25 buah kilang lagi untuk meninggikan lagi pengeluarannya kepada 350,000 tan setahun. Rancangan ini tidak dapat dijalankan kerana MARDEC terpaksa menjalani usaha konsolidasi dan menyemak semula semenjak dua tahun yang lepas. Ini adalah perlu kerana MARDEC telah berkembang dengan pesat di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Pentadbiran dan pengurusannya terpaksa dikokohkan dahulu sebelum MARDEC meluaskan lagi aktiviti. Setelah berjaya mengokohkan kedudukannya, MARDEC

sekarang sudah bersedia untuk meneruskan rancangannya untuk meningkatkan pengeluarannya kepada 350,000 tan setahun.

Dua buah kilang besar (giant factory) sedang dirancang untuk didirikan di Pasir Gudang dan Butterworth. Tiap-tiap satu kilang ini akan mempunyai keupayaan untuk memproses 60,000 tan getah setahun. Kilang-kilang ini dijangka siap sebelum akhir Rancangan Malaysia Ketiga.

SIARAN TV DI SABAH/SARAWAK

6. Tuan Haji Ampong bin Haji Puyon minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau akan menambah masa siaran TV bagi siaran langsung di Sabah dan Sarawak dan lebih sesuai jika siaran langsung ini dibuat serentak dari mula hingga akhir rancangan itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Penerangan telahpun menyentuh perkara yang sama dalam ucapannya tatkala menggulung perbincangan mengenai Titah Di Raja pada 19hb Oktober, 1978 iaitu sebagai mengulas hujjah yang serupa dalam ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibuan dan Sandakan. Saya berharap rujukan dibuat kepada perkara dalam ucapan Yang Berhormat itu bagi maksud jawapan kepada soalan ini.

MELARIKAN CUKAI

7. Dr Chen Man Hin (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah wang yang telah dibayar bagi maklumat yang membawa kepada penangkapan penyeludupan dan orang yang melarikan cukai antara tahun 1974-1978.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, wang sejumlah \$10,740,246.62 telah dibayar bagi maklumat yang membawa kepada penangkapan penyeludupan dan orang yang melarikan cukai antara tahun 1974-1978. Dari jumlah ini \$8,387,271.62 telah dibayar oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja Malaysia dan bakinya sebanyak \$2,352,975 telah dibayar oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri.

HUKUMAN MATI DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

8. Dr Chen Man Hin (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan bilangan orang-orang yang dihukum mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang dibicarakan di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan), 1975.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, 44 orang telah dihukum mati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dalam kes-kes yang dibicarakan di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan), 1975.

KEDAI RUNCIT MAJUIKAN

9. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohammad minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar tentang pelancaran projek Kedai Runcit oleh MAJUIKAN tidak memberi faedah dan menafaat kepada nelayan-nelayan terutama di Kelantan kerana makanan dalam tin dan barang-barang yang dibekalkan tidak sesuai dengan nelayan tempatan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, projek kedai runcit ini adalah satu projek baru yang mula dilancarkan pada bulan September, 1978. Ianya memang memberi faedah kepada nelayan-nelayan dari segi mendapat bekalan keperluan seharian.

Walau bagaimanapun, jenis barang-barang yang dibekalkan di kedai-kedai runcit ini sedang diperhatikan dengan teliti dari masa ke semasa supaya ianya merupakan barang-barang yang benar-benar diperlukan.

GURU-GURU TERLATIH

10. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar bahawa latihan perguruan di Negara kita sekarang bukan sahaja bertujuan untuk mengeluarkan guru-guru terlatih yang cukup bilangannya, malah untuk menghasilkan guru-guru yang berdedikasi, aktif, mempunyai pandangan yang progresif dan lebih-lebih lagi ialah

supaya mempunyai taraf disiplin dan moral yang tinggi. Jadi apakah tindakan-tindakan yang lebih berkesan bagi mencapai tujuan-tujuan itu yang sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan kita.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa selain daripada mengeluarkan guru-guru terlatih yang cukup bilangannya latihan perguruan juga bertujuan mengeluarkan guru-guru yang berdedikasi, aktif dan mempunyai taraf disiplin dan moral yang tinggi.

Langkah-langkah yang diambil untuk mencapai matlamat ini ialah dengan mengadakan rancangan-rancangan yang berikut di maktab-maktab perguruan:

- (a) Tiap-tiap pelajar maktab diwajibkan melibatkan diri dalam gerakerja kurikulum yang mengandungi aktiviti-aktiviti yang berikut:
 - (i) Sukan dan Permainan.
 - (ii) Yunit-yunit beruniform seperti: Gerakan Pengangkap, Pandu Putri, Bulan Sabit Merah, St. John's Ambulan dan sebagainya.
 - (iii) Kelab dan Persatuan serta Perkhidmatan Masyarakat.

Dengan cara mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti ini serta menerima latihan tentang cara-cara pengelolaannya, adalah diharapkan mereka akan mendapat faedah bukan sahaja untuk diri mereka tetapi juga dapat membantu mengelolakan aktiviti-aktiviti ini di sekolah serta dalam komuniti di mana mereka mengajar.

- (b) Semua pelajar yang beragama Islam diberi pendidikan Ugama sebanyak dua jam seminggu, dan yang bukan beragama Islam menerima pendidikan moral.

Tujuan mengadakan moral dan ugama sebagai kursus yang diwajibkan ialah untuk meninggikan lagi taraf disiplin dan moral di kalangan guru-guru.

- (c) Sivik juga adalah satu daripada mata-pelajaran yang diajar untuk menyedarkan pelajar-pelajar tentang tanggungjawab mereka sebagai seorang guru dan rakyat Malaysia.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa latihan-latihan yang telah diberikan kepada guru-guru untuk melahirkan guru-guru yang berdedikasi, apakah setelah menjalani latihan tersebut guru-guru itu telah dihantar ke luar bandar, tidak memohon untuk dikeluarkan dari kawasan luar bandar?

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, soal guru-guru yang telah dihantar keluar bertugas di luar bandar memohon untuk pergi ke bandar besar ataupun bertugas berdekatan dengan rumah mereka sendiri tidak bererti bahawa mereka itu tidak berdedikasi, mungkin ada sebab-sebab yang tertentu permohonan mereka boleh juga dipertimbangkan. Kalau kita dapati bahawa mereka memohon untuk masuk ke bandar atau pergi ke tempat yang berdekatan dengan rumah mereka dianggap sebagai tidak berdedikasi, dan kalau ada bukti-bukti langkah-langkah tertentu akan diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bersabit dengan disiplin kepada guru-guru ini, adakah Kementerian Pelajaran sedar bahawa pada masa ini masih lagi terdapat ada sebahagian guru-guru yang tidak mengikut disiplin iaitu dengan berani mereka mengkritik dan menegur polisi dan dasar Kerajaan, secara tak langsung mereka ini menentang Kerajaan dan kalau sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar apakah tindakan yang telah diambil dan akan diambil?

Tuan Haji Salleh Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sejauh yang saya ketahui tidak ada saya dengar sendiri guru-guru yang mengkritik Kerajaan. Jika sekiranya ada guru-guru yang mengkritik Kerajaan terutama sekali mengkritik dasar Kerajaan, sama ada mengenai pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan ataupun mengenai diskriminasi Dasar Pelajaran Kebangsaan, bolehlah Ahli Yang Berhormat memajukan informasi atau laporan itu kepada Kementerian Pelajaran. Kalau sekiranya mereka mengkritik perkara biasa, menegur samada sikap pegawai-pegawai di Jabatan Pelajaran atau sikap Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan

mereka sendiri tidak sesuai dengan pandangan mereka sendiri, itu adalah kebebasan (freedom) mereka dalam dunia kita yang berdemokrasi ini.

KEBUN GETAH/KELAPA SAWIT/ TEH/KELAPA

11. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan jumlah ekar kebun getah, kelapa sawit, teh dan kelapa yang dimiliki oleh setiap syarikat asing dalam Malaysia.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kebun getah, kelapa sawit, teh dan kelapa yang dimiliki oleh setiap syarikat asing dalam Malaysia sehingga 31-12-1976 adalah seperti di bawah:

(1) Getah	666,633 ekar
(2) Kelapa sawit	458,577 ekar
(3) Teh	3,757 ekar
(4) Kelapa	31,504 ekar

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARI PERATURAN MESYUARAT

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1979 telah dibacakan kali yang ketiga dan Usul Anggaran Pembangunan 1979 diluluskan.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1979 telah dibacakan kali yang ketiga dan Usul Anggaran Pembangunan 1979 diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 dan Anggaran Pembangunan, 1979 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (5hb Disember, 1979).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos memberikan jawapannya.

Maksud B. 61, B. 62 dan B. 63 (Jadual)—

Maksud P. 61, P. 62 dan P. 63 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

2.55 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Pengerusi, izinkan saya menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan anggaran belanjawan 1979 di bawah Kementerian saya, tetapi terlebih dahulu saya suka hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengikuti segala perkembangan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini dan membuat teguran-teguran serta nasihat-nasihat supaya perkhidmatan ini ditambah dan diperbaiki lagi.

Memang saya sentiasa menyambut baik teguran-teguran dan nasihat-nasihat ini demi kepentingan rakyat dan demi meninggikan lagi mutu perkhidmatan awam yang disampaikan kepada rakyat oleh jabatan yang di bawah Kementerian ini. Dengan cara menerima dan mendengar teguran-teguran ini saya dapat dibantu untuk mengesan lebih

tepat lagi kemajuan pelaksanaan yang telah dicapai dan mengetahui setakat manakah jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya yang telah berjaya memenuhi hasrat rakyat.

Saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana di samping membuat teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat ada juga mengakui bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang sedang diberikan oleh Jabatan-jabatan Kementerian saya sekarang adalah memuaskan. Ucapan "Thank You" yang seumpama ini adalah sangat menggalakkan dan besar harganya khususnya bagi kakitangan-kakitangan yang sentiasa menjalankan tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi dengan kerelaan. Ini termasuklah pekerja-pekerja L.L.N. dan Jabatan-jabatan Telekom yang menegakkan dan memanjat tiang letrik dan telefon setiap hari dan posman-posman yang mendaki bangunan-bangunan yang bertingkat-tingkat dan merentas desa pada pagi dan petang untuk memenuhi hasrat rakyat di bandar dan di luar bandar.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengucapkan terima kasih kepada sumbangan yang diberi oleh jabatan-jabatan dan kakitangan di bawah Kementerian saya ini kerana banyak di antara rakyat yang sentiasa membuat teguran masih tidak sedar mengenai hal yang demikian.

Tuan Pengerusi, sekarang benarkan saya untuk memberi jawapan atas soal-soal yang tertentu. Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah menyatakan bahawa kawasan luar bandar di Sungai Petani belum dibekalkan dengan bekalan letrik. Ahli Yang Berhormat itu juga mengungkit janji yang telah dibuat oleh bekas Timbalan Menteri yang lalu untuk memberi bekalan letrik ke luar bandar di Sungai Petani. Suka saya menyatakan bahawa pihak L.L.N. telahpun menerima permohonan daripada sebanyak lebih kurang 50 buah kampung dalam daerah Kuala Muda termasuk mukim Sungai Petani yang telah diluluskan untuk diberi bekalan letrik dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Setakat ini lebih 39 buah kampung telah dibekalkan dengan kuasa letrik yang memberi faedah kepada 2,230 buah rumah dan menelan belanja lebih kurang \$2.8 juta. Kampung-kampung yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang

belum menerima bekalan letrik adalah dalam pelaksanaan dan kemajuannya adalah di antara 60%-90% sekarang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan telah merayu agar peruntukan bagi bekalan letrik luar bandar di Sarawak ditambah oleh kerana kawasan luar bandar di negeri Sarawak adalah lebih luas. Mengenai perkara ini beliau juga telah mengesyorkan supaya rundingan dibuat di antara Kementerian dan SESCO mengenai rancangan bekalan letrik di Sarawak. Saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya akan menyemak kemajuan pelaksanaan bagi projek-projek letrik luar bandar bagi seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Dalam kajian ini ada kemungkinan peruntukan-peruntukan bagi beberapa negeri-negeri yang akan ditambah dan ini termasuk juga negeri Sarawak.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya rundingan-rundingan dibuat di antara Kementerian ini dan SESCO, sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian saya memang ada perhubungan dan kerjasama yang erat dengan pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri Sarawak di mana SESCO bertanggungjawab dan langkah-langkah akan diambil untuk memperbaiki dan meluaskan lagi perkhidmatan letrik luar bandar di negeri Sarawak termasuk mengadakan bekalan letrik luar bandar dan rumah-rumah panjang.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah merayu agar kawasan kampung di sekitar Batang Padang dan Cameron Highlands diberi bekalan letrik. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu, Lembaga Letrik Negara mempunyai stesyen janakuasa batu 7 hingga batu 8 Jalan Tapah di Cameron Highlands dan stesyen ini digunakan untuk membekalkan tenaga ke national grid. Oleh kerana bekalan di kawasan ini diberi oleh K.E.D. sekarang maka bekalan letrik bagi penduduk-penduduk di kawasan itu termasuk kakitangan-kakitangan di stesyen janakuasa Lembaga Letrik Negara sendiri dibekalkan oleh K.E.D. Daripada Pekan Tapah hingga ke batu 7 Cameron Highlands bekalan letrik ada diberi kepada penduduk-penduduk di Batu 1, Batu 3, Batu 6 oleh K.E.D. Mungkin ada rumah-rumah yang terpencil daripada kampung-kampung yang tersebut di atas tadi yang belum mendapat beka-

lan lagi dan kalau ada permohonan daripada penduduk-penduduk yang berkenaan ianya akan diberi pertimbangan sewajarnya.

Kementerian saya sedar juga bahawa banyak masalah-masalah telah timbul bukan sahaja mengenai kawasan-kawasan yang menerima bekalan letrik dari Syarikat K.E.D. dan Lembaga Letrik Negara bahkan mengenai perbezaan tarif yang dikenakan oleh kedua-dua badan bekalan letrik ini. Kementerian saya sedang mengkaji langkah-langkah yang harus diambil untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang menegur mengenai tiang-tiang letrik yang telah dibekalkan ke kawasan Tanjong Karang sebelum pilihanraya tetapi hingga masa ini belum ada kemajuan yang dibuat. Saya mengakui bahawa perkara ini telah berlaku. Ini adalah disebabkan pihak kontraktor yang terlibat telah menghadapi dari segi kewangan dan kerjanya telah merosot. Tindakan menarik balik kontrak itu telah diambil dan kerja yang masih belum disiapkan itu akan ditawarkan semula kepada kontraktor yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani juga dan Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah menyentuh tentang kelambatan membaiki kerosakan-kerosakan telefon terutamanya di kawasan luar bandar. Kementerian ini memang sedar bahawa dalam setengah kes-kes adalah terdapat kelambatan dalam membaiki kerosakan-kerosakan telefon termasuk juga kerosakan bagi pondok-pondok telefon. Kelambatan-kelambatan ini terutamanya adalah kerana breakdown cable-cable bawah tanah dan long overhead line. Dalam kes-kes pondok-pondok telefon kebanyakan masalah-masalah ini ialah kerana kecurian peti-peti duit di mana kebanyakannya terpaksa digantikan kesemua sekali. Perkakas pengganti untuk alat ini dan bagi peti-peti duit yang baharu adalah juga tidak sedia didapati dan ini juga mendatangkan kelambatan bagi membaikinya. Akan tetapi Jabatan Telekom sedang mengambil tindakan untuk memesan lebih banyak lagi peti-peti duit bagi menggantikan yang telah rosak akibat kecurian itu dan juga bagi memenuhi keperluan untuk tambahan pondok-pondok telefon. Pada masa yang sama Jabatan Telekom juga mengambil tindakan bagi memindahkan pondok-pondok

telefon yang telah rosak itu ke tempat-tempat yang lebih selamat, misalnya dekat pondok-pondok Rukun Tetangga dan Balai Raya Polis.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang menyentuh tentang kurangnya kompromaisi di antara Jabatan Telekom dengan lain-lain Jabatan. Beliau mempunyai contoh di Tanjong Karang tidak ada kompromaisi di antara Jabatan Telekom dan dengan J.K.R. di mana terdapat tiang-tiang telefon yang baharu ditegakkan telah dirobohkan oleh J.K.R. kerana pembinaan jalanraya. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, setakat mana yang boleh, Jabatan Telekom berusaha untuk bekerjasama dengan lain-lain Jabatan, misalnya J.K.R. dan L.L.N. sebelum menanam saluran-saluran dan cable-cable bawah tanah dan menegakkan tiang-tiang telefon. Kerjasama yang serupa juga dijalankan di peringkat-peringkat kawasan dan daerah dan projek-projek telekom yang baharu adalah diselesaikan dengan J.K.R. bagi mengelakkan perselisihan faham dengan program-program meluaskan jalan mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan dan Batang Padang telah juga menyentuh tentang permohonan telefon yang lambat diluluskan. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab, saya sedar bahawa banyak lagi penunggu-penunggu yang masih menunggu untuk mendapat khidmatan telefon, tetapi dengan tambahan peruntukan, Jabatan Telekom di bawah Kementerian ini akan berusaha dengan sedaya upayanya untuk menunaikan permohonan mereka.

Jabatan Telekom setakat ini dapat memasang sebanyak 33,952 talian telefon dalam tahun 1976, 42,098 talian telefon dalam tahun 1977 dan 27,157 talian telefon dalam separuh tahun pertama tahun 1978, iaitu berjumlah 103,203 dalam tempoh 2½ tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga. Akan tetapi keperluan untuk perkhidmatan telefon adalah bertambah banyak dari kadar rancangan sekarang seperti yang terbukti dari bilangan pemohon-pemohon yang diterima dalam tahun 1976 dan tahun 1977 berjumlah sehingga 61,287 dan 72,366 berasingan.

Untuk memenuhi keperluan telefon yang bertambah ini, belanja wang Rancangan Malaysia Ketiga pihak Jabatan Telekom telah ditambah. Tindakan sudah pun diambil

oleh Jabatan Telekom untuk mempercepatkan pemasangan sistem dan alat-alat telefon yang perlu dan juga projek-projek pemasangan cable bawah tanah di beberapa kawasan telah diberi kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Dengan tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Telekom, saya yakin bahawa dalam penghujung tahun hadapan, kita akan dapat mengurangkan sebahagian besar angka penunggu telefon di seluruh negara.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang juga telah menyentuh tentang telefon Operator selalunya lambat menjawab dan menyambungkan panggilan-panggilan yang diminta oleh pelanggan. Suka saya menearangkan di sini bahawa telephonist di Ibusawat Telekom ditugaskan mengikut banyak panggilan-panggilan telefon yang dilayani olehnya bagi setiap masa. Ini dibuat mengikut cara time and motion. Telephonist-telephonist ini juga dipenyeliai oleh beberapa orang penyelia yang sentiasa mengambil perhatian terhadap tugas-tugas yang dijalankan oleh mereka dari semasa ke semasa di bangunan Ibusawat tiap-tiap Penyelia yang akan mengawasi seramai 6 telephonist di samping itu juga satu bahagian perkhidmatan akan dijalankan tiap-tiap orang untuk menilai sistem yang diberikan untuk telephonist-telephonist ini dan sekiranya didapati mereka melanggar peraturan telephone operating maka tindakan tata-tertib akan diambil terhadapnya.

Kelambatan menjawab atau menyambung panggilan oleh telephonist adalah disebabkan daya beberapa faktor iaitu kekurangan akan kakitangan telephonist dan ini bagi satu-satu masa yang tertentu. Kekurangan litar-litar jawapan dan sambung jauh ibusawat yang berkenaan dan juga kekurangan kemudahan yang harus disediakan untuk mereka menjalankan tugas mereka dengan sempurna. Jabatan Telekom sentiasa mengkaji kelemahan-kelemahan yang berpunca dari kekurangan sepertimana yang telah saya nyatakan tadi dan mengambil tindakan untuk membaikinya dengan secepat mungkin.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah merayu pembinaan Pejabat Pos di Kota Kuala Muda diadakan. Sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tawaran untuk kerja-kerja pembinaan bangunan Pejabat Pos di Kota Kuala

Muda telahpun dipanggil, kerja-kerja pembinaan bangunan ini akan dimulakan pada awal tahun hadapan dan dijangka siap pada akhir tahun tersebut. Kota Kuala Muda akan mempunyai sebuah Pejabat Pos menjelang tahun 1979, akhir ataupun selewat-lewatnya pada awal tahun 1980.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan telah meminta supaya kakitangan pos di kawasan-nya ditambah di Sarawak supaya membolehkan surat-surat sampai ke tangan penerima-nya secepat mungkin. Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kakitangan Jabatan Pos akan ditambah sebanyak 447 orang pada tahun 1979, dari setahun ke setahun kakitangan pos akan ditambah mengikut keperluan-keperluan jabatan untuk kedua-dua bahagian pos iaitu bahagian pembangunan dan bahagian terafik.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah menyentuh berkenaan dengan tiga buah pondok telefon yang peruntukan bagi tahun 1977 di kawasanya masih belum lagi dipasang. Kementerian saya akan mengambil berat tentang pemasangan pondok-pondok telefon di luar bandar pada tahun 1977 dan 1978 sebanyak 238 buah pondok telefon baharu telah diluluskan berbanding dengan 87 buah pada tahun 1976. Tetapi dukacita saya memaklumkan bahawa masalah yang dihadapi untuk mempercepatkan pemasangan pondok-pondok telefon ini adalah disebabkan kekurangan tiang-tiang dan wire-wire yang tersebut.

Tuan Pengerusi, saya telah menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya dan saya harap jawapan-jawapan saya ini akan memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin juga menyatakan di sini bahawa kebanyakan dari masalah-masalah yang timbul adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang ada berkaitan dengan Jabatan-jabatan Kementerian saya dan juga yang di luar kawasan Kementerian saya. Faktor-faktor ada berkaitan dengan jabatan-jabatan yang melaksanakan rancangan-rancangan Kerajaan untuk kemudahan rakyat termasuk masalah kemampuan jabatan-jabatan ini, masalah teknikal atau fizikal dan peruntukan

yang telah diluluskan bagi memenuhi pelaksanaan projek-projek yang bertambah bagi sesuatu tempoh yang tertentu.

Faktor-faktor yang di luar kawalan Kementerian saya termasuk kekurangan bahan-bahan yang diperlukan di pasaran. Pengambilan tanah berkehendakkan kerjasama dari Kerajaan-kerajaan Negeri dan rakyat sendiri. Penentuan priorities senarai projek-projek yang dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang ada kalanya berasingan dengan keutamaan yang diberi oleh pihak-pihak lain termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat sendiri dan juga bagi jabatan-jabatan Kementerian saya mendapatkan kontraktor-kontraktor yang cekap dan bertanggung-jawab untuk menyediakan projek-projek ini dalam tempoh masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah membuat analisa mengenai faktor-faktor yang telah menyebabkan kemerosotan pelaksanaan projek-projek yang dirancangan itu dan membuat kajian bagi mendapatkan cara-cara mengatasi masalah-masalahnya.

Kemajuan yang dicapai dalam langkah-langkah yang telah diambil adalah menggalakkan dan jabatan-jabatan Kementerian saya akan terus berusaha dengan giat untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan projek-projek yang dirancangan serta memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada supaya objektif-objektif iaitu menyelaraskan dengan cekap dan berkesan dan mengawal segala aktiviti yang dikendalikan oleh jabatan-jabatan serta lembaga-lembaga di bawah Kementerian saya tercapai.

Sungguhpun saya sedar bahawa segala perkhidmatan yang telah dan yang akan dirancangan tidak mungkin dapat memenuhi kehendak-kehendak rakyat dengan 100% ini adalah disebabkan kehendak-kehendak rakyat akan sentiasa bertambah dari semasa ke semasa dan jabatan-jabatan Kementerian saya akan berusaha seberapa daya upaya untuk memenuhinya. Kementerian saya akan dari masa ke semasa menyemak dasar-dasar dan sekiranya perlu tindakan untuk mengubahsuaikannya akan diambil.

Tuan Pengerusi, mungkin juga ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak saya jawab di sini dan suka saya menyatakan

walaupun bagaimanapun Kementerian saya akan mengambil notis dan noted semua alasan-alasan dan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. Dan sekali lagi, Tuan Pengerusi, saya akan memberi terima kasih atas teguran-teguran dan komen-komen yang telah diberikan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Kementerian saya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,322,200 untuk Maksud B. 61, \$10 untuk Maksud B. 62 dan \$83,621,000 untuk Maksud B. 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual dan wang sebanyak \$118,553,387 untuk Maksud P. 61, \$557,600,000 untuk Maksud P. 62 dan \$10,851,400 untuk Maksud P. 63 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1979.

Kepala B. 64 (Jadual)—

Kepala P. 64 (Anggaran Pembangunan 1979)—

3.18 ptg.

Setiasaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick Anek Uren): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Belanja Mengurus yang ditunjukkan di bawah Kepala B. 64 berjumlah \$27,145,400 dan Belanja Pembangunan yang ditunjukkan di bawah Kepala P. 64 berjumlah \$4,950,630 diluluskan.

Anggaran Perbelanjaan Kementerian Kebajikan Am bagi tahun 1979 pada keseluruhannya melibatkan kelebihan sebanyak \$1,448,580 dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1978. Dari segi Anggaran Mengurus peruntukan berjumlah \$27,145,400 telah dipohon bagi tahun 1979, ini adalah melebihi Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1978 sebanyak \$1,476,000. Tambahan ini adalah juga dengan perkembangan aktiviti-aktiviti di bawah Kementerian ini dari tahun ke setahun.

Pada keseluruhannya organisasi Kementerian ini adalah tidak berubah. Selaras dengan objektif dalam memberi jagaan, perlindungan, latihan dan pemulihan untuk rakyat yang berkeperluan 7 jenis perkhidmatan iaitu perkhidmatan Pentadbiran Am, Pencegahan Keluarga dan Kanak-kanak,

Pemulihan Awam, Pemulihan Akhlak, Penyelidikan, Perancangan dan Penilaian serta Perkhidmatan Latihan telah direkabentuk.

Secara ringkas pembahagian peruntukan Anggaran Belanja Mengurus yang dipohon bagi tahun hadapan adalah seperti berikut:

\$12,535,550 adalah diperlukan untuk membiayai Emolumen Kakitangan;

\$8,926,550 diperlukan bagi Perkhidmatan dan Bekalan;

\$804,200 diperlukan bagi Pemilikan Harta Modal;

\$4,879,100 diperlukan bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang dikehendaki di bawah Anggaran Pembangunan bagi tahun hadapan ialah berjumlah \$4,950,630. Dari jumlah ini sebanyak \$600,020 adalah diperlukan untuk membiayai projek-projek dibawah perkhidmatan Pemulihan, \$2,200,030 untuk membiayai projek-projek di bawah Perkhidmatan Pemulihan Akhlak. Perkhidmatan Latihan memerlukan peruntukan sebanyak \$800,000 bagi pembinaan Pusat Latihan Kakitangan untuk Kementerian di Kuala Lumpur.

Berikutan dengan kuatkuasa Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973 ke Sabah dan Sarawak, peruntukan sebanyak \$700,000 adalah diperlukan untuk pembinaan Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis di Sarawak dan \$450,000 untuk Pusat yang sedemikian di Sabah. Pengurusan pengambilan tanah bagi kedua-dua projek ini telahpun selesai dijalankan dan kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula tidak lama lagi.

Tuan Pengerusi, saya telah dengan begitu ringkasnya kemukakan peruntukan untuk Kementerian ini bagi tahun hadapan untuk diluluskan kerana butir-butir yang lanjut boleh didapati dalam Buku Anggaran, 1979 dan Buku Belanjawan, 1979 yang telah diedarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Sekian, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 64 dan Maksud Pembangunan P. 64 di bawah Kementerian Kebajikan Am sekarang terbuka untuk perbincangan. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

3.23 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntukan bagi Kementerian ini, saya membawa kepada Maksud B. 64 dalam Aktiviti (2)—Perkhidmatan Pencegahan dan juga Aktiviti (4)—Perkhidmatan Pemulihan.

Dalam bahagian ini saya menekankan soal pengemis-pengemis yang terdapat masih berkeliaran di dalam bandar-bandar terutama makin besar bandar itu makin ramailah pengemis-pengemis ini menagih untuk meminta sedekah. Jadi nampaknya Kementerian ini atau pihak Kerajaan tidak begitu ber-sungguh-sungguh untuk menghapuskan ataupun untuk mencegah pengemis-pengemis ini daripada menjalankan kegiatannya kerana ini boleh menjatuhkan imej negara kita dan juga boleh membayangkan kedudukan masyarakat kita yang ada di saat ini. Oleh itu saya berharap pihak Kerajaan haruslah bertindak tegas untuk menghapuskan keadaan pengemis yang masih berkeliaran itu.

Dalam soal pengemis ini, sebenarnya kita dapati ada beberapa golongan pengemis. Ada pengemis tulin dan ada juga pengemis sambilan dan ada juga di antara pengemis itu pengemis profesyenal. Kalau pengemis profesyenal ini kita dapati memang sebagai satu pekerjaan mereka sehingga mereka dapat mengumpulkan wang beribu-ribu ringgit dan ada juga yang dapat berkahwin dua, ada rumahtangga, kadang-kadang di antara pengemis ini mereka itu menjadi ketua pengemis dan memeras pengemis-pengemis yang lain.

Jadi mereka ini kebanyakannya mempunyai tubuh yang sihat dan masih gagah, maka golongan ini yang sepatutnya Kerajaan mengambil tindakan menangkap dan mendenda, tidak hanya menangkap dan melepaskan begitu sahaja dan juga gerak-geri mereka haruslah sentiasa diperhatikan supaya perkara yang dilakukan itu tidak berulang lagi.

Pengemis tulin yang saya maksudkan iaitu yang mereka ini kebanyakannya mempunyai kecacatan anggota misalnya buta ataupun mungkin juga daripada golongan orang tua ataupun golongan keluarga yang tidak mampu. Jadi keluarga yang tidak mampu ini dan juga golongan yang cacat anggota ini

sekiranya mereka mendapat bantuan daripada Kebajikan Masyarakat ini, bantuannya adalah tidak mencukupi dan dengan sebab itu mereka terpaksa mengemis. Ada juga pengemis sambilan, kadang-kadang pengemis ini ketika dia lapar dia mengemis, kerana mereka ini adalah daripada golongan yang separuh gila atau kurang akal. Golongan ini masih merayau-rayau dalam bandar. Kalau di Kuala Lumpur ini kita tengok di tengah jalan, sebelum saya sampai ke Dewan inipun saya nampak ada dua tiga orang pengemis yang tidur terlentang di tengah jalanraya. Ini adalah membayangkan bahawa pihak kita tidak mahu mengambil tindakan tegas. Ini merupakan satu kekotoran di dalam masyarakat kita.

Untuk mengambil mereka-mereka ini, kita harus mengadakan satu ujian ataupun apa untuk mengambil mereka ini untuk dimasukkan ke dalam Pusat-pusat Pemulihan kerana kalau tidak, maka mereka ini sepatutnya semua diambil dan dimasukkan ke dalam pusat-pusat Pemulihan.

Selain daripada itu, penguatkuasaan (enforcement) yang patut kita adakan bagi menangkapnya setiap masa, bukan kadang-kadang masa hendak ambil tindakan dengan sekali sebulan atau dua kali sebulan. Kalau kita adakan seminggu sekali maka pengemis ini akan takut dan tidak akan cuba mengemis lagi dan juga untuk mengawasi supaya pengemis yang ditangkap itu tidak akan lari, kerana kalau kita dapat jaga dalam penjara supaya orang yang dipenjarakan tidak lari, maka kepada pengemis inipun kita boleh buat enforcement atau jagaan yang lebih kemas dan rapi lagi.

Kita banyak menerima alasan bahawa pihak pengemis ini tidak begitu suka untuk masuk ke Pusat-pusat Pemulihan dan ada yang masuk ke Pusat Pemulihan lari dari Pusat Pemulihan itu. Ini saya rasa alasan yang paling tipis, cuma alasan untuk melepaskan daripada kenyataan yang tersebut. Dan juga pihak Kebajikan ini harus membuat satu kempen kepada orang ramai supaya jangan membantu pengemis-pengemis ini yang menagih di tepi-tepi jalan, kerana kadang-kadang itu kita berasa kasihan juga melihat mereka yang duduk menagih di tepi-tepi jalan itu, kadang-kadang diribanya anak. Anak yang diriba itu kadang-kadang disewa anak saudaranya dengan diberi

bayaran: saya dengar cerita kalau dia dapat \$10, dibayar \$2. Jadi peminta sedekah ini memang lumayan pendapatannya. Inilah sebab mereka tidak mahu duduk di Pusat-pusat Pemulihan.

Kepada golongan yang tidak bernasib baik ini, selalunya Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi bantuan; ada juga bantuan daripada pihak negeri. Tetapi bantuan itu sememangnya tidak mencukupi kalau diberi hanya \$10 hingga \$30 sebulan bagi orang yang cacat atau buta; dan diberinya 2 bulan sekali. Memanglah ini merupakan bantuan, tetapi mereka ini kalau betul-betul cacat anggotanya memang tidak dapat membuat kerja. Jadi apa yang saya pentingkan di sini ialah menitikberatkan soal pengemis tulin yang cacat anggotanya atau yang tidak dapat membuat pekerjaan patut diberi bantuan lebih banyak. Ini mengelakkan daripada ramainya pengemis-pengemis ini berkeliaran di dalam bandar.

Selain daripada itu saya cuba juga menyentuh soal di dalam bahagian pencegahan iaitu wanita-wanita dan gadis yang rosak akhlak ini. Saya rasa mencegah daripada perkara itu berlaku adalah lebih baik daripada kita memulihkan yang telahpun terjerumus ke dalam kerosakan akhlak ini. Kerana sekarang ini kita dengar ada sindiket atau kumpulan yang cuba menipu anak-anak gadis kita dan ada juga kita dengar yang kahwin sampai 12 kali atau 12 isteri. Mereka ini dibawa ke bandar, dan di situlah kita kata penipuan berlaku. Juga kita dapati ada pihak yang menggunakan gadis-gadis ini untuk menambahkan pendapatan mereka. Oleh itu saya mintalah pihak Kementerian supaya mengadakan operasi penerangan di samping kerjasama dengan Jabatan Penerangan di daerah-daerah di penda'aman untuk menerangkan kepada ibubapa-ibubapa dan juga kepada gadis yang tidak faham akan kedudukan yang sebenar di dalam negara kita ini dan jangan mudah mempercayai untuk mengkahwini anaknya ataupun memberikan anaknya kepada orang yang tidak tahu usul-asalnya.

Perkara ini memang berlaku berleluasa terutama berlaku di pusat-pusat pekerjaan dan sebagainya. Kita selalu dengar tempat-tempat yang banyak gadis-gadis kita datang oleh orang-orang seolah-olah mereka itu pegawai besar (executive) untuk meminta

atau mencari gadis-gadis muda kononnya untuk diberi pekerjaan tetapi sebenarnya ialah kebanyakannya sindiket penipu gadis-gadis kita. Gadis yang terjerumus di dalam keruntuhan akhlak ini se alu mereka tidak akan kembali kerana hidupnya telahpun musnah, jadi mereka ini tidak muah kembali kepada keluarganya dan tidak akan meninggalkan apa yang dilakukannya i.u kerana sekali dia termusnah maka termusnahlah hidupnya buat selamanya. Oleh itu

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Sedikit lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh lagi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Sebelum Ahli Yang Berhormat meneruskan ucapan, saya akan minta Yang Berhormat Menteri atau Setiausaha Parlimen menjawab pada pukul 4.15 petang atau sebelum daripadanya. Sila.

3.32 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh P. 64, Butiran 3 (vii), muka surat 488.

Saya bangun untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am kerana dapat mengadakan satu Pusat Pemulihan Penagih Dadah di Sungai Petani. Ini bermakna Kerajaan telah memandang lebih serius di atas perkara dadah, dan sedang membanyakkan pusat-pusat pemulihan dadah di beberapa tempat.

Kita sedar yang menjadi penagih-penagih ini ialah anak-anak muda dan yang mendapat untung ialah taukeh-taukeh besar. Kalau kita tidak mengatasi dan mengubati muda-mudi ini alangkah rugi jenerasi kita di masa hadapan. Kerajaan dan ibubapa sungguh mengharapkan tenaga, buah fikiran

dan ilmu pengetahuan daripada muda-mudi tetapi keciwa apabila segolongan daripada mereka telah dipengaruhi oleh dadah.

Tuan Pengerusi, menyentuh Butiran 4, muka surat yang sama juga iaitu Rumah Kakitangan, Pembaharuan, Pembaikan dan Tambahan kepada Pertubuhan-pertubuhan/Rumah yang ada.

Sukalah saya memaklumkan iaitu rumah orang tua di Bidong yang ada pada masa sekarang ini telah dibina pada tahun 1952 iaitu sebelum merdeka. Sungguhpun tempat masak, dewan makan telah dibuat baru, masalah wad-wad, tempat kediaman orang-orang tua dan banyak lagi juga rumah-rumah bagi kakitangan dan pekerja-pekerja di situ masih dalam keadaan uzur. Dinding di rumah-rumah itu telah dimakan anai-anai dan juga di bahagian bumbung.

Satu perkara lagi, untuk makluman Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am dawai-dawai letrik di semua wad-wad kecuali yang baru semuanya sudah lama dan bimbang juga kalau terjadi kebakaran.

Tuan Pengerusi, menyentuh satu perkara sahaja, iaitu Maksud B. 64, Butiran 1100, Aktiviti (3) Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini yang telah memberi beberapa banyak bantuan kepada perkhidmatan keluarga dan anak-anak.

Tetapi rasa saya peruntukan yang diberi kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjaga tugas tidaklah begitu besar. Saya harap dapat ditambahkan lagi. Oleh kerana terjadi beberapa perkara di atas perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak sebab apabila matinya ketua keluarga iaitu ayah atau bapa kepada anak-anak tadi dan ibu yang tinggal dengan mempunyai anak yang ramai dan kadang-kadang ada nenek tua pula dalam sebuah rumah itu dan juga ibu yang sedang mengandung dan melahirkan anak yang lebih-lebih kecil lagi dan pihak ibu tadi tidak dapat bekerja. Di dalam tempat-tempat beginilah saya rasa perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak patut kita luaskan lagi supaya anak-anak yang berumur belasan tahun tidak diberhentikan daripada pergi sekolah dan ibu yang tidak dapat cari makan seperti bekerja di tempat-tempat per-

tanian. Di dalam masa inilah saya rasa sangat mustahak bagi Kementerian ini memberi bantuan-bantuan kepada keluarga yang kena kemalangan yang terjadi kematian bapa kepada keluarga-keluarga tadi.

Saya harap peruntukan yang diberi kepada Kementerian Kebajikan Am sebanyak \$32,096,030 ini dapat dilipatgandakan kerana kalaulah sesebuah keluarga itu dengan kedudukan yang begitu uzur dan begitu susah tidak dapatlah keluarga itu menampung anak-anak yang ramai, dan sudah tentulah kedudukan rumah tangga dan anak-anak itu tidak terjamin di masa hadapan. Maka dengan ini saya lagi sekali menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Baling.

3.38 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh Maksud B. 64 Butiran 1100, Aktiviti (2) dan (3).

Pertama-tamanya saya merasakan bahawa di dalam perkembangan di dalam negara yang sedang menghadapi perkembangan, kita dapati Kementerian Kebajikan Am ini nampaknya makin berkurangan aktiviti dengan kekurangan pegawai-pegawainya terutama di dalam memberi perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak.

Saya sangat meragukan tentang peranan Kementerian Kebajikan Am dalam soal menjaga keluarga dan kanak-kanak terutama di dalam menghadapi masalah-masalah keluarga dan kanak-kanak di luar bandar dan saya rasa Kementerian Kebajikan Am tidak mengambil berat tentang penderitaan-penderitaan dan juga kesulitan-kesulitan serta keadaan-keadaan kemasyarakatan yang dihadapi oleh kanak-kanak dan juga keluarga di daerah luar bandar. Rata-rata khususnya di tempat saya, saya tidak pernah pun mendengar bahawa pihak Kementerian Kebajikan Am ini mengambil tahu secara serious mengenai masalah-masalah ini padahal kita dapati bahawa masalah-masalah ini terutamanya keadaan anak-anak yatim banyak sekali di daerah-daerah luar bandar. Dan begitu juga orang-orang tua yang sedikit pun tidak diambil

pusing oleh Kementerian Kebajikan Am dan saya sungguh meragukan tentang kerja-kerja Bahagian Penyelidikan (research). Apakah yang dilakukan oleh Bahagian Penyelidikan sehingga tidak membuat suatu penyelidikan yang boleh Kementerian Kebajikan Am ini meluaskan kegiatan-kegiatannya dan mengadakan lebih banyak lagi perkhidmatan-perkhidmatan kepada rakyat, padahal masalah-masalah yang dihadapi oleh negara, oleh masyarakat kita dapat dimainkan peranan oleh Kementerian Kebajikan Am secara yang begitu luas sekali terutamanya di dalam mencegah pengaruh-pengaruh ataupun keadaan-keadaan yang tidak sihat yang berlaku akibat penghijrahan gadis-gadis ke bandar-bandar misalnya. Adakah pihak Kementerian Kebajikan Am mengadakan kegiatan-kegiatan yang berkesan ke arah mengatasi masalah-masalah sosial yang seperti ini?

Dahulu memang saya ada dengar bahawa pihak Kementerian Kebajikan Am akan mengadakan asrama-asrama bagi menempatkan gadis-gadis yang datang berhijrah ke bandar-bandar untuk mendapatkan pekerjaan. Tetapi sampai sekarang ini kita tidak mendengar dan kegiatannya kalau adapun mungkin kegiatan-kegiatan itu sangat kecil dan tidak dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh negara dan masalah-masalah yang dihadapi oleh gadis-gadis yang berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan di kilang-kilang.

Saya suka mencadangkan kepada Kementerian Kebajikan Am ini supaya memperbaiki dirinya menjadi satu Kementerian yang penting dan sekarang ini saya dapati bahawa agaknya dengan perbelanjaan yang ada, dengan kekurangan pegawai-pegawai yang sudahpun kurang kemudian dikurangkan pula dalam budget tahun 1979, ini yang menunjukkan bahawa Kementerian Kebajikan Am menghendaki dirinya supaya menjadi lebih leceh lagi daripada Kementerian-kementerian yang lain. Padahal ia mempunyai tugas-tugas yang sungguh besar yang boleh menentukan bahawa negara ini akan menjadi sebuah negara kebajikan jika sekiranya Kementerian Kebajikan Am ini memainkan peranan yang berkesan untuk mengatasi masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh negara kita. Jadi dengan sebab itulah saya tidak menyokong peruntukan

tahun 1979 ini kerana ia tidak menunjukkan perubahan-perubahan yang besar, tidak menunjukkan bahawa Kementerian Kebajikan Am mempunyai inisiatif untuk memperkembangkan lagi kegiatan-kegiatannya sehingga menyeluruh ke segenap pelusuk negara ini terutamanya di luar-luar bandar. Kegiatan-kegiatan Jabatan-jabatan Kebajikan di luar bandar adalah terbatas dan kalau ada kegiatan-kegiatan yang disuarakan atau yang menonjol ialah apabila ada sebuah atau dua buah rumah yang terbakar maka itulah disiarkan dalam suratkhbar mengatakan bahawa Jabatan Kebajikan Am ini sudah menghulurkan derma yang begitu kecil sekali. Begitu juga bantuan-bantuan kepada orang-orang tua atau orang-orang yang miskin hanyalah terhad dan ia tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi, yang besar, yang dapat memberi bantuan yang sebanyak mungkin kepada orang-orang yang memerlukan bantuan ini terutamanya kepada orang-orang tua. Kita dapati bahawa di kampung-kampung atau di luar bandar orang-orang tua ini hanya menumpang di pondok-pondok sahaja dan mereka mendapat perlindungan di pondok-pondok terutama di Kelantan dan di Kedah, di mana di sana bahagian pondok-pondok itu ada disebutkan sebagai pondok dalam. Di Kedah saya dapati terdapat orang-orang tua yang berlingung di pondok-pondok ini, jadi kalau sekiranya dapat dikaji pondok-pondok ini di mana orang-orang tua yang tidak ada waris lagi menjadikan pondok-pondok ini tempat perlindungan, kemungkinan bahawa Kementerian Kebajikan Am boleh mengkaji kedudukan pondok-pondok ini dan memberi bantuan kepada pondok-pondok ini sebagai tempat perlindungan kepada orang-orang tua dan juga kepada kanak-kanak juga anak-anak yatim yang berlingung di bawah naungan pondok-pondok ini. Ini kalau sekiranya pihak Kementerian Kebajikan Am menjalankan penyiasatan yang rapi terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh keluarga dan orang-orang tua serta anak-anak yatim ini, saya rasa bahawa Kementerian Kebajikan Am akan dapat melihat bagaimana besarnya tugas Kementerian ini dan bagaimana besarnya peranan yang seharusnya dimainkan oleh Kementerian Kebajikan Am.

Begini juga Bahagian Pencegahan ini, tadi saya telah sentuh mengenai pencegahan terhadap masalah-masalah gadis-gadis yang

berhijrah ke bandar-bandar ini. Sebelum perkara-perkara yang buruk yang sering kita dengar itu berlaku yang awal umpamanya apabila sebuah industri didirikan ataupun yang menghendaki pekerja-pekerja terutama kilang atau industri itu menghendaki pekerja-pekerja wanita, maka Kementerian Kebajikan Am perlulah mengambil langkah-langkah yang awal sebelum perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Itulah harapan saya kepada pihak Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am supaya beliau lebih lagi melihat pentingnya Kementerian ini untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat dan ia tidak seharusnya merasakan inferiority complex sehingga tidak dapat mengemukakan rancangan-rancangan, sehingga boleh menjadikan Kementerian ini sebagai Kementerian yang penting yang boleh mewujudkan satu welfare state kepada negara ini. Jika sekiranya ia mengemukakan atau menjalankan penyelidikan-penyelidikan dan mengetahui tentang tanggungjawabnya yang sebenar untuk kebajikan masyarakat negara ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Parit.

3.47 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang bersama-sama dengan rakan-rakan saya bercakap peruntukan B. 64, Butiran 1100, muka surat 483 Aktiviti (1) Pentadbiran Am bagi Kementerian Kebajikan Am.

Tuan Pengerusi, memandangkan dari angka jumlah wang yang diperuntukkan bagi Kementerian ini saya nampak amatlah kecil dan perlulah ditambah lagi. Ini ialah kerana perkara yang menjadi beban besar yang dihadapi oleh Kementerian ini ialah bagi menyelenggarakan soal memulih penagih dadah. Kakitangan selengkapnya perlulah ditambah bagi memperkemarkan jentera Jabatan berkenaan di semua peringkat.

Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kebajikan Am kerana selain daripada pengalaman yang banyak yang diperolehinya selaku Menteri Kebajikan Am beliau telah dapat menyelesaikan beberapa masalah yang ada hubungannya dengan Kementerian beliau di mana saya ketahui sendiri bagi

melayan soal-soal bantuan kebajikan memerlukan pengalaman yang cukup, kakitangan yang perlu ditambah bagi menyelenggarakan kerja-kerja kebajikan khususnya dalam memberi bantuan kepada mereka yang kurang mampu bukan sahaja patut dibuat oleh Jabatan Kebajikan Peringkat Negeri malah di peringkat daerah juga. Bayaran kepada mereka yang menerima bantuan tetap dari bulan ke bulan mengikut meritnya atau mengikut keadaannya. Jika boleh, hendaklah dikaji dari satu masa ke satu masa memandangkan keperluan perbelanjaan hidup terlalu tinggi sekarang ini. Sementara bantuan atau allocation untuk badan-badan sukarela seperti MAPTB, Majlis Kebajikan atau Central Welfare Council, Majlis Kebajikan Kanak-kanak dan lain-lain yang menerima bantuan dari Kementerian hendaknya perlu dikaji semula. Ini memandangkan bahawa badan-badan sukarela seumpama ini banyak memberikan tenaga bantuan dan mereka yang ditugaskan hanya duduk sebagai jawatankuasa tanpa sebarang elaan.

Mengenai Aktiviti (4) dalam muka surat yang sama, kalau tak salah saya, sekarang didapati 32 pusat pemulihan dadah dan di tiap-tiap pusat ini ditempatkan seramai lebih kurang 500 bagi sesebuah negeri. Apa yang mendukacitakan sedikit ialah di Johor, masalah kawasan tanah belum dapat diselesaikan lagi; permohonan sebidang tanah untuk binaan sebuah pusat pemulihan penagih dadah belum diselesai. Dari jumlah penagih dadah yang telahpun mencapai angka 62,000 orang yang kita tahu, yang kita tak tahu berapa ribu lagi. Saya kira Kementerian ini perlulah menambah bilangan pegawai dan kakitangan khususnya dalam bidang rawatan sehari-hari penagih-penagih ini yang ditempatkan di pusat pemulihan. Ini bertujuan supaya bukan sahaja penyakit bagi penagih itu dapat disembuhkan dengan segera, malahan dapat dipergunakan jumlah tenaga manusia yang keluar daripada pusat itu setelah mendapat rawatan.

Mengenai penagih-penagih dadah itu sendiri, saya percaya Kementerian Kebajikan Am hendaknya mendapat kerjasama lebih rapat lagi dengan Jabatan Polis dan Kastam kerana rekod-rekod tertentu seperti adakah pengedar-pengedar yang ditangkap itu masih membuat hubungan dengan mereka yang sedang menerima rawatan atau telah

menerima rawatan. Dalam pada itu pengawasan dan jagaan rapi bagi penagih dadah ini selain daripada usaha memulihkan penyakit-penyakit mereka, mereka perlu diberikan dengan pelajaran sivik yang sekiranya boleh memandu mereka apabila keluar dari pusat pemulihan. Ini satu pertolongan besar kepada mereka.

Mengenai pemulihan akhlak seperti rumah-rumah kebaikan, sekolah-sekolah pemulihan akhlak saya kira yang ada di Melaka patut dilengkapkan dengan kawalan yang lebih ketat dan pelajaran pendidikan kepada mereka yang menerima rawatan itu hendaknya biarlah diperbaiki lagi. Terdapat sebuah sekolah, iaitu Sekolah Perempuan Lerek di Melaka. Sekolah ini telah dapat mendidik akhlak yang begitu baik kepada gadis-gadis yang ditempatkan di sekolah itu, akan tetapi rekod-rekod ada juga menunjukkan bahawa kawalan tidak begitu memuaskan. Ini patut dikaji dari satu masa ke satu masa. Memandangkan perkara ini penting juga, saya kira Kementerian Kebajikan Am dapat menyediakan guru-guru yang cukup terlatih kalau tidak pun mendapatkan pakar-pakar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

3.54 ptg.

Tuan Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 64, Butiran 1100, Aktiviti (2), Perkhidmatan Pencegahan. Kementerian ini ataupun Jabatan Kebajikan Am telah menjalankan beberapa perkara ke arah mencegah maksiat; ceramah-ceramah, pameran-pameran, tayangan filem, poster di sekolah-sekolah dan sebagainya telah diadakan, tetapi walaupun langkah-langkah seperti ini telah diambil masih juga berlaku perkara-perkara seperti penghisapan rokok di kalangan budak-budak sekolah, penghisapan ganja ataupun dadah, peminuman, pelacuran dan sebagainya. Kebetulan juga kita ini sedang berada dalam Bulan Dakwah dan banyaklah forum-foram, seminar-seminar, sedang dijalankan.

Langkah-langkah seperti di atas yang telah saya katakan tadi ialah langkah jangka pendek yang positif, tetapi sekalipun langkah-

langkah itu positif namun boleh juga ia menghasilkan kesan-kesan negatif. Contohnya kita tayangkan filem mengenai ganja ataupun dadah dan bahayanya kepada budak-budak sekolah, begitu juga ceramah diadakan pula untuk budak-budak sekolah mengenai menghisap rokok, bahayanya merokok, bahayanya minum arak, bahayanya menghisap dadah dan sebagainya.

Dalam menjalankan langkah-langkah itu seperti yang saya sebutkan tadi, kita dengan secara tidak langsung mendedahkan anak-anak kita ataupun budak-budak yang dewasa dengan lebih dekat lagi kepada dadah, rokok, maksiat dan sebagainya. Memang ada kesan baiknya tetapi kita mesti ingat bahawa anak-anak sekolah adalah golongan yang berada dalam lingkungan umur yang perasaan ingin tahunya begitu kuat sekali. (*Dengan izin*) Budak yang meningkat umur they have a very strong anxiety to know. Ada yang setelah mendengar banyak sangat ceramah, pameran mengenai perkara-perkara yang merbahaya yang tidak seharusnya kita lakukan, balik dari ceramah dan sebagainya, lepas mendengar dan melihat dan terus melakukan. Sebab apa? Sebab mereka ini berada dalam tingkat umur yang ingin tahu.

Saya cadangkan supaya perkara-perkara yang merbahaya seperti ini yang boleh meruntuhkan akhlak anak-anak kita tidak seharusnya dipercakapkan begitu banyak dan tidak seharusnya juga diberi ceramah kepada budak-budak yang belum mengetahui perkara-perkara yang mungkin membawa bahaya ini, kerana kita takut nanti sekalipun niat kita melakukan ceramah-ceramah, pameran-pameran, tayangan-tayangan filem mengenai dadah adalah baik, tetapi di sebaliknya ada juga tujuannya ialah membawa hasil yang negatif.

Tuan Pengerusi, saya juga mencadangkan supaya gadis-gadis yang datang ke bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Kuching (Sarawak) hendaklah dijaga dengan cara semasa mereka datang itu kita sediakan satu pusat di mana mereka seharusnya melaporkan diri sebelum mendapat pekerjaan, kerana ramai gadis-gadis dari kampung pada masa ini datang ke bandar-bandar besar untuk mengharapkan pekerjaan tetapi tempat tinggal tidak tahu dan sebagainya. Oleh kerana itu, saya cadangkan supaya Kementerian ini mengadakan pusat di tiap-tiap

bandar besar untuk gadis-gadis yang tidak mengetahui apa-apa hal yang berlaku di bandar-bandar ini tetapi memerlukan pekerjaan untuk melaporkan diri supaya jalan mereka akan terkawal dan terjaga.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Maksud B. 64, Butiran 1100, Aktiviti (4), Perkhidmatan Pemulihan, dadahlah katakan. Saya lihat dalam peruntukan tidak ada pusat pemulihan dadah di Sarawak; sekalipun beberapa bulan yang lepas telah dilaporkan ada beberapa orang penghisap ataupun penagih dadah ini telah jatuh meninggal dunia (mati), bukan meninggal dunia di rumah tetapi meninggal dunia di pekan ataupun di pasar besar di Kuching. Oleh kerana kesan penagihan dadah ini adalah serius di Sarawak, saya rasa adalah wajar untuk Kementerian mencadangkan atau merancangkan supaya ditubuhkan pusat pemulihan dadah berasingan di negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya rasa tidak ada lagi apa yang hendak saya cakapkan. Mengenai B. 64

Tuan Pengerusi: Ini mana yang betul; tak ada lagi atau ada lagi?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Maksud B. 64, Butiran 1100, Aktiviti (3)—Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak. Saya rasa perbelanjaan untuk ini perlu dikaji semula kerana sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Baling tadi, di kawasan-kawasan luar bandar banyak aktiviti-aktiviti kebajikan harus diadakan dan pada masa ini poket MPs kadangkala terpaksa dikosongkan kerana melakukan amal kebajikan ini. Saya rasa Kementerian Kebajikan Am ini haruslah raise fund supaya dapat membantu keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan bantuan ini. Saya rasa itulah sahaja dan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

4.01 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, Maksud B. 64, terlebih dahulu saya bercakap tentang Pentadbiran. Saya berpendapat peruntukan yang telah diberi kepada Kementerian ini saya bersetuju

sangat dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani tadi, sepatutnya ditambah lipat ganda lagi dengan alasan kalau dibanding dengan perbelanjaan negara kita yang ada, kalau tidak silap saya berkepalakan \$13 juta, belanja untuk Kementerian ini \$32 juta, jadi amatlah sedikit kalau hendak dikira peratus tidak silap saya tidak sampai 2-3%.

Kalau kita hendak mengikut cara Islam, baik cara belanja hari-hari, baik cara Islam kalau hendak ikut kita bayar zakat harta, kalau tidak silap saya 10%, walaupun yang kita belanja hari-hari itu sebagai satu kebajikan juga tetapi zakat khas mesti kena ada. Begitu juga perbelanjaan kita dengan Kerajaan kita kena bayar income tax dan sebagainya itu untuk kebajikan khas, selain daripada apa yang kita buat dalam segi Kementerian Pelajaran dan sebagainya. Maka dengan sebab itu, saya berpendapat tambahan yang berlipatganda sebagaimana yang dikatakan oleh sahabat saya tadi amat perlu di segi cara adat kita baikpun di segi syarak, pada kebajikan ini amatlah perlu di samping kita membuat perkara-perkara yang lain.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya juga berharap kepada Kementerian yang berkenaan selain daripada ikhtiar wang sendiri yang dikeluarkan oleh Kerajaan mencari jalan, kalau boleh badan-badan swasta atau industri-industri kaya supaya sanggup menjadi bapa angkat kepada rumah-rumah pemuliharaan, misalnya. Saya kata begitu sebab ada di antara industri-industri yang kaya yang sanggup menjadi bapa angkat kepada binatang-binatang seperti gajah dan sebagainya. Ada saya dengar beberapa bulan yang lepas, ada binatang gajah yang tidak sanggup dibagi makan oleh Zoo, ada industri-industri ini yang sanggup menjadi bapa angkat untuk membela binatang-binatang ini, mustahil pula kepada manusia yang sejenis dengan taukeh ataupun saudagar yang ada industri tadi tidak sanggup hendak menjadi bapa angkat kepada manusia yang sejenis dengannya. Saya yakin perkara ini dapat diikhtiar sendiri, daya usaha daripada Kementerian yang berkenaan, khususnya daripada Yang Berhormat Menteri sendiri. Ini harapan saya.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya juga bercakap berkenaan dengan perkhidmatan keluarga tadi, terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada akhbar. Akhbar telah memainkan peranan yang amat penting dalam membantu keluarga-keluarga yang ketinggalan dan ditimpa kesusahan. Kadang-kadang kita sendiri sebagai wakil rakyat dan setengah orang kampung tidak terfikir, tidak sempat nampak, tetapi dengan adanya pertolongan akhbar, sama ada *Utusan Melayu* atau akhbar-akhbar lain, saya sungguh-sungguh ucapkan tahniah dan terima kasih banyak dan saya yakin peranan yang dimainkan oleh akhbar ini selain daripada sebagai tugas mereka untuk memberitahu kepada umum, saya yakin mendapat pahala dari Tuhan kerana dua sebab.

Satu, kerana peranan-peranan yang dimainkan oleh akhbar dengan sebab itu juga dapat diketahui oleh setengah-setengah penderma yang ingin menderma dan setengahnya yang ingin menjadi bapa angkat. Dengan sebab itu, kadang-kadang Pejabat Kebajikan sendiri tidak tahu ada orang yang terlantar susah, dengan kerana peranan akhbar, dapat diketahui. Ini saya tengok, bahan dan bukti dalam akhbar sangat banyak, dan juga kadang-kadang akhbar bukan setakat itu sahaja, mereka juga sanggup menjadi penganjur untuk mengutip derma kepada kanak-kanak. Misalnya kalau tidak silap saya dua tiga bulan yang lepas yang mana 9 orang kanak-kanak adek-beradek telah menjadi yatim-piatu dengan serta-merta. Kesimpulannya, oleh kerana peranan yang dimainkan oleh akhbar ini dapat diketahui oleh umum yang akhirnya dapat bantuan daripada setengah daripada dermawan dan dapat simpati yang baik daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat. Maka dengan sebab itu, saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih dengan perasaan yang sungguh terharu kepada peranan-peranan mereka ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya berharap sangat, sebagaimana saya katakan tadi, negeri saya Perlis negeri yang kecil, orang susah ini patut kita jaga, jaga sungguh-sungguh, kalau kita tidak jaga orang susah ini tidak baik, Tuhan pun suruh sangat. Di samping kita senang, kita jaga orang susah ini.

Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, kadar yang kita bagi kadang-kadang perbelanjaan ini tidak begitu mencukupi. Yang sedihnya, khususnya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, Perlis negeri kecil, miskin pula. Ini terus terang saya menyatakan, bila saya sendiri dan beberapa orang minta kepada Jabatan Kebajikan bantuan yang pada pendapat kita patut diberi kepada orang yang berkenaan. Kata Pejabat Kebajikan: wang tidak ada. Minta kepada Negeri, Negeri kata kita pun tidak ada wang. Minta kepada Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat bagi sedikit. Ini saya berharap kalaulah kepada negeri lain dibagi, Perlis hendaklah dilipatgandakan. Ini bukanlah saya hendak memihak setengah negeri, sebab negeri Perlis ini sebuah negeri yang sangat kekurangan di segi kewangan dan sekali lagi saya merayu cara pemberian.

Saya biasa bercakap secara mulut dengan pihak Jabatan yang berkenaan, dengan pihak Menteri dan saya ulang sekali lagi apa yang saya kata ini adalah kenyataan dan tepat. Pemberian ini biarlah menasabah. Saya masih dukacita kerana pemberian kepada yang menjadi mangsa, baik cacat atau orang yang susah, kena ribut dan sebagainya, tentang perbezaan pemberian. Misalnya pemberian kepada yang kena ribut. Ini tidak menasabah. Kalaulah aturan ini tidak dipinda dan dipinda pula aturan itu tidak menasabah. yang tidak boleh dipinda ini hukum Tuhan, itupun kalau sudah keadaan memerlukan, misalnya satu benda itu haram, tidak boleh dimakan, kalau keadaan memerlukan, boleh dimakan, inikan pula Perlembagaan, aturan yang tidak boleh dipinda ini saya cukup dukacita. Sepertimana saya katakan tadi, mangsa ribut. Kadang-kadang mangsa yang membawa kerugian tidak sampai ataupun dalam kadar \$400, ada yang mendapat bantuan kadar \$400 juga. Tetapi kadang-kadang kebakaran yang tidak dapat dielak biasa dikata orang kalau disamun dan dicuri ini kalau kita tidak lawan, dia ambil tidak habis, ditinggalkan juga rumah dan kain buruk yang dia tidak buat apa. Tetapi kalau kebakaran tidak ditinggalkan apa-apa, melainkan abu sahaja yang ada. Kadang-kadang bantuan ini disamakan dengan mangsa ribut. Kalau bantuan ribut pun diberi \$400, bantuan kebakaran pun tidak boleh lebih daripada \$400, paling kuat \$600.

Ini tidak menasabah. Berilah agak menasabah, 1%, 2% ataupun 20%. Ini tidak menasabah sangat-sangat. Kalau undang-undang ini sudah tidak boleh dibuat, pinda undang-undang ini. Saya harap sangat-sangat, bila sampai masanya. Janganlah kita tangguh kepada masa yang lama lagi.

Tuan Pengerusi, bercakap saya juga tentang pencegahan. Orang yang susah patut kita tolong. Di samping itu saya juga bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi, dalam bandar kita ini masih ada lagi orang yang berkeliaran meminta sedekah dan sebagainya. Kita sebagai manusia merasa simpati, tetapi yang kita sedih, kadang-kadang ada di antara yang mencari kesempatan yang tidak sepatutnya, ia meminta sedekah, yang paling sedih lagi dan memalukan dan mencemarkan lagi, kita tidak menghina setengah kaum, sebagai manusia kita tidak boleh menghina di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Ini tidak boleh—berdosa di segi agama, tetapi yang menyedihkan, memalukan dan mencemarkan, ada di antara pengemis-pengemis tadi di samping membawa cara orang hendak meminta sedekah, baunya busuk, dengan penuh mabuk dan sebagainya. Ini saya berharap dua perkara. Satu, kepada yang betul-betul kita tengok susah, ambillah segera, bawa ke tempat pemulihan dengan serta-merta, jangan biarkan orang susah ini berkeliaran di merata tempat dan kepada manusia tadi yang mengambil kesempatan dengan mabuknya pula, ada orang dapat mabuk pula, kalau hendak dijel pun, bublehlah manusia seperti ini. Inilah harapan saya. Tetapi selepas dikaji dengan teliti betul-betul kepada yang susah, patutlah kita tolong dengan seboleh-boleh kita dan kepada yang mencari kesempatan dengan mengambil wang dan mabuk dan masa meminta dia mabuk, kita kena ambil tindakan. Ini saya harapkan kalaulah pegawai tak cukup tolonglah tambah dan buatlah peperiksaan perbuatan mengemis ini terlampau banyak sangat berlaku, tengah hari tadi pun berlaku seorang manusia tidur di atas jalanraya di Jalan Tuanku Abdul Rahman, saya sendiri tengok dengan mata-kepala saya sendiri. Siang malam perkara begini berlaku

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Shaari bin Jusoh: Jadi kesimpulannya Tuan Pengerusi, saya berharap kepada Kementerian berkenaan tambahlah peruntukan ini lagi dan bantulah orang miskin melalui kebajikan baik melalui akhbar seperti yang kita tahu atau dengan cara dibagi kepada ketua-ketua kawasan dan sebagainya. Ini kita buat dari segi peri kemanusiaan dan dapat berkat dan pahala dari Allah.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.11 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas belanjawan Kementerian Kebajikan Am bagi tahun hadapan dan mengucapkan tahniah di atas kerja usaha yang begitu gigih Kementerian ini dengan mendapat wang yang begitu kecil tetapi melaksanakan pentadbiran begitu baik, begitu kemas. Tetapi ada beberapa kekurangan yang saya dapati dan saya akan tegur di sini iaitu sebagaimana kata Ahli dari Kangar tadi kekurangan pegawai. Saya nampak bagi negeri Perlis ada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri, tetapi di daerah Batang Padang contoh yang saya beri sampai ke Tanjong Malim, cuma ada seorang pegawai yang meliputi kerjanya sehingga ke kawasan Cameron Highlands. Jadi ada pembantu pegawai, seorang ataupun dua orang tetapi selalu pejabat itu kosong, kadang-kadang apabila cuti tahunan, pegawai dari Ipoh datang membantu ataupun membuat kerja di Batang Padang. Ini ternampaklah kalau pegawai kurang, pelaksanaan kerja tentulah tak begitu baik, bukan tak ada dedikasi pegawai, tetapi tidak ada pegawai yang cukup.

Selain dari itu pegawai ini juga di bawah P. 64, muka surat 483, Butiran 1100 berkenaan dengan Gaji dan Upahan, pegawai-pegawai ini hendaklah cekap dan kalau dapat biarlah dilantik pegawai daripada pegawai biasa, tetapi pembantu kebajikan seboleh-bolehnya hendaklah daripada yang berkelulusan agama kerana mereka melayani berbagai-bagai keadaan yang berkaitan dengan pencegahan, keluarga, pemulihan dan pemulihan akhlak. Ini sangatlah sesuai dengan pegawai-pegawai yang ada mempunyai ilmu agama dan pegawai-pegawai

juga kita lengkapkan dengan kursus-kursus bagi melatih mereka supaya berlemah lembut dengan orang-orang yang hendak ditemuinya itu. Misalnya mereka menemui orang yang susah, orang yang sudah rosak akhlak. Kita takut pula pegawai yang hendak membetulkan akhlak itu, akh'ak pegawai itu pun tak betul. Ini yang kita khawatirkan. Sebaik-baiknya pegawai-pegawai ini patut diberi kursus supaya pegawai itu penuh dengan pengetahuan dan budi bahasa yang lebih mendalam untuk menemui orang-orang yang di bawah perkhidmatan iai'u pencegahan, keluarga, pemulihan dan pemulihan akhlak.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyebutkan mengenai P. 64 muka surat 488, Butiran 6 Pengangkutan dan Perjalanan. Saya tengok kereta dan kenderaan patutlah dikatakan Pejabat Welfare atau Kementerian Kebajikan Am itu keretanya pun bertaraf kebajikan am juga, jenis tahun 1926. Jadi kita tengok kereta itu lebih bertaraf kebajikan am daripada lain-lain kereta lagi. Nampaknya tak ada peruntukan dalam P. 64 ini berkenaan dengan kereta dan kenderaan tetapi pada tahun hadapan patutlah ditambah dan digandakan peruntukan itu supaya disediakan kereta-kereta bagi Jabatan Kebajikan Am ini.

Begitu juga mengenai pejabat-pejabat di bawah P. 64, tak ada peruntukan. Mengenai pejabat ini pun ada satu perkara juga, semua bangunan lama, mana yang ditinggalkan orang, bangunan itulah dijadikan Pejabat Kebajikan Masyarakat. Jadi patut sekalilah peruntukan Kementerian ini ditambah lagi supaya membuat pejabat sendiri dan supaya pejabat ini sesuai dengan negara yang sedang membangun.

Tuan Pengerusi, tadi Ahli Yang Berhormat dari Baling menyatakan tak setuju meluluskan peruntukan belanjawan Kementerian ini bagi tahun 1979. Saya sangat dukacita, beliau berkehendakkan kebaikan tetapi tak setuju. Jadi saya membantah dan saya lebih dulu menjawab sebelum daripada Menteri, kerana ini tak betul tetapi tak mengapalah beliau itu dari Parti Pembangkang memang apa yang kita buat tak betul sahaja pada mereka.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih dan tahniah menyokong penuh peruntukan belanjawan bagi Kementerian Kebajikan Am bagi tahun 1979.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup, maka saya sekarang ini menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am untuk memberi jawapan.

4.17 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Pengerusi, sebelum saya menjawab sedikit sebanyak ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan peruntukan Kementerian Kebajikan Am, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menaruh minat di dalam perbahasan bagi peruntukan Kementerian ini. Saya tidak berhasrat untuk menjawab satu-persatu daripada teguran, rumusan dan fikiran mereka sekalian. Saya akan khususkan kepada beberapa perkara sahaja untuk menjimatkan masa.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah menegur dan juga Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah menjawab bagi pihak saya, saya ucapkan terima kasih kepada beliau. Teguran Ahli Yang Berhormat dari Baling ialah bahawa masalah kanak-kanak dan keluarga di bandar tidak diberi layanan dengan begitu rupa dan beliau juga telah meminta supaya Kementerian ini bekerja lebih keras lagi supaya layanan yang diberi di negara kita sebagai negara yang bercorak welfare state.

Tuan Pengerusi, kalau kita pandang dari segi peruntukan yang telah diberikan, memang peruntukan Kementerian ini sentiasa tidak mencukupi dan bagi peruntukan yang diterima tiap-tiap tahun Kementerian telah mengadakan berbagai perkhidmatan kepada pihak-pihak yang memerlukan. Tetapi kalau kita hendak mengadakan welfare state ini memang tak dapat diadakan di negara kita berbanding dengan negara-negara yang telah pun menjalankan welfare state, negara itupun tidak nampak lebih baik kesannya daripada kita walaupun sudah lama mereka mengeluarkan belanja yang membazir. Tetapi negara kita dibandingkan dari segi kemudahan, apa yang Kerajaan berikan kepada rakyat iaitu dari segi perkhidmatan perubatan, persekolahan dan berbagai segi lagi yang diadakan oleh Kerajaan melalui ajensi-ajensinya, ini adalah merupakan suatu Kerajaan yang sadar bahawa masalah yang dihadapi memang banyak tetapi menurut kemampuan yang ada, itulah yang diberikan

sekarang ini dan setahun demi setahun akan dilanjutkan dan akan ditambah mengikut kemampuan yang kian bertambah.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah berkata bahawa pegawai daripada Kementerian ini telah berkurangan. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat telah keliru sedikit, yang dilihat di dalam Buku Anggaran ialah peralihan pegawai-pegawai daripada Pusat-pusat yang dahulunya untuk menempatkan orang-orang tua dan sakit melarat sekarang tempat-tempat itu dialih sebagai Pusat Pemulihan Dadah selepas sahaja Kementerian ini diwajibkan sebagai mengadakan pemulihan kepada penagih-penagih dadah. Seperti di Kuala Kubu Bharu dahulunya Pusat itu adalah Pusat Pemulihan untuk orang-orang tua dan sakit melarat sekarang ditukarkan kepada Pusat Pemulihan Penagih-penagih Dadah. Jadi dari angka yang dilihat oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah sebenarnya dari segi fizikal tidak ada berkurangan pada kakitangan seperti dari segi satu jenis perkhidmatan kepada satu jenis perkhidmatan itu nampaknya berkurangan daripada Pusat Orang-orang Tua kepada bertambahnya Pusat Pemulihan Dadah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah menyebut bahawa Rumah Orang Tua di Bedong dibina tahun 1952 dan sekarang keadaannya sangat buruk. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menarik Kementerian ini kepada keadaan yang sebegitu rupa. Sebenarnya pada tiap-tiap tahun peruntukan telah dikhaskan untuk menyelenggara bangunan tetapi kekurangan ini memang sentiasa berlaku, jadi kami ambil perhatian daripada Ahli Yang Berhormat itu untuk kalau mana yang boleh diambil tindakan kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani juga menyebut mengenai perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Sebenarnya, Kementerian ini mempunyai satu perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak. Ini memang perlu diperluaskan tetapi kami memang sedar bahawa kekurangan pegawai-pegawai di luar bandar, juga kekurangan untuk kita mengesan siapa yang benar-benar memerlukan bantuan am ini. Dan sebenarnya tadi Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga menyebut bahawa sebaran am sebagai satu alat

yang berkesan yang dapat menggambarkan keadaan dalam kesulitan keluarga dan kanak-kanak ini. Sebenarnya, kita tidak dapat kesan tiap-tiap satunya penduduk-penduduk di kawasan luar bandar yang menghadapi kesusahan dan kita berharap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau ada menghantarkan butir-butir yang tertentu kepada Kementerian supaya sejauh mana yang boleh mengikut kemampuan, tindakan dapat diambil.

Satu lagi perkara yang saya ingin menjawab ialah mengenai bantuan am Ahli-ahli Yang Berhormat telah berkata bahawa bantuan am ini begitu tidak cukup. Sebenarnya Kementerian mengadakan perkhidmatan bantuan am sudah begitu lama dan welfare ini sebenarnya adalah dalam concurrent list. Perkhidmatan ini diadakan oleh pihak Kementerian dan juga oleh pihak negeri masing-masing. Dan di mana ada permintaan daripada pihak-pihak tertentu ataupun pihak Kerajaan tertentu maka bila dikemukakan kepada Kementerian bahawa perlunya ditambahkan peruntukan kepada pihak-pihak tertentu itu begitu sahaja caranya yang kita dapat memberi perkhidmatan secara langsung. Tetapi yang diadakan sekarang pada tiap-tiap negeri melainkan yang diadakan secara langsung daripada Kementerian adalah perkhidmatan daripada pihak negeri. Jadi ini menurut kepada kuasa-kuasa tertentu bahawa welfare ini adalah concurrent matters.

Jadi memang diketahui ramai tidak cukupnya bantuan ini, ini adalah dikaji dari semasa ke semasa dan menurut kemampuan tetapi dalam masa sekarang tidak ada cadangan untuk menukar apa yang sedang berjalan.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan telah memberi gambaran bahawa budak-budak dalam umur "curiosity to know" adalah tidak baik bagi mereka kalau kita memberi tayangan gambar dan apa-apa yang lain untuk membawa kesedaran kepada mereka tentang bahaya dadah, minuman keras dan lain-lain. Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu, saya sendiri pun rasa begitu juga, tetapi Kerajaan memang sedar bahawa bahan-bahan iklan ataupun sebaran am yang tidak baik memang tidak diedarkan

untuk penonton ramai. Sebenarnya semuanya ini ditapis dahulu, seperti filem-filem, semuanya ditapis dahulu sebelum diedarkan kepada orang awam.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan juga meminta supaya diadakan Pusat Pemulihan Dadah di Sarawak. Saya se akat ini tidak dapat menyebut keadaan sebenarnya dan saya juga sendiri tahu bahawa satu peristiwa melibatkan seorang budak seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi bahawa seorang penagih telah jatuh mati dekat bandar. Tetapi sama ada ini yang menunjukkan betapa seriusnya masalah penagihan dadah di Sarawak atau tidak belum dapat dikesan lagi pada saat ini.

Jadi bila ada cadangan tertentu kelak dan mengikut kehendak tertentu, kita mungkin mengkaji dan kalau dapat sekiranya tepat dan baik untuk diadakan satu Pusat akan diadakan di sana. Tetapi sekarang tidak dapat saya memberi penjelasan sama ada sudah ada atau tidak rancangan untuk berbuat demikian.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telahpun menyebutkan fasal dadah dan bahayanya penagihan. Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu. Penagihan dadah adalah baharu menjadi satu masalah dan Kementerian baharu sahaja diwajibkan untuk menyelenggarakan perkhidmatan pemulihan penagih-penagih. Sekarang ini pusat-pusat telahpun diadakan, di saat ini ada tiga buah pusat sedang berjalan menampung 420 orang penghuni yang ditempatkan di situ dalam tempoh 6 bulan untuk dirawat supaya mereka tidak lagi menagih dan juga tiga buah lagi pusat sedang dalam rancangan dan bila semuanya siap kelak akan dapat menampung 1,400 penghuni.

Penagih-penagih di seluruh negara, kita tidak dapat angka-angka yang tertentu tetapi daripada laporan mereka yang datang kepada pusat-pusat melapor diri iaitu lebih kurang 62,000 dan kalau kita bandingkan dari segi penilaian daripada UNESCO kalau ada seorang penagih yang melaporkan diri bahawa ada 10 yang tidak melaporkan diri dan kalau kita mengikut angka ini bahawa penagih-penagih yang ada di dalam negara kita ini lebih kurang 62,000. Saya salah sebut tadi, sebenarnya 6,200 penagih yang telah melaporkan diri. Kalau kita mengikut

satu persepuluh maka 62,000 penagih di dalam negara kita. Samada angka ini bertambah atau berkurangan kita tidak dapat kesan lagi kerana kita baharu sahaja menjalankan perkhidmatan pemulihan. Jadi, daripada penilaian yang dibuat oleh Universiti Sains Malaysia, orang-orang yang telah keluar daripada pusat pemulihan ini menunjukkan bahawa berjayanya perkhidmatan yang telah diadakan kerana lebih daripada 60% orang yang keluar daripada pusat-pusat yang telah sedia ada tidak lagi balik menghisap dadah.

Tuan Pengerusi, setakat ini sahaja yang saya dapat memberi jawapan. Jawapan-jawapan yang patut saya beri kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telahpun saya gulung tadi secara am dan tidak dapat saya memberikan jawapan satu persatunya. Sebelum saya duduk saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dan kepada soalan ataupun teguran yang saya tidak dapat menjawabnya secara langsung, saya telahpun mengambil ingatan dan mengucapkan terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$27,145,400 untuk Maksud B. 64 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$4,950,630 untuk Maksud P. 64 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam untuk mengemukakan anggaran perbelanjaan bagi Menteriannya.

Maksud B. 65 (Jadual)—

Maksud P. 65 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya peruntukan berjumlah \$559,583,522 yang disenaraikan di

bawah Maksud B. 65 dan P. 65 bagi Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Peruntukan ini dikehendaki untuk mengurus tanggungjawab Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam iaitu merumus, merancang dan melaksanakan pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam yang bermutu dan juga menyelenggarakan dan memperbaiki kemudahan-kemudahan yang sedia ada khususnya jalan-jalanraya, bekalan-bekalan air dan bangunan-bangunan Kerajaan untuk memenuhi keperluan-keperluan pembangunan sosial dan ekonomi negara terutama di kawasan-kawasan luar bandar.

Bagi Belanja Mengurus B. 65 Kementerian saya memerlukan peruntukan sebanyak \$116,953,200 jika dibandingkan dengan peruntukan tahun lepas sebanyak \$107,552,600 terdapat tambahan peruntukan sebanyak \$9,400,600. Sebahagian besar tambahan ini adalah diperlukan untuk membiayai kakitangan yang telah bertambah dari 8,334 orang menjadi 8,620 orang. Tambahan kakitangan ini adalah diperlukan untuk melaksanakan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga.

Satu lagi tambahan perbelanjaan yang besar dalam belanja mengurus ialah berkaitan dengan Penyelenggaraan dan Pembaikan yang diberi (Butiran 2800) di mana perbelanjaan dalam tahun 1979 meningkat menjadi \$55,592,000 daripada \$53,773,380 pada tahun 1978.

Maksud P. 65 menyenaraikan peruntukan-peruntukan yang diminta untuk kerja-kerja pembangunan yang akan dijalankan oleh Kementerian ini dan jumlah yang diminta ialah sebanyak \$442,630,322. Daripada jumlah ini \$363,123,380 adalah diperuntukkan secara langsung dan \$79,506,942 secara pinjaman.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, peruntukan tahun 1979 adalah kurang daripada peruntukan tahun 1978 yang berjumlah \$16,841,548. Ini adalah disebabkan peruntukan-peruntukan bagi projek-projek tenaga telah dipindah dan dimasukkan di bawah Maksud P. 61, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Jalanraya dan Jambatan

Seperti pada tahun-tahun lepas, jumlah yang terbesar di bawah Kepala Pembangunan Kementerian ini adalah diperuntukkan kepada jalanraya dan jambatan. Pada tahun 1979 jalanraya dan jambatan memerlukan sejumlah \$280,892,320 dan daripada jumlah itu sebanyak \$199,461,810 adalah diminta bagi Semenanjung Malaysia, \$36,648,510 bagi Negeri Sarawak dan \$44,782,000 bagi negeri Sabah.

Peruntukan ini dikehendaki bagi perbelanjaan pelaksanaan program jalanraya dan jambatan iaitu untuk mengujudkan satu infrastruktur pengangkutan yang dapat memenuhi kehendak-kehendak perkembangan perindustrian dan pertanian dalam rangka pembangunan negara. Di samping itu program jalanraya dan jambatan juga diberi perhatian yang utama agar rakyat keseluruhannya menikmati faedah daripadanya dari segi keselamatan, keselesaan dan penjimatan dalam perbelanjaan penyelenggaraan kenderaan-kenderaan mereka.

Bagi Semenanjung Malaysia, kerja-kerja penyelenggaraan dan memperbaiki jalanraya adalah seperti yang terdapat di bawah Pecahan Kepala 1, 2, 3 dan 4 di mana jumlah yang diminta adalah sebanyak \$41,921,800. Jalan-jalan yang diselenggarakan ini adalah seperti yang diringkaskan sebagai Jalan I dan Jambatan-jambatan, Jalan II dan Jambatan-jambatan, Jalan III dan Jambatan dan lain-lain Jalan dan Jambatan Persekutuan. Selain daripada peruntukan tersebut, sebanyak \$21,000,000 adalah dikehendaki bagi membaiki/meninggikan mutu lebuhraya (Highway rehabilitation) yang akan terus dilaksanakan di negeri-negeri Kelantan, Perak dan Johor. Pada tahun 1979, Trengganu dan Pahang pula dimasukkan dalam projek ini. Bagi negeri Sarawak sebanyak \$9,325,000 adalah dikehendaki bagi membaiki jalan-jalan besar dan sebanyak \$5,000,000 adalah dikehendaki di Sabah bagi tujuan yang sama.

Pembinaan jalanraya baru adalah satu perkara yang tidak payah saya huraikan lagi di mana kebanyakan kerja-kerja yang akan dijalankan adalah sambungan kerja-kerja peminan jalan baru yang tidak dapat disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Dalam tahun 1979 sebanyak \$19.4

juta dikehendaki bagi Jalanraya Jerangau/Jabor, \$25 juta bagi Hubungan Lalulintas dan Lorong-lorong Bas di Kuala Lumpur/Petaling Jaya, \$26.5 juta bagi Jalanraya Timur/Barat \$20 juta bagi Rancangan Kawasan Pusat Memperbaiki Lalulintas di Kuala Lumpur, \$12 juta bagi membaiki bahagian-bahagian tertentu pada Jalan I, \$1,409,000 bagi kajian kejuruteraan, \$15 juta bagi Sekim Mengatasi Kesesakan Lalulintas Pulau Pinang dan \$500,000 bagi Lebuhraya Baru Lembah Kelang.

Bagi negeri Sabah pula, sebanyak \$34,590,000 adalah dikehendaki bagi pembinaan jalanraya besar. \$5,700,000 dikehendaki bagi Projek Lebuhraya Sempurna/Lahad Datu, \$10,890,000 bagi projek Jalanraya Papar/Sindumin dan \$8 juta bagi projek Jalanraya Tamparuli/Ranau.

Pembinaan jalanraya baru di Sarawak menghendaki \$15,539,400. \$10,959,110 pula adalah diminta untuk pembinaan jalan-jalan pembangunan. Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kajian mengenai satu lagi rangkaian Jalan Persekutuan di Sarawak sedang dijalankan.

Semenanjung Malaysia
Sarawak
Sabah

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, daripada jumlah tersebut di atas, bekalan air luarbandar bagi Semenanjung Malaysia menghendaki sebanyak \$20.5 juta. Bagi Negeri Sarawak sebanyak \$3.4 juta dan bagi negeri Sabah sebanyak \$5 juta.

Bangunan-bangunan Kerajaan

Bangunan-bangunan Kerajaan juga adalah menjadi tanggungjawab Kementerian ini. Kementerian ini juga adalah bertanggungjawab merancang, merekabentuk, membina, dan menyelenggarakan bangunan-bangunan Kerajaan dan rumah-rumah kediaman Kerajaan Persekutuan dalam Kuala Lumpur dan juga di luar Kuala Lumpur. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menempatkan pejabat-pejabat dan agensi-agensy Kerajaan dalam bangunan kepunyaan Kerajaan sendiri di mana yang dapat. Dasar ini adalah untuk

Selain daripada pembinaan jalanraya baru, Kementerian ini juga bertanggungjawab meninggikan lagi mutu jalanraya di negara ini iaitu dengan cara memberi bantuan kepada penguasa-penguasa tempatan. Dengan tujuan ini sebanyak \$1,050,000 adalah dikehendaki.

Bekalan Air

Kementerian ini juga melaksanakan program bekalan air. Dalam hal ini Kementerian merupakan badan yang bertanggungjawab untuk membekalkan air bagi menemui keperluan air yang semakin meningkat di kawasan-kawasan bandar, luar bandar dan kawasan-kawasan rancangan kemajuan tanah seperti FELDA dan lain-lain.

Perlaksanaan projek-projek bekalan air ini merupakan usaha Kerajaan Negeri, oleh itu sebahagian besar peruntukan yang akan diminta merupakan peruntukan pinjaman. Jumlah peruntukan yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek bekalan air ialah seperti berikut:

	Bantuan cara langsung	Cara pinjaman	Jumlah
Semenanjung Malaysia	\$21,340,000	\$69,516,010	\$90,856,010
Sarawak	\$ 3,400,000	\$ 1,910,932	\$ 5,310,932
Sabah	\$ 5,000,000	\$ 4,080,000	\$ 9,080,000

menjimatkan wang rakyat daripada digunakan untuk membayar sewa yang tinggi akibat menempatkan Jabatan-jabatan Kerajaan dalam bangunan-bangunan swasta.

Di samping itu Kementerian ini juga bertanggungjawab bagi melaksanakan beberapa projek bangunan Kerajaan yang khusus selain daripada bangunan-bangunan pejabat seperti Pusat Pentadbiran Pembangunan Wilayah Asia, Kompleks Persidangan dan lain-lain kemudahan di Jalan Ampang dan sebagainya. Kementerian ini juga bertugas merekabentuk dan menguruskan pelaksanaan projek-projek bangunan di bawah Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan.

Sebanyak \$17,860,000 adalah dikehendaki bagi meneruskan pembinaan pejabat-pejabat baru Kerajaan Persekutuan di Kuala Lumpur dan juga di luar Kuala Lumpur. \$1.3 juta bagi pembinaan Pusat Pentadbiran Pembangunan Wilayah dan \$1 juta bagi memajukan kembali tapak Dewan Tuanku Abdul Rahman.

Bagi negeri Sabah pula, sebanyak \$6,564,010 adalah dikehendaki bagi bangunan-bangunan Kerajaan dan Sarawak sebanyak \$3,385,000 bagi bangunan-bangunan rasmi Kerajaan.

Perumahan Kerajaan

Kementerian ini juga adalah bertanggungjawab menyediakan rancangan-rancangan perumahan untuk kakitangan-kakitangan Kerajaan. Peruntukan yang diminta bagi tujuan ini adalah seperti berikut:

Semenanjung Malaysia	...	\$3,700,010
Sarawak	\$6,000,000
Sabah	\$ 500,000

Peruntukan yang kurang di Sabah adalah disebabkan oleh kesukaran mendapat tanah yang sesuai di bandar-bandar besar di Sabah.

Jentera-jentera Kerjaraya

Selain daripada program-program seperti yang disebutkan di atas, untuk melicinkan pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti pembinaan jalanraya, bangunan dan bekalan air, Kementerian ini bertanggungjawab untuk membekalkan jentera-jentera untuk melicinkan kerja-kerja pembinaan tersebut. Bagi tujuan ini Semenanjung Malaysia berkehendakkan sebanyak \$9,600,000, Sarawak \$780,000 dan peruntukan tanda \$10 dikehendaki bagi Negeri Sabah.

Penutup

Tuan Pengerusi, saya memohon peruntukan belanja mengurus tahun 1979 bagi Kementerian saya sebanyak \$116,953,200 dan peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak \$442,630,322 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1979.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 65 berjumlah \$116,953,200 dan Maksud Pembangunan P. 65 berjumlah

\$442,630,322 bagi Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Pantii.

4.52 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan saya amat gembira sekali dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah memohon peruntukan yang begitu banyak, yang sebentar lagi kita akan luluskan, saya percaya.

Pertama, menyentuh saya dalam B. 65, Butiran 1100, Aktiviti (2). Saya berasa dukacita sedikit kerana saya telah meneliti buku belanjawan ini dan saya dapati tidak ada satu projek JKR pun dalam kawasan saya. Saya amat kesal sedikit kerana kawasan Panti atau Kota Tinggi adalah kawasan yang begitu luas. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kawasan saya itu lima kali Singapura besarnya. Sepatutnya ada seorang Perdana Menteri di sana. Inilah yang mendukacitakan saya. Kawasan yang sudah membangun, FELDA sahaja ada 22 sekim dalam kawasan saya dan boleh dibayangkan berapa luasnya.

Berhubung dengan Aktiviti (2)—Jalanraya-jalanraya maka saya berharap Kementerian Kerjaraya dapat menyiapkan satu jalanraya Federal di sana yang panjangnya 60 batu dan telah hampir 3¼ batu yang sudah siap ditarkan, ada lagi baki 16 batu iaitu jalan di antara Desaru dengan Pengerang. Sekarang ini jalan tanah merah. Ini berlaku dalam masa kita menghadapi pilihanraya baru-baru ini telah menjadi issue pengundi-pengundi saya di sana. Sehingga ada yang berani menyatakan, kita akan sokong Barisan Nasional, kalau jalan ini disiapkan. Kita pun jawab bahawa kita akan siapkan dalam tahun 1978 atau 1979. Saya harap kita tidak akan janji bohong. Saya berharap benarlah kepada Kementerian Kerjaraya supaya jalan yang 16 batu ini dapat disiapkan, kalau tidak dapat tahun depan, selewat-lewatnya akhir tahun depan. Dan begitu juga dengan jalan-jalan di

dalam FELDA sebagaimana saya katakan tadi ada 22 rancangan FELDA di dalam kawasan saya.

Apabila perkara ini dibawa berdialog dengan pegawai-pegawai FELDA kadang-kadang terdapat seolah-olah macam permainan. Bila ditanya pihak JKR Daerah katanya ini tanggungjawab FELDA membuat jalan. Bila kita berhadapan dan berdialog dengan pegawai-pegawai FELDA, katanya ini tanggungjawab JKR. Jadi yang mana satu betul? Adakah JKR hendak melepaskan tangan atau FELDA yang hendak melepaskan tangan? Yang menjadi mangsa bukan FELDA dan bukan JKR. Peneroka-peneroka yang datang ke FELDA itu. Mereka yang menjadi mangsa. Saya berharap pihak Kementerian akan mengambil berat atas perkara ini supaya jangan nanti penduduk-penduduk FELDA ini menjadi macam bola. JKR tendang dan FELDA pun tendang.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya hendak menenteh berkenaan P. 65, Butiran (96)—Bekalan Air Luar Bandar. Jadi dengan sebab tidak adanya di dalam buku belanjawan yang begini besar, tidak ada tersentuh langsung bekalan air, jambatan atau jalan di dalam kawasan saya. Saya merayu supaya perkara ini dapat dimasukkan. Saya juga merayu berkenaan dengan bekalan air luar bandar yang peruntukannya dipohon \$20 juta, tidak ditentukan tempatnya. Jadi saya berharap Kementerian dapat beri 5% atau 10% supaya pihak JKR dapat menyelaraskan kerja-kerjanya dengan FELDA. Pengundi-pengundi saya yang duduk di dalam kawasan FELDA hari ini sangat menderita berhubung dengan air. Bila perkara ini dibawa ke peringkat Jawatankuasa Tindakan Daerah, jawapan dari JKR—bekalan paip tidak cukup, bekalan "T"nya tidak cukup dan macam-macam yang tidak cukup. Sedangkan pihak FELDA tidak boleh menunggu lama. Bila sesuatu rancangan telah siap ditanam dan sudah berumur di antara 3-4 tahun mesti peneroka-peneroka dimasukkan. Sedangkan tidak ada penyelarasan di antara bekalan-bekalan dan kemudahan-kemudahan asas yang sepatutnya ada di dalam rancangan itu sebelum mereka dimasukkan di dalam rancangan.

Yang susahnyalah ialah bila kita sebagai wakil rakyat pergi melawat rancangan-rancangan ini, seribu satu macam masalah yang

dihadapkan kepada kita. Sepatutnya penye-larasan mestilah diadakan di antara pihak Kementerian Kerjaraya dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Bila peneroka dimasukkan di dalam rancangan, tentulah bagaimana telah kita siapkan rumahnya, kita siapkan sekali bekalan airnya. Dan kalau boleh diselaraskan pula dengan tenaga, pos serta telekom termasuk LLN supaya dapat dibekalkan kemudahan-kemudahan api, pos dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, perkara kekurangan air ini berlaku setiap tahun. Bagaimana juga bencana alam, banjir berlaku setiap tahun dan boleh dikatakan kawasan saya di Kota Tinggi yang teruk dilanda banjir. Kerana air ini kalau sudah terlalu banyak sangat bukan jadi rahmat lagi, jadi azab pula. Dan apa yang saya sentuh di sini berlaku di musim banjir ialah adanya kelebihan air, tetapi mulai daripada bulan Februari membawa ke bulan Mei, April dan March masa itu tidak ada air pula. Jadi terpaksa pihak JKR membekalkan air ke rancangan-rancangan kampung-kampung baru dan termasuk juga kampung-kampung lama terpaksa dibekalkan air dengan lori. Ini dapat barangkali kita bayangkan berapa banyak bekalan yang dapat diberi melalui lori ini. Saya sendiri pernah menyaksikan jauhnya bekalan air ini dibawa ke kampung-kampung baru atau kampung-kampung lama tidak kurang di antara 20-25 batu. Saya menyaksikan sendiri air yang dikontrek oleh JKR ini pada mula diisi di Kota Tinggi penuh airnya, bila sampai ke tempat bantuan, tinggal separuh lagi. Sebab bila kena jalan yang tidak baik itu, air tertumpah keluar.

Saya harap mulai daripada tahun hadapan ini, pihak Kementerian ini akan mengambil berat kerana hari ini sudah berjumlah belasan ribu manusia yang tinggal di kampung-kampung baru ini terutama sekali dalam kawasan-kawasan FELDA yang setiap tahun mereka itu menderita tidak dapat air. Kadang-kadang pihak JKR oleh kerana desakan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan termasuklah saya sendiri mendesak pihak JKR bagi pihak peneroka-peneroka mereka cepat-cepat memasang pam air, sedut air daripada mana-mana parit atau anak-anak sungai dan mana-mana sungai yang ada dalam kawasan FELDA itu, disedut air dengan tidak dibubuh chlorine.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Jadi kalau air yang disedut itu musim hujan, airnya keruh, keruhlah air yang sampai ke rumah peneroka. Ini adalah membahayakan keselamatan. Dengan sebab itu dalam tahun 1976 banyak di antara peneroka-peneroka FELDA ini yang menderita kena penyakit malaria, sebab air yang disedut daripada sungai itu sudahlah tidak ditapis tidak pula dibubuh chlorine. Saya harap pada tahun hadapan perkara ini tidak akan berbangkit lagi dan pihak Timbalan Menteri nampaknya mengangguk-angguk saya rasa ada harapan baik. Dengan ini saya menyokong penuh Anggaran Belanjawan bagi tahun 1979.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

5.02 ptg.

Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi saya kesempatan untuk memberi pandangan serba sedikit berhubung dengan peruntukan bagi belanjawan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada pihak Kementerian khususnya Jabatan Kerjaraya (JKR) Negeri Johor yang telah dapat menjalankan berbagai-bagai projek yang telahpun dipertanggungjawabkan kepadanya bagi menjalankan kerja-kerja besar untuk membangunkan negeri Johor. Walaupun begitu saya ingin memberikan beberapa pandangan khususnya dalam Maksud B. 65, Butiran 1100 di bawah tajuk Gaji dan Upahan, Aktiviti (1) berhubung dengan Pentadbiran Am di mana sejumlah \$18,486,290 telahpun diperuntukkan bagi tahun 1979.

Di dalam bidang ini, saya ingin menyentuh satu perkara yang walaupun setiap kali telahpun diperkatakan tetapi menjadi masalah iaitu khususnya dari segi kerja-kerja dan pelaksanaan projek-projek yang diserahkan kepada pemborong-pemborong Bumiputra. Bukanlah tujuan saya di sini untuk mengata-

kan bahawa kesilapan-kesilapan yang berlaku sama ada dipihak Jabatan mahupun di pihak pemborong Bumiputra, tetapi tujuan saya mengemukakan perkara ini oleh sebab seringkali dan setiap kali berlaku salah faham dan juga timbul masalah-masalah yang seolah-olah belum dapat diselesaikan dari segi masalah-masalah yang dihadapi oleh Jabatan dan juga pemborong-pemborong Bumiputra dari segi menjalankan kerja-kerja yang telahpun dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Seringkali juga ditimbulkan masalah tentang kerja-kerja yang telah diberikan hanya setakat kerja-kerja kecil, masalah-masalah yang berkaitan dengan kesusahan untuk mendapatkan kenaikan kelas bagi tender-tender yang dijalankan, masalah yang dihadapi dari segi supervision yang terlalu ketat daripada pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan oleh Jabatan, soal pembayaran-pembayaran yang dikatakan lambat dan lewat kepada pemborong-pemborong Bumiputra dan sebagainya. Perkara-perkara ini mungkin berlaku, sebab saya percaya kalau tidak berlaku mungkin tidak akan ditimbulkan. Walaupun begitu masalahnya masih timbul dan saya berharap pihak Kementerian khususnya Jabatan Kerjaraya akan mengambil berat perkara ini serta mengadakan satu cara yang lebih berkesan dan baik supaya masalah-masalah yang dihadapi oleh pemborong-pemborong Bumiputra khususnya yang memiliki kadar peringkat-peringkat kerja-kerja yang rendah dapat diberi ketutamaan bahkan bimbingan supaya mereka dapat berjaya bersama-sama dengan pemborong-pemborong yang sudah maju di kalangan bukan Bumiputra.

Satu perkara yang saya musykil yang terdapat dalam Anggaran Belanjawan 1979 ini di dalam bidang pentadbiran am khususnya di dalam Kementerian ini ialah tidak adanya satu unit khas yang ditubuhkan bagi menentukan kemajuan-kemajuan yang dapat dijalankan oleh pemborong Bumiputra sedangkan saya percaya kalau dikira dari segi projek-projek dan rancangan-rancangan yang telah dijalan dan akan dijalankan bagi tahun 1979 banyak projek-projek yang akan dilaksanakan dan sudah menjadi Dasar Kerajaan. Saya percaya sebahagian besar daripada projek ini akan diserahkan kepada pemborong Bumiputra untuk dilaksanakan, tetapi kita rasa musykil sebab tidak ada satu unit

khas iaitu Yunit Kemajuan Pemborong Bumiputra umpamanya yang sudah ditubuhkan sama ada di peringkat daerah mahupun peringkat negeri ataupun di peringkat ibu-pejabat bagi menentukan penyelarasan dan penyertaan yang efektif pemborong-pemborong Bumiputra dalam usaha-usaha dan kerja-kerja yang diserahkan kepada mereka.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian memikir, mengadakan dan menubuhkan satu Yunit Kemajuan Pemborong Bumiputra supaya melalui yunit ini Kerajaan dapat merangka satu dasar atau peraturan sekim dan juga strategi yang lebih positif dan tidak hanya mengadakan dasar-dasar *ad hoc* ataupun sementara bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pemborong bumiputra.

Perkara kedua ialah berkenaan dengan dasar pengambilan jurutera-jurutera perunding (consultant). Saya percaya masalah ini masih dihadapi oleh negara kita oleh sebab masalah ini masalah yang dihadapi oleh mana-mana negara yang membangun. Tetapi saya percaya Kerajaan hendaklah menentukan soal pengambilan jurutera-jurutera perunding luar negeri hendaklah dikaji dengan teliti sebab apa yang kita ketahui pengambilan consultant daripada luar negeri melibatkan perbelanjaan yang berlipat-ganda, perbelanjaan yang maha tinggi kalau dibandingkan dengan mengadakan kemudahan-kemudahan latihan bagi negara kita mewujudkan kumpulan perundingan-perundingan sendiri. Dalam hal ini saya percaya sudah sampai masanya pihak Kementerian memikirkan cara-cara dari segi mengadakan latihan-latihan, peluang-peluang melanjutkan pelajaran keluar negeri bagi kita mengadakan satu pool consultant ataupun pakar-pakar jurutera perunding yang dapat digunakan oleh negara kita sendiri dan tidak hanya bergantung kepada pakar-pakar perunding daripada luar negeri. Sebab apa yang saya diberitahu walaupun masalah ini perlu diadakan, seringkali berlaku kesilapan dan juga conflict of interest di antara Jabatan dengan pakar-pakar perunding. Soal-soal keutamaan yang berbeza di antara pakar perunding dengan jurutera-jurutera daripada Jabatan Kerjaraya sendiri dan ini melibatkan penanguhan kerja dan juga melibatkan masalah-

masalah yang besar yang dihadapi oleh pemborong-pemborong yang telahpun diberikan tugas.

Satu contoh yang baik yang dapat saya kemukakan di sini ialah tentang projek yang telahpun ditentukan di bawah Jabatan Kerjaraya iaitu pelaksanaan Pengkalan Tentera Laut di Lumut. Ini melibatkan perbelanjaan yang besar dan juga pentingnya projek ini disegerakan tidak payah disebutkan oleh sebab ini melibatkan soal keutamaan dari segi Kementerian Pertahanan untuk negara kita. Soal coordination di antara Jabatan Kerjaraya dengan Mindef umpamanya dari segi conflict di antara kegunaan consultant daripada luar negeri dengan jurutera-jurutera dalam negeri melibatkan kelambatan kerja dan juga melibatkan masalah-masalah kewangan. Saya percaya sudahlah sampai masanya pihak Kementerian memikirkan satu cara yang lebih berkesan supaya masalah mengadakan jurutera perunding tempatan ini hendaklah disegerakan.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya tertarik dalam Anggaran Belanjawan ini ialah tentang kerja-kerja yang tergendala, umpamanya dalam kerja-kerja pembinaan pelajaran yang mana di dalam tahun 1977 yang juga telahpun dilaksanakan bagi Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 284 projek yang telahpun ditentukan dan daripada jumlah itu sejumlah 22 projek tergendala, dan 101 projek di dalam perancangan. Ini disebabkan oleh masalah-masalah yang berkaitan dengan tanah. Oleh sebab soal tanah merupakan perkara negeri maka saya percaya satu tindakan yang lebih berkesan hendaklah diambil oleh pihak Kementerian bagi menentukan masalah-masalah pokok seperti pengambilan balik tanah, pembayaran suguhati dan sebagainya hendaklah diadakan peraturan-peraturan yang tertentu.

Saya percaya adalah lebih baik pihak Kementerian menubuhkan satu task force kerjaraya di peringkat negeri-negeri ataupun daerah-daerah bagi menentukan dan menyegerakan masalah-masalah yang dihadapi dari segi masalah tanah ini diatasi dengan secepat yang boleh.

Perkara keempat yang saya ingin sentuh di sini ialah Maksud P. 65, Butiran 64—Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Johor. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian yang telahpun

memberikan peruntukan yang besar bagi menjalankan projek-projek mengadakan bekalan air di negeri Johor yang telahpun diperuntukkan sebanyak \$12,900. Walaupun jumlah itu besar tetapi, sebagaimana rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Panti telah menerangkan tadi, bekalan ini masih tidak mencukupi. Saya mengucapkan terima kasih khususnya kerana di dalam Butiran 64 (i) telahpun ditentukan Bekalan Air Muar di mana termasuk sebahagian daripada kawasan saya yang sejak sekian lama menghadapi masalah kekurangan air dan juga kekurangan tekanan air. Saya percaya dengan projek ini sekiranya dapat disegerakan maka masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk tempatan akan dapat diatasi.

Satu perkara berhubung dengan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya beri cuma seminit lagi untuk menggulung.

Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Terima kasih.

Satu perkara yang saya ingin menyentuh di sini ialah berkenaan dengan Jalanraya dan Jambatan Semenanjung Malaysia di bawah Maksud P. 65 juga. Sebagaimana yang kita ketahui, pentingnya jambatan-jambatan itu dibuat di kawasan-kawasan di mana lalulintas adalah berat, maka satu perkara yang saya perhatikan sekarang ini ialah jambatan-jambatan yang dibuat oleh JKR tidak begitu sesuai dengan kedudukan lalulintas dan juga besarnya jalan-jalan yang telahpun dibuat.

Di dalam hal ini saya ingin meminta kepada pihak Kementerian untuk memikir dan mengadakan satu kajian feasibility study di dalam kawasan saya untuk mengadakan sebuah jambatan bagi menyambung dua pekan yang ada di situ, iaitu di pekan Gerisik dan Panchor. Kedua-dua pekan ini adalah merupakan pekan yang sudah lama wujud tetapi sehingga satu jambatan diadakan pengguna-pengguna jalanraya terpaksa melalui jalan tidak kurang daripada 30 batu sebelum dapat sampai di antara kedua pekan ini.

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Pada akhirnya saya menyokong peruntukan bagi Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.13 *ptg.*

Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, di dalam membicarakan cadangan daripada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ini, saya hendak menyentuh B. 65, Butiran 1100—Gaji dan Upahan, Aktiviti (2) dan (3), muka surat 495.

Tuan Pengerusi, di dalam hal ini saya hendak menarik perhatian pihak Kementerian ini berhubung dengan beberapa projek-projek pembangunan yang sepatutnya dilaksanakan oleh pihak JKR yang tidak dapat dilaksanakan dengan sempurnanya, terutama sekali saya hendak beri satu contoh di dalam kawasan saya. Beberapa buah sekolah telah dicadangkan oleh pihak Kementerian Pelajaran untuk didirikan di daerah Ulu Perak dan Kuala Kangsar, tetapi bangunan-bangunan ini tidak dapat dilaksanakan oleh sebab pihak-pihak yang berkenaan mengatakan oleh kerana kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan JKR di daerah ini; begitu juga dalam projek-projek air, jalanraya dan sebagainya. Saya beri satu contoh, umpamanya satu perkara yang telah beberapa kali saya bangkitkan di dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah Kuala Kangsar, saya berasa hairan oleh kerana satu jalan yang panjangnya cuma 7 batu sahaja daripada Padang Rengas ke Lubok Merbau yang telah tergendala pembangunannya 3-4 tahun yang lalu tidak dapat dilaksanakan—daripada cuma 7 batu, 3 batu sahaja ketinggalan lagi. Bila perkara ini dibangkitkan, pihak Daerah mengatakan jalan kecil ini telah diserahkan kepada pihak Federal. Yang menjadi satu masalah jalan-jalan kecil yang menyambungkan jalan JKR yang tidak siap ini telah dibina oleh pihak Pejabat Daerah.

Saya telah mendapat kesimpulan bahawa kebanyakan projek-projek yang diserahkan kepada JKR ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerana daerah Kuala Kangsar dan Ulu

Perak yang mengandungi 4 kawasan Parlimen, iaitu Sungai Siput, Kuala Kangsar, Padang Rengas dan Gerik, cuma mempunyai seorang Jurutera Kerja Kanan yang mengawasi dan melaksanakan semua kerja-kerja JKR daerah ini. Bagi daerah Ulu Perak yang terletak di dalam kawasan ini cuma ada seorang Jurutera Kerja sahaja. Saya berharap kepada pihak JKR dapat menambahkan lagi pegawai-pegawai dan kakitangan JKR bagi daerah ini, terutama sekali menambahkan seorang Jurutera Kerja Kanan bagi Ulu Perak yang bertempat di Gerik bagi mengawasi kerja-kerja JKR di daerah Ulu Perak supaya tidak payahlah lagi menunggu keputusan atau pelaksanaan daripada Jurutera Kerja Kanan dari Kuala Kangsar. Saya berharap bagi melaksanakan banyak projek-projek JKR yang tidak dapat dilaksanakan di daerah kecil Lenggong, pihak JKR dapat menghantar segera seorang Juruteknik di kawasan ini kerana beberapa lama kawasan ini telah tidak ada seorang Juruteknik, hanya dipangku oleh penolongnya sahaja.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua saya hendak sebut ialah di bawah Maksud B. 65, Butiran 2800—Penyelenggaraan dan Pembaikan, Aktiviti (2) dan (3), muka surat 496. Buat masa ini daerah Ulu Perak telah menjadi satu daerah yang sangat penting, terutama sekali dari segi keselamatan sempadan dan juga pembangunan projek-projek raksaksa, umpamanya projek Lebuhraya Timur-Barat, Empangan Temenggor dan sebagainya. Satu hal yang menimbulkan kerumitan ialah masalah perhubungan di antara Lebuhraya Ipoh-Pulau Pinang yang menyambung Lebuhraya Timur-Barat ialah sebatang jalanraya Kuala Kangsar-Gerik. Jalanraya ini saya tidak tahu samada dalam pentadbiran Pusat atau Negeri, oleh kerana banyak kenderaan tentera, kenderaan-kenderaan besar yang digunakan, terutama sekali kenderaan-kenderaan berat, oleh sebab kawasan Ulu Perak ialah kawasan pembalakan, jalanraya ini tidak sesuai lagi dengan pembangunan hari ini. Oleh itu saya berharap benar kepada pihak Kementerian ini supaya dapat memperbaiki dan membesarkan lagi jalan Kuala Kangsar-Ulu Perak ini dengan seberapa segera bagi kemudahan-kemudahan, terutama sekali kerana jalan ini juga digunakan sebagai jalan daripada daerah Thai Selatan ke negara kita ini. Saya rasa sudah sampai masanya jalan ini dibaiki dengan seberapa segera.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, berhubung dengan ini saya suka hendak menyebut iaitu Lebuhraya Timur-Barat sebagaimana yang telah saya kemukakan di dalam pertanyaan mulut beberapa hari yang lalu, berhubung dengan nasib 300 membawa 500 orang pekerja-pekerja yang sedang bekerja di Lebuhraya Timur-Barat ini. Sebagaimana yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, kemungkinan Lebuhraya ini akan dapat dilaksanakan di dalam tahun 1980. Saya berharap nasib pekerja-pekerja ini dapat ditentukan supaya mereka itu tidak diberhentikan begitu sahaja; saya harap mereka ini dapat ditempatkan di mana-mana projek yang sesuai tidaklah mereka menjadi penganggur yang menjadi beban kepada negara kita.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong peruntukan bagi Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.20 *ptg.*

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, yang pertama, saya ingin merujuk kepada Maksud P. 65, muka surat 504, Butiran 91—Rancangan Bekalan Air Baharu Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, semasa mengemukakan Anggaran Belanjawan untuk Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa Kementerianya ada melaksanakan program bekalan air bagi memenuhi keperluan air yang semakin meningkat di kawasan bandar dan juga luar bandar. Beliau juga telah menyatakan bahawa Kementerianya ada meneruskan usaha-usaha penyelidikan untuk membekalkan air yang bersih kepada pengguna-pengguna yang semakin ramai.

Tuan Pengerusi, memandangkan bahawa lebih dari \$100 juta diperlukan untuk melaksanakan projek-projek bekalan air di kawasan bandar dan di kawasan luar bandar di negara kita, saya berharap bahawa Kementerian yang berkenaan akan mengambil setiap langkah untuk menentukan bahawa kesemua projek-projek bekalan air ini dapat

dilaksanakan dengan cepat dan licin. Apa yang lebih mustahak ialah Kerajaan patut merancang dengan lebih sistematik dan berkesan ke arah masa hadapan mengenai bekalan air supaya masalah-masalah yang kita mengalami baru-baru ini berkaitan dengan caturan air tidak akan timbul. Ini bermaksud bahawa negara dan penduduk-penduduk memerlukan satu dasar air negara (national water policy). Kita patut sedia merancang ke arah tahun 2000 dan bukan untuk masa lima tahun sahaja.

Atas perkara bekalan air ini, saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri khasnya kepada kawasan Lembah Kelang. Sejak tahun lepas dan sehingga hari ini, penduduk-penduduk dan industri-industri di kawasan Lembah Kelang termasuk Kuala Lumpur dan Petaling Jaya menghadapi kesukaran dengan berlakunya kekurangan air dan ini diikuti dengan catuan air. Nampaknya kita seolah-olah bergantung kepada alam semula jadi. Tanpa air hujan catuan akan dikenakan. Walaupun Kementerian yang berkenaan telah melaksanakan beberapa projek-projek air di Kuala Lumpur, tetapi nampaknya dengan siapnya projek-projek itu bekalan air dapat menampung keperluan sehingga tahun 1983 dan masih belum dapat dipastikan samada rakyat dan penduduk-penduduk di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dan juga dalam kawasan Lembah Kelang akan tidak lagi mengalami masalah kekurangan air. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa langkah-langkah lepas dan perancangan yang lepas untuk mengatasi kekurangan air telah terbukti tidak mampu menampung keperluan itu.

Memandangkan bahawa keperluan air di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan sekitar Lembah Kelang sedang meningkat dengan kadar 10% setahun dan dijangka akan meningkat dua kali ganda dalam tempoh 10 tahun yang akan datang kerana penambahan aktiviti-aktiviti kemanusiaan dan perindustrian di Lembah Kelang itu, oleh itu besar kemungkinan sumber air sekarang akan kehabisan sebelum tahun 1983 melainkan langkah-langkah baru akan diambil untuk mengatasinya.

Tuan Pengerusi, apa yang lebih merunsiangkan ialah baru-baru ini terdapat laporan dalam suratkhbar tempatan bahawa pelabur-pelabur asing mungkin dipaksa meng-

ubah rancangan-rancangan mereka untuk menubuhkan projek-projek usahasama (joint venture) di kawasan Lembah Kelang oleh kerana masalah bekalan air. Saya berpendapat bahawa perkara ini amat serius dan Kementerian yang berkenaan patut memandang berat masalah ini oleh kerana sekiranya pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha industri memutuskan memindah rancangan rancangan industri mereka ini, tentu ini akan menjejaskan rancangan perindustrian negara kita dan khasnya usaha-usaha kita untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing untuk melabur di kawasan Lembah Kelang itu.

Tuan Pengerusi, masalah pokok yang dialami oleh kita ialah setakat ini Kerajaan belum ada satu dasar air negara (national water policy) atau satu dasar berjangka panjang, satu dasar yang membolehkan negara untuk memenuhi keperluan air untuk kegunaan penduduk-penduduk dan industri-industri sehingga tahun 2000, khasnya di kawasan Lembah Kelang. Nampaknya mengikut projek-projek bekalan air yang dijalankan sekarang kita hanya dapat merancang sehingga tahun 1983, tetapi selepas itu apa yang akan berlaku tidak ada sesiapa yang mengetahuinya. Oleh hal yang demikian, saya hendak menegaskan di sini bahawa satu dasar air negara diperlukan dan digunakan sebagai asas untuk perancangan jangka panjang.

Di samping ini, saya rasa masa telah sampai bagi Kerajaan menubuhkan satu badan petugas untuk mencari sumber-sumber air yang lain termasuk air di bawah tanah ataupun memproses kembali air yang telah digunakan dan air lombong-lombong bijih.

Satu perkara yang akhir yang saya ingin menyentuh, ialah mengenai Butiran 4—Memperbaiki lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan-jambatan muka surat 499. Atas perkara ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua kakitangan JKR yang telah menjayakan pembinaan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban untuk kegunaan orang ramai.

Di sini ada satu perkara yang saya ingin menyentuh dan itu ialah saya suka mencadangkan bahawa satu jejambat perlu dibina melintas Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban di Salak South New Village demi

keselamatan penduduk-penduduk. khasnya murid-murid sekolah, di situ yang hendak melintas lebuh raya itu pada tiap-tiap hari untuk pergi ke sekolah atau pergi kerja. Ini saya rasa amat perlu oleh kerana sejak lebuh raya itu siap dibina untuk kegunaan, beberapa kemalangan yang serius yang mengakibatkan kematian telah berlaku di situ. Oleh hal yang demikian, saya berharap syor saya dapat ditimbang oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan.

5.27 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Misbah (Kinabatangan): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong usul yang dibahaskan oleh Dewan yang mulia ini.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian berkenaan bagi perlaksanaan pembangunan jalanraya yang amat cemerlang di negara ini. Adalah wajar sekali bagi Kerajaan Barisan Nasional untuk menitikberatkan pembangunan perhubungan yang baik. Jalanraya yang baik memang memainkan peranan yang penting dalam pembangunan, sosio ekonomi negara kita. Tanpa rangkaian lebuh raya yang teratur, pembangunan ekonomi akan terganggu dan melambatkan usaha-usaha ekonomi, pembangunan tanah dan sebagainya.

Tidak dapat dinafikan iaitu di Sabah adalah ketinggalan jauh di belakang oleh lain-lain negeri dalam perhubungan jalanraya terutamanya di kawasan luar bandar. Sekalipun usaha-usaha secara besar-besaran telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk memesatkan lagi tempoh program pembangunan jalanraya di Sabah, tetapi masih banyak lagi yang patut dijalankan.

Sepanjang 190 batu jalanraya menelan belanja \$38 juta telah siap dibina sejak dua tahun yang lalu. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Sabah telah membelanjakan sejumlah \$109.7 juta untuk pembinaan sepanjang 240 batu jalanraya baru. Di samping itu Kerajaan juga akan membelanjakan sebanyak \$238 juta untuk tiga projek besar lebuh raya yang kini sedang dalam pembinaan. Pada penghujung tahun 1980, Sabah akan mem-

punyai jalanraya sepanjang 2,850 batu. Jika dibandingkan dengan panjang jalanraya dengan negeri-negeri lain, mengikut luas negeri Sabah, angka yang disebutkan itu adalah terlalu kecil. Rakyat di Sabah yang tinggal terpencil hidup dalam serba kekurangan disebabkan sistem perhubungan yang kurang baik; di setengah-setengah kawasan, mereka tinggal dalam dunia yang sempit sehingga menyebabkan mereka tidak tahu apa yang berlaku di sebalik bukit tempat mereka tinggal.

Saya mewakili kawasan yang terbesar di negeri Sabah yang melingkungi kawasan dari Laut Sulu di Selatan Filipina sehingga ke pedalaman hampir sempadan Kalimantan, Indonesia iaitu seluas hampir 1/3 negeri Sabah, juga sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, Sabah luasnya pula hampir sama dengan Semenanjung Malaysia. Jadi jika rakan saya dari Panti tadi menyebut dalam kawasannya boleh ditadbirkan oleh seorang Perdana Menteri, barangkali dalam kawasan saya 4 orang pun boleh. Di sana tidak terdapat sebatang jalanraya yang boleh dilalui setiap masa oleh kenderaan, hanya dengan menggunakan perahu di sungai atau menggunakan helikopter. Perkhidmatan kesihatan penduduk-penduduk cuma dilawati oleh perkhidmatan doktor udara yang dikendalikan oleh Yayasan Sabah. Nafkah hidup penduduk kampung adalah bergantung kepada bercucuk tanam, malah banyak lagi sumber tanah yang subur yang dapat dimajukan sebagai kawasan pertanian bagi faedah penduduk-penduduk di situ. Walau bagaimanapun, sebelum kita boleh memajukan tanah-tanah itu, kita tentu memerlukan pembinaan jalanraya. Ini berti kita memerlukan banyak peruntukan untuk program pembangunan jalanraya di Sabah. Peruntukan yang dibekalkan untuk pembangunan jalanraya luar bandar di Sabah adalah tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan penduduk dan memenuhi aspirasi mereka yang telah menaruh penuh kepercayaan kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Sebagaimana saya katakan tadi rakyat di kebanyakan kawasan di Sabah hanya boleh berjalan melalui sungai atau dengan menaiki helikopter. Memang tidak mampu untuk menggunakan penerbangan udara. Pengangkutan melalui sungai adalah lambat terutama dalam masa-masa kecemasan. Saya

menyedari satu kejadian di mana seorang pesakit mungkin boleh diselamatkan jika terdapat sistem perhubungan yang baik di Sabah. Adalah sukar untuk membawa seseorang pesakit ke hospital kerana jalanraya yang tidak baik atau langsung tidak mempunyai kemudahan jalanraya di mana mereka boleh mendapat rawatan perubatan yang diperlukan.

Tuan Pengerusi, kita ingin membawa perubahan di luar bandar dalam masa yang sesingkatnya supaya keadaan sosio-ekonomi mereka boleh ditinggikan. Mereka juga ingin menikmati hasil pembangunan moden. Mereka juga ingin penghidupan yang baik daripada hidup sebagai pemburu ataupun petani yang berpindah-randah. Untuk memenuhi permintaan mereka itu, kita hendaklah mengambil tindakan yang wajar supaya kehidupan mereka yang kurang baik dapat kita perbaiki. Atas sebab inilah saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya menambah peruntukan untuk program pembangunan jalanraya luarbandar di Sabah. Penduduk luarbandar di negeri itu akan bersyukur jika peruntukan tambahan dibuat untuk memenuhi maksud itu.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang, selepas itu Ahli Yang Berhormat dari Simunjan. Kemudian saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.34 *ptg.*

Tuan Ibrahim bin Muhammad (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya suka juga mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai B. 65, Butiran 1100, Aktiviti 2—Jalan-jalanraya. Jalanraya di kawasan saya iaitu di Rantau Panjang sangatlah mendukacitakan, kerana buruh-buruh Jabatan Kerjaraya di kawasan saya terlampau lambat membuat kerja, kerana selalu kawasan saya di Rantau Panjang ialah satu kawasan yang dilalui oleh pelancang-pelancang daripada Thailand dan juga daripada Kuala Lumpur.

Di kawasan saya juga adalah satu kawasan yang paling disukai dan didatangi oleh segala pelancang di kawasan itu, tetapi kerana memandangkan jalan-jalan yang

telah dibina oleh Jabatan Kerjaraya terlampau lambat sangat, jadi jalan-jalan di tempat saya kalau kereta itu baru sedikit, barangkali mereka itu tidak berapa suka sangat hendak pergi ke sana kerana jalannya terlampau buruk dan tambahan pula di kawasan saya di Rantau Panjang ialah satu kawasan sempadan untuk kakitangan keselamatan menjalankan tugasnya di kawasan itu terangat sukar, kerana memandangkan jalannya terlampau buruk. Dari itu saya berharap kepada Menteri Kerjaraya supaya mengawasi di atas kakitangan atau buruh-buruh yang bekerja, biarlah memberi puas hati.

Dan begitu juga bekalan air dalam kawasan saya perbekalan air di luar bandar telah dibuat dalam Rancangan Malaysia Kedua lagi, sehingga hari ini belum pun siap perbekalan air di kawasan saya.

Dari itu saya berharap kepada Menteri yang berkenaan patut menghalusi supaya bekalan air di kawasan saya itu dapat disempurnakan dengan secepat mungkin.

5.37 *ptg.*

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud P. 65, muka surat 501, Butiran 43—Jalan-jalan Pembangunan.

Sekalipun saya sedar bahawa pihak Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab untuk menyelenggarakan pembangunan jalanraya tetapi oleh kerana pihak Kerajaan Pusat adalah juga bertanggungjawab untuk memberikan peruntukan kepada Kerajaan Negeri untuk pembinaan jalanraya, maka saya rasa saya ingin menyentuh perkara ini.

Sebagaimana juga negeri Sabah, negeri Sarawak adalah sebuah negeri yang paling besar di Malaysia yang hampir sebesar seluruh Semenanjung Malaysia. Jadi tidak hairanlah kalau tindakan yang serius harus diambil terhadap negeri Sarawak untuk memperuntukkan wang yang cukup untuk membangunkan jalan-jalanraya di kawasan luarbandar.

Kita dapati sekarang bahawa jalanraya trunk road yang besar di Sarawak belum lagi siap dari Kuching sehingga ke Miri dan kita harap pembinaannya dengan peruntukan

yang memuaskn dari pihak Kerajaan Pusat akan dapat disiapkan dalam masa yang singkat. Di samping itu kawasan-kawasan luar bandar yang kini belum lagi mempunyai jalanraya. Penduduk-penduduknya terpaksa pergi ke sana kemari melalui sungai dan satu contoh ialah di kawasan saya ada dua cara pergi ke Kuching. Pertama, ialah dengan menggunakan ekspres melalui laut. Kedua, dengan menggunakan river ekspres melalui ulu. Jadi sekarang oleh kerana musim landas, ekspres yang pergi menggunakan jalan laut itu terpaksa berhenti dan terpaksa orang yang ingin pergi ke Kuching mengubah jalannya, menggunakan jalan darat—ekspres sungai. Jadi yang memiliki ekspres ini telah mengenakan tambang yang tinggi di masa landas ini. Ini adalah satu daripada masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk luarbandar yang tinggal terpencil tanpa dihubungi oleh jalan-jalanraya ke kawasan-kawasan bandar.

Tuan Pengerusi, masalah yang timbul akibat dari ini di samping apa yang telah saya katakan tadi ialah dari segi pelajaran di bandar Simunjan, sebuah sekolah menengah yang tiga batu jauhnya. Permulaan jalanraya dibuat ialah tahun 1978 (penghujung tahun 1977) tetapi setakat ini belum lagi siap. Saya rasa langkah haruslah diambil untuk mengarahkan pekerja-pekerjanya supaya menjalankan tugas dengan lebih cekap dan cepat lagi.

Saya pun merasa sedih, Tuan Pengerusi, kerana semenjak tahun 1963 bilamana sekolah menengah di kawasan itu dibuka hingga masa ini budak-budak yang pergi ke sekolah terpaksa mengatasi beberapa masalah, terpaksa turun awal ke sekolah, kerana terpaksa berjalan kaki, sebab jalanraya yang menuju ke sekolah itu tidaklah begitu memuaskn dalam bahasa Inggerisnya: muddy, slippery so it is not possible

Tuan Pengerusi: Tidak perlu itu, tidak mustahak.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Dari segi pertanian, banyak kawasan-kawasan di mana aktiviti pertanian dijalankan dan di mana kawasan-kawasan tanah dibuka tanpa dihubungkan dengan jalanraya di kawasan-kawasan bandar di mana hasil-hasil pertanian mereka itu boleh dijual. Apa yang menjadi masalah ialah hasil-hasil dari petani-petani

ini susah hendak dihantar ke kawasan bandar di mana terdapat pembeli-pembelinya dan sebagaimana telah saya dedah dan pernah saya dedahkan di Dewan ini beberapa kali orang dari kampung itu melaporkan kepada saya dan kepada pihak yang bertanggungjawab bahawa hasil yang dihasilkan oleh mereka tidak ada pembelinya. Ini saya rasa di antara masalah-masalah yang dihadapi dari segi jalanraya di Sarawak dan sebagaimana kita sedari bahawa Sarawak ialah sebuah negeri yang paling besar di Malaysia ini, saya harap tumpuan dan pandangan yang serius harus diambil terhadap negeri itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila menjawab.

5.42 ptg.

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berpeluang menunjukkan minat atas kerja-kerja dan tanggungjawab Kementerian saya dengan membuat teguran-teguran dan memberi nasihat-nasihat supaya perkhidmatan Kementerian ini dapat diperbaiki lagi. Bagi pihak kakitangan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pujian-pujian dan tahniah kepada kakitangan Jabatan Kerjaraya yang telah membuat kerja mereka dengan sempurna.

Oleh kerana ketiadaan masa, saya tidak berhajat untuk membuat jawapan satu persatu dengan secara detail. Pada umumnya adalah hasrat Kerajaan untuk memberi segala kesenangan dan kelazatan hidup kepada semua golongan rakyat lebih-lebih lagi rakyat di luar bandar dengan mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Rancangan Malaysia Ketiga telah melipatgandakan tanggungjawab Jabatan Kerja Raya pada peringkat boleh dikatakan melebihi capacity ataupun keupayaan yang ada padanya. Oleh sebab itu, adalah timbul keadaan kelambatan dan kekurangan-kekurangan dalam serba serbi. Dan kami berharap Ahli-ahli Yang Berhormat bersabar dan bersimpati dengan Kementerian ini.

Untuk mengatasi kesulitan dan kelambatan, Kementerian ini terpaksa mengambil dua langkah yang segera, iaitu satu memberi lebih lagi banyak kerja-kerja kepada pemborong-pemborong swasta tetapi mereka pun tidak begitu berkeupayaan juga. Oleh sebab itu pemborong-pemborong luar negeri terpaksa dilibatkan sama dalam menjalankan projek-projek ini.

Langkah kedua, ialah menambahkan lebih ramai lagi kakitangan Jabatan Kerjaraya. Oleh kerana kakitangan teknik yang berpengalaman amat berkurangan dan juga jurutera-jurutera yang berpengalaman di dalam negeri amat berkurangan sekali, maka pihak Kerajaan terpaksa membuat pengambilan sebahagian daripadanya dari luar negeri.

Bagi menjawab soalan-soalan yang tertentu, sukalah saya menarik perhatian soalan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti, beliau mengatakan sungguhpun begitu besar peruntukan yang diminta oleh pihak Kementerian saya, tetapi tidak ada projek-projek pun di dalam kawasan beliau. Sukalah saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa jalan-jalan dalam kawasan-kawasan FELDA yang dikatakan ada 20 rancangan FELDA telahpun diberi kepada kontrektor untuk menyiapkan jalanraya-jalanraya, sama jugalah di kawasan jalan Pengerang yang mana ada 16 batu belum lagi ditarkan, insya Allah sebelum pilihanraya yang akan datang, kerana ini adalah satu perkara yang dapat menentukan sama ada kalah atau menangnya Ahli Yang Berhormat dari Panti itu, insya Allah kalau KEJORA dapat mengadakan peruntukan, dapatlah dijalankan pengetaran di jalan ini secepat mungkin.

Dalam soal projek air pula, adalah menjadi dasar Kerajaan ataupun Kementerian saya tiap-tiap bekalan air yang diberi kepada rakyat adalah dengan secara berhati-hati dalam segi kebersihan dan kebaikan air itu. Mungkin malaria yang telah menjadi wabak dalam kawasan beliau itu ialah oleh kerana nyamuk, bukannya daripada air, kerana belum lagi dapat disahkan sama ada air di situ dapat memberi penyakit malaria.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, memanglah menjadi satu tumpuan yang amat serius diberi oleh Kementerian saya terhadap kedudukan pem-

borong-pemborong bumiputra sejak tahun 1972 lagi di mana kami telah mengadakan satu yunit khas untuk menjaga, mengawasi dan memberi bimbingan kepada pemborong-pemborong bumiputra.

Dalam segi perunding luar negeri, kebanyakan perunding-perunding yang telah dijemput daripada luar negeri telah memberi kerjasama dan khidmat yang baik kepada Kementerian saya. Soal yang berlaku di Lumut itu adalah satu perkara yang Jabatan Kerjaraya sendiri mengambil sikap perasaan tidak puas hati dan sedang mengambil langkah-langkah untuk membaikinya.

Dalam soal kelambatan untuk mendirikan sekolah-sekolah, ini adalah satu perkara yang besar mengenai pengambilan tanah. Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah memberi satu pengesyoran supaya satu yunit khas dalam Kementerian saya diadakan untuk pengambilan tanah, tetapi apa yang dijalankan pada hari ini bahawa pengambilan tanah adalah tanggungjawab Kementerian yang berkenaan, kalau sekolah di bawah Kementerian Pelajaran sama jugalah dengan bangunan-bangunan yang lain, Kementerian-kementerian yang berkenaan sahajalah yang ditugaskan untuk mengambil balik tanah. Bagi pihak Jabatan Kerjaraya, pengambilan tanah ialah untuk membuat jalan dan tapak, air dan sebagainya yang telah dijalankan secara langsung oleh pihak Jabatan Kerjaraya.

Dalam rangka bentuk jambatan-jambatan pula, kami berkehendakkan kepada pakar-pakar daripada luar negeri dan juga pakar-pakar dalam negeri ditambah lebih lagi supaya reka bentuk itu dapat disesuaikan pada masa yang dikehendaki. Pada pendapat saya jambatan-jambatan yang ada pada hari ini ialah sesuai dengan kedudukan jalan dan juga penggunaan yang ada pada hari ini.

Bagi bekalan air di bandar Muar, oleh kerana kedudukan tanah di bandar ini maka tekanan air buat hari ini adalah kurang sedikit tetapi satu rangkaian bekalan air yang baharu akan dapat disiapkan pada akhir tahun 1980.

Menarik perhatian kepada soalan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, kedudukan sekolah-sekolah dalam kawasan Yang Berhormat itu adalah sama

juga sebabnya ialah kerana terlambat mengambil balik tanah daripada pihak tuan empunya dan bukannya oleh kerana kekurangan kakitangan Jabatan Kerja Raya di kawasan Ahli Yang Berhormat.

Permohonan daripada Ahli Yang Berhormat untuk mengadakan satu jawatan Jurutera Kanan di Ulu Perak dan sepatutnya ditempatkan di Gerik bolehlah dikaji dan jika dapat dipersetujui oleh pihak Kerajaan Negeri, kerana ini adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri, mungkin permohonan Ahli Yang Berhormat itu dapat dilaksanakan.

Tentang jalanraya Kuala Kangsar/Gerik, kebetulannya saya sendiri telahpun melalui jalan ini pada bulan lepas dan pada pendapat saya jalan ini tidaklah begitu buruk memandangkan jalan-jalanraya di seluruh negara masih lagi dalam pembaikan dan adalah dalam rancangan pihak Kerajaan juga untuk memperbaiki jalanraya Kuala Kangsar/Gerik ini.

Bagi menarik perhatian ataupun menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, sukalah saya menarik perhatian beliau kepada jawapan saya dalam satu soalan yang dibuat berkaitan dengan bekalan air di Lembah Kelang ini yang pertamanya pengesyoran untuk mengadakan kajian ataupun National Study Water Resources, sukalah saya memberi tahu Ahli Yang Berhormat sekali lagi iaitu kajian ini sudah pun dijalankan dan mungkin pada akhir tahun 1979 akan siap dan sesudah siapnya kajian ini maka dasar air negara dapat dirumuskan.

Juga tentang kajian yang patut dibuat supaya bekalan air di Kuala Lumpur ini mencukupi selepas daripada tahun 1984. Juga saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat pada jawapan saya pada soalan yang dibuat tempoh hari, iaitu satu consultant telahpun dilantik untuk membuat kajian bagi mencari punca bekalan air untuk memuaskan kehendak rakyat lepas daripada tahun 1984.

Tuan Pengerusi, memanglah menjadi hasrat pihak Kerajaan untuk memberi kemudahan-kemudahan yang sama kepada rakyat di Sarawak dan Sabah tetapi oleh kerana negeri-negeri ini seperti yang telah dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat

dari Kinabatangan dan Simunjan bahawa negeri-negeri itu amatlah luas mungkin boleh diadakan Perdana Menteri sendiri, jadi tidaklah begitu rata rangkaian jalan-jalanraya yang sedang dirancang dan dibuat oleh pihak Kementerian saya pada hari ini.

Bagi negeri Sabah tumpuan sedang diberi untuk mengadakan jalanraya trunk road di antara satu bandar ke satu bandar dan sesudah siapnya rancangan ini akan dibuatkan pula rangkaian jalan-jalan bagi menyambung jalan-jalan ini. Keadaannya boleh dikatakan sama jugalah di negeri Sarawak.

Bagi menjawab komen yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang, kerja yang sedang dibuat di jalanraya Rantau Panjang itu adalah mengikut jadual dan kalau nampak terlambat, barangkali kerana susah hendak dilaksanakan jalanraya ini kerana terlampau banyak lalulintas untuk pergi ke Sungai Golok, walau bagaimanapun masih lagi dalam jadual yang disediakan.

Mengenai bekalan air bagi kawasan Ahli Yang Berhormat itu ianya sedang dirancang dan akan dilaksanakan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$116,953,200 untuk Maksud B. 65 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$442,630,322 untuk Maksud P. 65 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

Tuan Pengerusi: Sekarang majlis ini akan menimbangkan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah bagi Maksud B. 66 dan Maksud P. 66.

Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerianya.

Maksud B. 66 (Jadual)—

Maksud P. 66 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

5.58 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid):

Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan Anggaran Belanjawan bagi tahun 1979 untuk Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang berjumlah \$528,323,059 di bawah Maksud:

B. 66	\$ 32,065,800
P. 66	\$496,257,259

dijadikan sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang.

Anggaran Belanjawan ini boleh dibagikan kepada dua bahagian yang besar iaitu Anggaran Belanjawan Mengurus dan Anggaran Belanjawan Pembangunan.

Anggaran Belanja Mengurus

(i) Pentadbiran Am (Ibu Pejabat)	\$ 1,473,452
(ii) Jabatan Ukur Semenanjung Malaysia	\$26,813,248
(iii) Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan	\$ 3,779,100
			<hr/>
			\$32,065,800

Suka saya menyatakan di sini bahawa jumlah peruntukan sebanyak \$32,065,800 yang dikehendaki bagi belanjawan mengurus tahun 1979 adalah melebihi sebanyak \$2,002,700 jika dibandingkan dengan peruntukan bagi belanjawan mengurus bagi tahun 1978. Ini adalah disebabkan oleh tambahan beberapa jawatan yang diwujudkan untuk tahun 1979, kenaikan kadar baru bagi elaun-elaun perjalanan dan pengangkutan dan menaikkan barang-barang di pasaran dunia.

Sebahagian daripada peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah untuk membiayai 25 Yunit Khas Bergerak yang mempunyai 275 orang pegawai dan kakitangan di seluruh Semenanjung Malaysia bagi maksud tugas pengambilan tanah untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Yunit-yunit Khas ini baru ditubuhkan di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan untuk mem-

percepatkan proses pengambilan balik tanah supaya matlamat Rancangan Malaysia Ketiga dapat dicapai dalam jangka masa yang dijadualkan. Adalah juga dicadangkan tiap-tiap Jabatan Ukur Negeri di Semenanjung dilengkapi dengan alat-alat "New Generation Desk Top Computers" dan "Plotters" untuk menyelesaikan tunggakan kerja ukur selama ini. Lain-lain langkah yang diambil adalah menambah pegawai dan kakitangan profesyenal dan teknikal dan menubuhkan sebuah Sekolah Latihan Jabatan Ukur.

Anggaran Belanja Pembangunan

Sekarang saya ingin membentangkan pula Anggaran Perbelanjaan Pembangunan di bawah Maksud P. 66 yang berjumlah sebanyak \$496,257,259. Peruntukan sebanyak \$496,257,259 akan dibelanjakan mengikut Pecahan-kepala seperti berikut:

Pecahan-kepala 1—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

Sejumlah \$236,469,250 adalah diperlukan di bawah Pecahan-kepala ini untuk tahun 1979. Dari jumlah ini \$126,189,872 adalah pemberian secara langsung, manakala \$110,279,378 sebagai pinjaman. Daripada peruntukan secara langsung \$91,606,010 akan digunakan untuk Belanja Mengurus dan sebanyak \$10,385,132 akan digunakan untuk membiayai pembinaan jalan-jalan \$22,065,730 untuk projek bekalan air dan sebanyak \$2,133,000 pula untuk peruntukan kemudahan Sosial.

Di bawah Pecahan-kepala 5—Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA)

Peruntukan yang diperlukan di bawah Pecahan-kepala ini adalah sebanyak \$20,632,000 untuk tahun 1979. Dari jumlah ini, \$4,487,000 adalah dibayar secara langsung manakala \$16,145,000 sebagai pinjaman. Sejak ditubuhkan sehingga sekarang FELCRA telah membuka seluas 113,879 ekar tanah di seluruh Semenanjung Malaysia.

Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, FELCRA akan membuka 65,000 ekar tanah dengan kadar 13,000 ekar setahun. FELCRA juga telah memulakan sistem saham untuk Rancangan Tanah Pinggir dan Rancangan Tanah Belia.

Sejak tahun 1977 FELCRA telah berusaha untuk melaksanakan pembangunan Kampung Secara In Situ melalui projek perintis di mana penyusunan semula kampung tradisional diselenggarakan dengan cara sistematik.

Pada tahun 1979, kedua-dua Maksud 5 dan 7 di bawah FELCRA telah disatukan.

Di bawah Pecahan-kepala 10—Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)

Di bawah Pecahan-kepala ini peruntukan sebanyak \$106,648,578 adalah dikehendaki bagi tahun 1979. Daripada jumlah ini \$78,693,411 adalah diberi secara langsung, manakala \$27,955,167 ialah sebagai pinjaman. Daripada peruntukan secara langsung \$9,427,000 akan diutuskan kepada Belanja Mengurus, \$35,340,411 akan digunakan untuk Kemudahan-kemudahan dalam membangunkan Bandar-bandar Baru, \$28,926,000 untuk Pembinaan Jalan-jalan dan \$5,000,000 bagi Bekalan Letrik.

Daripada peruntukan pinjaman wang sebanyak \$27,955,167, \$8,398,433 adalah untuk menampung equity Lembaga di dalam Syarikat-syarikat Usaha Bersama yang sedia ada dan juga untuk penubuhan 2 buah lagi Syarikat Usaha Bersama yang baru. Selain dari itu, \$8,000,000 akan digunakan untuk membina 1,200 buah rumah dan 110 buah kedai dan gerai bagi bandar-bandar baru yang sedang dilaksanakan dan \$11,556,734 untuk bekalan air. 521,400 ekar dijangka selesai dimajukan oleh DARA sebelum berakhir tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Di Bawah Pecahan-kepala 11—Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)

Di bawah Pecahan-kepala ini sebanyak \$38,098,000 adalah dikehendaki untuk tahun 1979. Daripada jumlah tersebut \$22,206,000 adalah pemberian secara langsung, manakala \$15,892,000 adalah pinjaman. Daripada peruntukan pemberian secara langsung ini \$3,535,000 akan digunakan bagi Belanja Mengurus, \$4,690,000 untuk kemudahan-kemudahan, \$13,400,000 akan digunakan bagi pembinaan jalan-jalan dan \$581,000 bagi bekalan letrik. Dari peruntukan pinjaman pula \$9,492,000 akan digunakan bagi mengurus projek-projek dalam bidang pertanian, \$1,900,000 untuk rancangan rumah murah dan \$4,500,000 bagi menguruskan rancangan bekalan air.

Di bawah Pecahan-kepala 12—Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (KETENGAH)

Peruntukan sebanyak \$39,767,950 adalah diperlukan bagi menjayakan projek-projek di Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah dalam tahun 1979. Dari jumlah ini \$16,905,160 adalah pemberian secara langsung manakala \$22,862,790 sebagai pinjaman.

Di bawah Pecahan-kepala 13—Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDA)

Peruntukan sebanyak \$917,280 yang dikehendaki di bawah Pecahan-kepala ini untuk tahun 1979 adalah lebih sebanyak \$78,880 jika dibandingkan dengan peruntukan untuk tahun 1978. Kelebihan ini adalah disebabkan oleh kenaikan kadar elaun, harga barang-barang di Pasaran Dunia dan pengujudan beberapa jawatan baru di Lembaga ini bagi tahun 1979.

Pada tahun 1979 Lembaga ini akan melaksanakan berbagai kemudahan-kemudahan seperti pembinaan jalan-jalan baru, rumah-rumah harga murah, bekalan air, bekalan letrik, Bandar-bandar Baru dan Pusat-pusat Bandar dalam kawasan Kelantan Selatan seluas kira-kira 2.6 juta ekar. Perbelanjaan ini tidak termasuk perbelanjaan yang dibuat oleh Kementerian-kementerian lain dalam kawasan KESEDA.

Di Bawah Pecahan-kepala 14—Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

RISDA telah diperuntukkan sebanyak \$37,000,000 untuk tahun 1979 bagi membiayai rancangan Tanam Semula dan Tanam Baru \$21,750,000 dari peruntukan tersebut adalah untuk membiayai Rancangan Tanam Semula dan Tanam Baru seluas 75,000 ekar, \$11,000,000 bagi Rancangan Tanam Baru yang dijalankan dalam tahun 1978 dan baki-nya sebanyak \$4,250,000 adalah untuk pembayaran Rancangan Tanam Semula yang juga dijalankan dalam tahun 1978.

Di Bawah Pecahan-kepala 18—Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak

Peruntukan Pinjaman sebanyak \$10,810,281 adalah dikehendaki untuk melaksanakan dan meneruskan projek-projek Ladang Empat, Subis I, II dan III di Miri, Mukah I, II, III dan IV di Mukah dan Kilang Kelapa Sawit, Mukah.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak telah diluluskan pinjaman sebanyak \$46,060,141 daripada Kerajaan Pusat. Hingga sekarang kira-kira \$35,249,860 telah dibelanjakan oleh pihak Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak bagi mengendali dan mengurus projek-projeknya. Jumlah yang di pinta iaitu \$10,810,281 merupakan ansuran yang terakhir di bawah perjanjian pinjaman di atas.

Di bawah Pecahan-kepala 19—Penanaman Semula Getah Sarawak

Program ini dikelolakan oleh Jabatan Pertanian Sarawak dengan bantuan Kerajaan Persekutuan. Bantuan adalah diberikan sebanyak \$300.00 bagi satu ekar. Rancangan Jabatan berkenaan dalam tahun 1979 ialah menanam semula dan baru seluas 9,900 ekar dengan keperluan kewangan sebanyak \$1,260,000. Sebanyak \$420,000 juga adalah diperlukan untuk membiayai projek yang bermula dalam tahun 1977 yang didapati layak menerima bantuan bagi tahun kedua dan ketiga mengikut sekim masing-masing. Bagi tanaman yang bermula pada tahun 1978, bantuan tahun kedua akan juga dituntut dalam tahun 1979, iaitu sebanyak \$4,000. Jumlah besar yang diperlukan oleh Jabatan berkenaan dalam tahun 1979 ialah sebanyak \$2,080,000.

Di bawah Pecahan-kepala 23—Penanaman Semula Getah Sabah

Lembaga Tabung Getah Sabah telah diperuntukan sebanyak \$10,000 sebagai "token Vote" untuk tahun 1979 bagi membiayai Rancangan Tanaman Semula dan Baru, yang berjumlah pada keseluruhannya sebanyak 8,000 ekar. Dari jumlah 8,000 ekar, 2,400 ekar bagi tanam semula dengan getah bermutu tinggi, 2,500 ekar bagi tanam semula dengan lain-lain tanaman, 3,000 ekar bagi tanam baru dan 100 ekar bagi tanaman baru getah Sekim Biah.

Di Bawah Pecahan-kepala 25, Pecahan-kepala 28-29 dan 31 Jabatan Ukur Semenanjung Malaysia

Peruntukan berjumlah \$3,262,831 adalah dibahagikan kepada Pecahan-pecahan Kepala seperti berikut:

Pecahan-kepala 25—

Sebanyak \$1,500,000 adalah diperlukan bagi melaksanakan dan meneruskan kerja-kerja penentuan Tanda Sempadan Antarabangsa di antara Malaysia/Indonesia di Sarawak dan Sabah.

Pecahan-kepala 28—

Sejumlah \$672,831 adalah diperlukan bagi pembelian dan pemasangan mesin-mesin dan alat-alat kelengkapan dalam beberapa bahagian di Jabatan Ukur.

Pecahan-kepala 29—

Peruntukan sebanyak \$590,000 adalah dikehendaki untuk pembelian 7 yunit Electronic Distance Measurer, 70 yunit Optical Theodolites dan Bands dan Tape.

Pecahan-kepala 31—

Sebanyak \$500,000 adalah diperlukan bagi melaksanakan dan meneruskan kerja-kerja penentuan Tanda Sempadan Antarabangsa di antara Malaysia/Thailand.

Di Bawah Pecahan-kepala 41-44 Jabatan Tanah dan Ukur Sabah

Peruntukan berjumlah \$571,079 adalah diperlukan untuk tahun 1979 dan dibahagikan kepada Pecahan-pecahan Kepala seperti berikut:

Pecahan-kepala 41—

Sejumlah \$10,000 adalah diperlukan bagi melaksanakan dan meneruskan kerja-kerja di Stesyen Sukatan Air Pasang dan pembelian dan penyelenggaraan stesyen-stesyen Sukatan Air Pasang, Tawau.

Pecahan-kepala 42—

Peruntukan sebanyak \$300,000 adalah dikehendaki untuk tahun 1979 bagi pembelian alat-alat ukur membiayai perbelanjaan perjalanan dan pengangkutan orang dan juga membiayai perbelanjaan membina tanda-tanda Ukur.

Pecahan-kepala 43—

Peruntukan sebanyak \$200,000 adalah dikehendaki untuk tahun 1979 bagi pembelian bahan-bahan fotografik serta alat-alatnya dan untuk membayar sewaan Aircraft bagi kegunaan Aerial Photographics.

Pecahan-kepala 44—

Sejumlah \$61,079 adalah dikehendaki untuk tahun 1979 bagi pembelian satu contact printer of Aerial Film, satu antoprocesser dan pembinaan sebuah bilik gelap.

Dengan ini saya mohon izin supaya peruntukan di bawah Maksud Bekalan B. 66 sebanyak \$32,065,800 dan Pembangunan P. 66 sebanyak \$496,257,259 dalam Anggaran Belanjaan Persekutuan 1979 bagi Kementerian saya berjumlah \$528,323,059 diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 66 dan maksud Pembangunan P. 66 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, sekarang terbuka untuk perbincangan.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

6.12 ptg.

Tengku Noor Asiah bte Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh B. 66, Butiran 1100 Aktiviti (1) Pentadbiran Am.

Saya ingin menyentuh sedikit sahaja, mengenai rancangan FELCRA hari ini. Semenjak tertubuhnya FELDA dan FELCRA banyak telah dinikmati oleh rakyat di negara kita hari ini dengan mengadakan berbagai-bagai rancangan di dalam FELDA, dan FELCRA namun begitu saya ingin mengesyorkan kepada Menteri yang berkenaan bahawa sekarang ini kita telah dapati iaitu FELCRA telah mengadakan rancangan tanah pinggir yang mana diberi kepada mereka yang berdekatan dengan rancangan itu sahaja yang dapat memegang saham. Apa yang saya ingin mengesyorkan ialah supaya saham-saham yang diberi kepada orang-orang yang berdekatan itu dapat juga diberikan kepada kaum nelayan yang ingin sama memegang saham itu. Dengan cara itu

saya rasa dapatlah kaum nelayan kita menambahkan lagi pendapatan mereka dari keuntungan saham itu. Saya rasa untuk menambahkan mata pencarian mereka dengan cara itu dapatlah kita menukarkan sedikit cara hidup kaum nelayan kita yang terbiar sekarang ini yang tidak dapat diberi pertolongan dari segi apa sahaja pun. Walaupun kita tahu hari ini nelayan telah diberi dengan subsidi dan sebagainya, namun begitu kaum nelayan hendak pergi ke laut untuk mencari ikan dan sebagainya belum tentu lagi mereka ini dapat atau tidak untuk mencari rezeki di laut yang dalam itu.

Oleh itu, saya berharap dengan sesungguhnya kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya dapat menimbang memberikan saham-saham rancangan-rancangan FELCRA kepada kaum nelayan semoga mereka dapat sama menikmati rancangan yang telah dilancarkan oleh Kerajaan di bawah rancangan FELCRA khasnya pembukaan tanah pinggir.

Itu sahajalah, Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh peruntukan Kementerian ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab sebelum 7.15 malam.

6.16 ptg.

Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan akan mengambil bahagian bercakap sedikit di muka surat 520, Butiran Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan berkait dengan Butiran (4), Rancangan Tanah Jengka.

Adalah ramai telah ditemuduga daripada pemohon-pemohon untuk dapat memasuki Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan ini atau FELDA iaitu mereka telahpun ditemuduga pada 3-4 tahun yang lalu, dan banyak yang telah berjaya dan telah dijawab mengatakan:

“ . . . bahawa tuan telah berjaya dalam temuduga dan akan dapat diterima masuk dalam rancangan FELDA ini”.

Tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, ramai yang saya tahu daripada kawasan saya yang telah berjaya itu sehingga pada hari ini belum lagi dapat diterima masuk dan bolehlah dikatakan ramai daripada mereka itu selalu datang menjumpai saya dan wakil-wakil rakyat yang lain supaya dapat menolong mereka masuk ke dalam salah sebuah rancangan yang saya sebutkan tadi.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Oleh itu saya berharap kepada Kementerian ini dapatlah kiranya menerima semua mereka yang telah dijawab "berjaya" itu untuk dapat masuk dalam Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan dalam masa yang tidak lama lagi. Kalau sekiranya rancangan tanah itu tidak mencukupi saya syorkan supaya Kementerian ini berikhtiar menambahkan lagi rancangan FELDA itu sekurang-kurangnya untuk memenuhi bagi mereka yang telah dijawab "Berjaya" itu. Sekian sahajalah, saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

6.18 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai P. 66, Butiran 5 muka surat 521.

Saya khusus hendak menyentuh mengenai Rancangan Pemukiman Tanah FELCRA. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian ini khususnya kepada FELCRA yang telah berjaya mengadakan satu skim yang dinamakan "In-Situ project" yang masih belum diketahui umum mengenai detailnya pada masa ini. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menyentuh perkara ini dalam ucapannya.

Saya rasa rancangan "In-Situ" ini adalah suatu rancangan yang amat klasik yang akan memberi faedah dan natijah yang amat besar kepada penduduk-penduduk kampung tradisional terutama kampung-kampung yang mundur di daerah-daerah pedalaman. Tetapi malang sekali projek In-Situ ini yang sekarang masih dilaksanakan di dalam peringkat pilot project tidak mendapat publicity yang cukup dalam media kita dan tidak mendapat hebahan yang cukup di kalangan orang ramai.

Barangkali juga pihak FELCRA dan Kementerian yang berkenaan percaya dengan cara bergerak secara senyap-senyap mereka akan lebih mendapat kejayaan.

Setelah mengkaji projek in-situ yang dilahirkan daripada suatu seminar yang diadakan di Pulau Pinang, kalau tidak salah saya dan setelah mengkaji Kertas Kerja yang telah ditulis oleh dua orang, kalau tidak salah saya seorang daripadanya Dr Elias Umar.

Saya berpendapat bahawa ini adalah suatu projek yang patut diterima secara menyeluruh di seluruh negara kita. Projek ini antara lain bertujuan untuk menyusun (restructure) semula kampung-kampung tradisional terutama kampung-kampung yang mundur dan bukan sahaja menitikberatkan soal tanaman getah, kelapa sawit dan lain-lain tetapi juga mengadakan kemudahan-kemudahan perumahan, menyusun semula kemudahan-kemudahan yang ada di dalam kampung dan mengadakan kemudahan-kemudahan yang tidak ada, dan menjadikan kampung yang tidak teratur di kawasan pedalaman kepada satu kampung yang teratur, sesuai dengan kehidupan moden. Oleh yang demikian, seperti yang saya katakan tadi saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana foresightedness, kerana pandangan jauhnya dan perhatian beratnya terhadap penduduk-penduduk kampung tradisional yang selama ini ketinggalan kalau dibandingkan dengan perkampungan-perkampungan baru terutama perkampungan-perkampungan FELDA yang dibuka yang mendapat kemudahan yang jauh lebih besar daripada kemudahan yang terdapat di kampung-kampung lama. Pada masa ini projek seperti ini yang saya katakan tadi berjalan secara pilot scheme. Saya mendapat tahu ada tiga buah pilot projek seperti ini yang dijalankan termasuk salah satu daripadanya di negeri saya kalau tidak salah saya di Kelantan juga ada.

Saya berpendapat bahawa projek pilot ini tidak harus tinggal sebagai projek pilot selama-lamanya, jangan lama sangat, seelok-eloknya tahun hadapan eloklah kita memikirkan bagaimana kita boleh menyebarkan projek ini keseluruh kawasan di seluruh negara kita, termasuk Sabah dan Sarawak, yang saya tahu amat memerlukan projek seperti ini, dan saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan

berundinglah dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan, mintalah duit lebih sedikit tahun hadapan supaya sekurang-kurangnya kita boleh mulakan satu projek seperti ini di setiap negeri dalam Malaysia ini. Dan selepas itu kalau nampak kejayaan yang lebih besar, kita bolehlah kembangkan projek ini perlahan-lahan pada masa akan datang.

Menyentuh mengenai FELCRA juga, saya berharap pihak FELCRA tidak menumpukan perhatian yang berat kepada getah dan kelapa sawit sahaja tetapi eloklah juga menanam buah-buahan supaya kita dapat menyelesaikan masalah kekurangan buah-buahan dalam negara kita seperti yang kita sedari kita mengimpot terlalu banyak buah-buahan baik buah-buahan yang basah mahupun buah-buahan kering atau buah-buahan dalam tin. Sebenarnya kita boleh tanam sendiri dalam negeri ini, jadi kalau bolehlah saya minta FELCRA diversify sedikit program tanaman-tanamannya pada masa akan datang.

Saya juga ingin menyentuh mengenai rancangan tanah belia. Pada masa ini peserta-peserta rancangan ini dikenakan syarat bahawa mereka tidak boleh kahwin sehingga projek itu mengeluarkan hasil, kalau tidak salah saya lima tahun. Saya fikir eloklah dikendurkan sedikit syarat ini, saya pun sudah dengar dahulu ada syor-syor yang dibuat seperti ini dalam Dewan ini, tetapi nampaknya belum ada usaha untuk mengendurkan syarat ini. Saya bersimpati dengan anak-anak muda yang terpaksa duduk dalam hutan, terpaksa bekerja di ladang-ladang dengan tidak ada atau hampir exposure langsung kepada kemudahan-kemudahan di bandar. Saya juga pernah muda pada satu ketika, saya boleh memahami perasaan mereka itu bila kita insolatekan mereka duduk di dalam hutan, kalau kita biarkan mereka keluar ke bandar terlalu kerap, barangkali projek itu akan gagal. Oleh yang demikian, eloklah kita fikirkan bagaimana kita boleh menolong mereka memenuhi keperluan-keperluan kemanusiaannya. Apa yang saya nampak yang boleh kita buat ialah mengendurkan syarat supaya jangan mereka kahwin sebelum mendapat hasil itu, kita kendurkan misalnya dari 5 tahun kepada 3 tahun bergantung kepada merit seseorang itu, barangkali seseorang peserta itu dengan backgroundnya yang bagus, mungkin dia ada kemampuan untuk

menampung seorang isteri walaupun tanah yang diusahakan itu belum mendatangkan hasil, barangkali juga dengan adanya isterinya di situ dia akan menjadi lebih produktif dan barangkali juga isterinya itu boleh ikut menolong membantu sisuaminya di ladang dan dengan demikian kita akan dapat membentuk suatu masyarakat belia yang sihat walaupun kita lontarkan di tengah-tengah hutan belantara, tetapi mereka merupakan suatu angkatan belia yang gembira dan puas hati.

Tuan Pengerusi, mengenai sekim belia ini, saya juga nampak bahawa kemajuannya seolah-olah sudah tidak dilanjutkan lagi. Saya tidak tahu apakah sebabnya maka kita agak perlahankan pembukaan tanah belia ini, tetapi pada pandangan saya projek-projek tanah belia yang ada sekarang ini seolah-olah kita anggap sudah cukup dan perkembangannya kita tidak pesatkan sangat seperti perkembangan pembukaan tanah FELDA dan sebagainya. Saya berharaplah kepada pihak Kementerian supaya mengambil perhatian atas perkara ini oleh sebab masalah pengangguran di kawasan luar bandar, masalah ketidak ada tanahan di kalangan belia, adalah satu masalah yang amat rumit terutama di kawasan saya seperti di Ulu Trengganu. Pencarian anak-anak muda terbatas kepada tanah: tidak ada kilang, tidak ada pekerjaan lain sehinggakan kalau ada satu jawatan buruh bandaran kosong, sampai 500 orang minta. Jadi ini mereflectkan satu keadaan unemployment yang amat besar di kawasan itu.

Solution yang saya nampak ialah dengan jalan membuka lebih banyak tanah-tanah belia di kawasan-kawasan perkampungan seperti di kawasan saya itu dan kita tidaklah harus stop setakat yang ada sahaja, tetapi haruslah terus membuka tanah-tanah itu walaupun tanah-tanah yang kita buka itu barangkali tidaklah seluas yang ada sekarang—tak usahlah kita terlalu ambitious sampai hendak membuka 3,000-5,000 ekar satu sekim, barangkali cukup kalau ada tanah untuk 500 ekar setempat atau 600 ekar, kita bukalah satu rancangan untuk belia walaupun barangkali peserta-peserta cuma 40 atau 50 orang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

6.30 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan P. 66 Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan saya bercakap dengan ringkas.

Menyentuh Butiran 19—Penanaman Semula Getah Sarawak, muka surat 523. Di sini saya ingin memberi pandangan sedikit untuk diambil perhatian oleh Kementerian berkenaan oleh sebab ketika Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Anggaran Belanjawan bagi tahun 1979, beliau ada menerangkan bahawa Kerajaan Pusat sudah mengambil berat atas kesulitan-kesulitan di kawasan luar bandar yang masih mundur dan Kerajaan juga akan mengambil perhatian dengan serius untuk memberi pertimbangan kepada penanam semula getah di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya oleh sebab selama ini Kerajaan Pusat memberi bantuan dengan secara subsidi dan subsidi ini sebanyak \$900 kepada tiap-tiap satu ekar. Mengikut keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Kerajaan akan menambahkan subsidi itu dengan sebanyak \$300 pada tiap-tiap satu ekar dan subsidi ini sudah meningkat sebanyak \$1,200 pada tiap-tiap satu ekar.

Saya sebagai Wakil Rakyat dari luar bandar dan juga saya sebagai seorang yang menanam getah mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau oleh sebab kesudian Yang Berhormat Menteri Kewangan sudah memikirkan dan memberi perhatian yang serius kepada kesusahan rakyat yang tinggal di luar bandar, khususnya kepada yang berpendapatan rendah. Dari itu ingin juga saya merayu kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah agar dapat bekerjasama dengan Kementerian Pertanian, oleh sebab saya dapati Jabatan Pertanian yang mengeluarkan borang untuk permohonan penanaman semula getah di Sarawak, namun demikian saya fikir ini sangat penting dan kerjasama di antara

kedua-dua Jabatan itu patutlah dirapatkan supaya penanaman semula getah di Sarawak dapat diatasi dan diperluaskan. Selain dari itu juga saya minta Kementerian Pertanian agar dapat memberi arahan dan menyiarkan dalam radio dan melanjutkan masa dari 3 bulan kepada 4 bulan supaya rakyat yang tinggal di luar bandar tidak ketinggalan bila mereka memohon dan mengambil borang dari Jabatan Pertanian.

Saya dapati banyak sungutan-sungutan dari rakyat luar bandar oleh sebab bila mereka itu memohon menanam semula getah ke Jabatan Pertanian, saya diberitahu, Jabatan Pertanian selalu menjawab: Wang yang diperuntukkan pada tahun ini tidak mencukupi. Kadang-kadang jawapannya: Tempoh sudah cukup. Dan jawapan yang akhir: Permohonan tuan itu dipertimbangkan. Baik bunyinya, akan tetapi pemohon itu menunggu sampai 5-6 tahun. Oleh sebab masalah-masalah seperti ini selalu berlaku, namun demikian saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian dengan serius supaya rakyat yang betul-betul hendak menanam semula getah di Sarawak itu tidak ketinggalan.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Gerik.

6.34 ptg.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian ini kerana telah banyak menjalankan usaha-usaha pembukaan tanah dan juga kemajuan pekebun-pekebun kecil di negeri saya melalui FELDA, FELCRA dan juga RISDA.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B. 66, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am. Masalah tanah di kalangan kaum tani merupakan satu masalah yang penting kerana kepada kaum tani tanah bukan sahaja merupakan sumber pendapatan mereka yang utama tetapi seluruh kehidupan mereka, kedudukan mereka, masa depan mereka dan keluarga mereka adalah ditentukan oleh perhubungan mereka dengan tanah. Pada masa ini terdapat 1.8 juta orang yang bekerja di dalam sektor pertanian dan dari jumlah ini 1.15 juta orang bekerja di lapangan pertanian di kampung sebagai

penoreh getah, penanam padi dan nelayan. Daripada jumlah ini pula 85% daripada mereka terdiri dari orang-orang bumiputra yang menjalankan perusahaan pertanian di mana faktor tanah memainkan peranan yang penting untuk menentukan nasib hidupnya.

Di Semenanjung Malaysia yang paling miskin dan dhaif hidupnya ialah kaum tani yang mana pendapatan bulanan mereka hitung panjangnya ialah antara \$60 hingga ke \$100 sungguhpun banyak ikhtiar-ikhtiar dan projek-projek pembangunan termasuklah pembukaan tanah secara besar-besaran oleh pihak FELDA dan FELCRA telah diusahakan untuk mengatasi kemiskinan rakyat di luar bandar, namun kemiskinan tidak akan dapat dihapuskan tanpa pentadbiran tanah yang tegas lagi berkesan. Kerajaan seharusnya memberikan pembelaan yang lebih berkesan kepada kaum tani kita yang telah sekian lama ditindas oleh golongan orang-orang tengah dan peminjam wang yang mana ada di antara mereka yang mengenakan bunga sehingga 50% semusim melalui sistem padi kunca dan jual janji sebagaimana yang berlaku di negeri-negeri jelapang padi.

Kemiskinan dan penderitaan kaum tani di pendalaman adalah berpunca dari beberapa sebab yang besar, antaranya ialah:

- (1) wujudnya satu golongan kecil tuan tanah yang memiliki tanah yang luas untuk sewaan.
- (2) wujudnya segolongan besar petani-petani yang terpaksa menyewa tanah. Lebih kurang 80% penanam padi di Malaysia terpaksa menyewa tanah.
- (3) wujudnya jumlah yang besar petani-petani yang mempunyai pemilikan tanah yang kurang dari 6 ekar yang dianggarkan jikalau getah sebagai tidak ekonomik.
- (4) wujudnya satu golongan kecil yang tidak bertanah langsung.

Dengan itu, dapatlah kita menganalisa bahawa kemiskinan di luar bandar adalah disebabkan oleh wujudnya satu golongan kecil yang memiliki sebahagian besar tanah tanaman dan juga wujudnya satu golongan petani yang mempunyai pemilikan yang tidak ekonomik yang mungkin timbul oleh sebab-sebab yang berikut:

- (1) Penambahan penduduk yang begitu cepat.

- (2) Masalah-masalah kewangan, ekonomi dan sosial yang terpaksa dihadapi oleh petani-petani ini sehingga mereka terpaksa menjual sebahagian daripada tanah mereka.

- (3) Pembahagian harta mengikut hukum peraih.

- (4) Pembukaan tanah baru tidak seimbang dengan pertumbuhan penduduk.

Bagi mengatasi masalah ini satu penyelesaian yang adil dan bertanggungjawab mengikut lunas demokrasi haruslah diambil oleh pihak Kerajaan.

Saya ingin mencadangkan beberapa langkah yang positif yang boleh diambil untuk dilaksanakan dengan tegas dan segera bagi mengatasi masalah-masalah ini.

Pertama, pada masa ini luas kawasan negara kita yang sudah dibuka untuk tanaman hanyalah 25% sahaja. Tanah yang subur yang masih boleh dibuka untuk tanaman dianggarkan berjumlah lebih dari 14,000 batu persegi. Oleh itu Kerajaan hendaklah membuka tanah-tanah baru dengan lebih banyak dan lebih cepat lagi. Dalam pembukaan tanah-tanah ini janganlah pula pihak Kerajaan mengeluarkan tanah dengan sewenang-wenangnya, seumpama memberi kawasan-kawasan yang luas kepada golongan yang berada tetapi hendaklah membuka secara sistematik sebagaimana yang dilakukan oleh FELDA dan FELCRA. Sebaik-baiknya pembukaan tanah-tanah ini hendaklah dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan ataupun syarikat-syarikat kerjasama.

Kedua, Kerajaan hendaklah menentukan had yang minima dan maksima dalam memberikan tanah. Saya ulangi, pemberian dan bukan pembelian, agar tiap-tiap pemberian tanah kepada petani-petani mestilah ekonomik dan had maksima pula semoga tanah yang diberikan itu tidak disewakan atau dijualkan.

Ketiga, penjualan tanah yang akan menimbulkan pemilikan tanah yang tidak ekonomik seharusnya tidak digalakkan.

Keempat, bagi mereka yang mempunyai tanah yang luas, Kerajaan seharusnya menggalakkan mereka agar menyewakan tanah mereka melalui sistem sewa beli dengan memberikan galakan daripada segi cukai dan sebagainya.

Kelima, pihak Kerajaan juga seharusnya membeli tanah-tanah yang terbengkalai dan juga estet-estet yang hendak dijual dan tanah-tanah ini hendaklah disewakan kepada petani-petani melalui sistem sewa beli.

Dengan cara sistem sewa beli ini rakyat yang miskin akan mendapat peluang untuk memiliki tanah yang mereka sewa. Dengan cara ini impian petani-petani untuk memiliki tanah yang mereka usahakan sekian lama tidaklah lagi tinggal sebagai satu impian sahaja. Cara ini juga serupa dengan cara pembelian rumah yang ada sekarang ini dan juga cara pemberian tanah melalui sistem FELDA. Kalau Kerajaan boleh memberi kemudahan pinjaman kepada mereka yang tidak berumah untuk memiliki rumah tidak ada sebab kenapa Kerajaan tidak boleh memberi kemudahan pinjaman dengan bunga yang rendah kepada petani-petani kita yang tidak bertanah, terutama kepada mereka yang sedang menyewa tanah pada masa ini untuk membeli dan seterusnya memiliki tanah dengan sistem sewa beli ini. Semoga dengan cara ini masalah pemilikan tanah di negara kita ini akan dapat dikurangkan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh P. 66 Butiran (1)—Pembangunan Utama FELDA. Saya ingin menyarankan di Dewan yang mulia ini dari segi keselamatan di sempadan dan sumbangan yang boleh dimainkan oleh Kementerian ini. Kita telah sekian lama mendengar berita-berita bahawa kawasan sempadan adalah selalu diancam oleh anasir-anasir yang tidak bertanggung-jawab. Oleh itu sangatlah sesuai bahawa kawasan sempadan ini ditambah penduduknya dengan seberapa ramai yang boleh supaya rakyat yang ditempatkan di kawasan ini akan dapat menjadi benteng untuk memperkokohkan pertahanan dan menentang musuh-musuh negara melalui kawasan sempadan Thai. Dengan itu, sukalah saya mencadangkan agar pembukaan tanah yang lebih banyak dijalankan oleh FELDA di kawasan-kawasan sempadan seumpama ini. Keutamaan haruslah juga diberi kepada pembukaan tanah di kiri kanan Lebuhraya Timur/Barat yang mana jalan dari Gerik ke Jeli telahpun boleh dilalui oleh landrover dan tidak berapa lama lagi jalan itu boleh menghubungkan Pulau Pinang/Gerik dan Gerik ke Kota Bharu. Saya difahamkan

Kerajaan bercadang membuka beberapa buah perkampungan di sepanjang Lebuhraya Timur/Barat.

Kita berharap dengan adanya rancangan pembukaan tanah di kawasan ini akan menjadikan perhubungan Lebuhraya Timur/Barat tidak akan berada di dalam keadaan kesunyian. Kalau ada pula kebimbangan dari pihak Kerajaan untuk memajukan tanah ini dari segi keselamatan, maka saya mencadangkan supaya peserta-peserta diambil dari bekas anggota keselamatan yang sanggup menghadapi apa juga kemungkinan demi untuk memulakan penghidupan yang baru yang lebih baik lagi.

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

6.43 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, Maksud B. 66—Pentadbiran Am. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah atas Kementerian yang berkenaan yang mana saya yakin telah membawa penghidupan rakyat luar bandar boleh dikatakan mewah dengan adanya Rancangan Tanah Persekutuan yang boleh dikatakan hari ini saya anggap sebagai estet kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Di samping itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan yang dinamakan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, kalau saya hendak kata bersangkutan dengan bab tanah, boleh jadi Menteri yang berkenaan mengatakan yang tanah ini di bawah Kerajaan Negeri, tetapi tanah Kerajaan Negeri inilah yang ditanamkan dengan berbagai-bagai rancangan FELDA dan sebagainya. Bermakna secara tidak langsung hubungan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dengan Pejabat Tanah Negeri tentulah ada sangkutannya, kalau tidak tentu rancangan ini tidak dapat hendak diadakan. Dengan sebab itu, pertamanya saya mencadangkan, saya minta jasa baik Menteri yang berkenaan menyelaraskan dan mencari jalan yang mana

Pejabat-pejabat Tanah Negeri hari ini tidak selesai, yang setengahnya sampai berpuluh-puluh tahun tidak selesai dengan geran dan sebagainya, dengan jasa baik Menteri dan Timbalannya yang bijaksana, saya haraplah, walaupun ini bukan tugasnya yang muktamad, tetapi sebagai satu ikhtiar untuk menolong menyelesaikan.

Tuan Pengerusi, yang kedua, saya juga amat bersetuju supaya rancangan tanah FELDA ini diperluaskan seluas-luas yang boleh dengan dua tujuan mendapat keuntungan. Keuntungan pertama sebagaimana saya katakan tadi mendapatkan satu penghidupan yang agak mewah kepada penduduk luar bandar yang kita tahu sebelum ada rancangan FELDA banyaklah penduduk kampung yang tidak berubah, tetapi dengan adanya rancangan FELDA semuanya banyak bertambah.

Yang kedua, kita juga menghadapi kominis sebagai musuh kita. Saya percaya kominis ini pun selain daripada dalam bandar yang disebut subversif, tetapi yang kita kata kominis dalam hutan yang sekarang ini selalu di-hambat dan ditembak ialah kominis dalam hutan. Kalaulah hutan-hutan yang dijadikan rancangan FELDA untungnya dua. Satu untung kita dapat beri tanah kepada orang yang berhajat yang saya percaya banyak permohonan tidak boleh diselesaikan lagi dan yang kedua, tanah itupun cerah. Tanah, orang dapat bekerja pun boleh, cerah pun boleh, jadi dua untung, untung satu di segi keselamatan, untung yang kedua di segi dapat kemudahan pekerja kepada penduduk-penduduk yang masih dahagakan kepada rancangan.

Tuan Pengerusi, saya juga berpendapat di segi Rancangan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah. Di sini saya tengok dan saya ucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang telah mengusahakan, membanyakkkan di segi penyatuan dan pemulihan tanah. Yang saya tertarik sekali tentang bab padi. Saya tidak hendak bercakap mengenai harga padi, kerana saya sudah bercakap dan bukan bersangkutan dengan harga padi di sini.

Saya tengok tahun 1978 ekar yang terkumpul atau pemulihan tanah yang diusahakan oleh Kementerian yang berkenaan ialah sebanyak 2,470 ekar, berbanding dengan

tahun ini 3,470 ekar, bererti 1,000 ekar lebih anggaran tahun 1979 daripada anggaran tahun 1978.

Tuan Pengerusi, saya tidak bangkang, saya sokong. Rancangan Kerajaan hendak menambahkan usaha rancangan kelapa sawit—saya sokong; rancangan getah juga, saya sokong. Pendek kata apa rancangan pun baik, kerana ini menjadi hasil kepada Kerajaan dan menambahkan pendapatan kepada rakyat. Tetapi kita ada dua perkara. Satu pada pendapat saya benda yang wajib, ada atau tidak ada—mesti ada, kalau tidak, tidak boleh makan. Misalnya saya kata padi. Tetapi macam getah tadi dia ialah sebagai satu hasil yang kita hendak eksport ke negeri lain. Getah, kelapa sawit, ini kita bergantung kepada eksport. Takdirnya kita tanam banyak, satu ketika harga getah tidak ada, saya yakin getah yang ditanam itu tidak jadi.

Saya masih ingat lagi di masa saya kecil-kecil dahulu, ada satu ketika getah tidak jadi harga, orang tinggalkan kebun getah. Tetapi hari ini syukurlah kepada Tuhan kerana getah ada harga, kelapa sawit ada harga, kita boleh tanam, kita eksport ke negeri lain. Tetapi takdirnya satu hari apa akan jadi?

Di samping itu, bukan saya halang, saya harap juga pasaran getah akan jadi baik, pasaran kelapa sawit akan jadi baik, tetapi yang menjadi wajib kepada kita ialah padi. Padi ada tidak ada, laku tidak laku, kena makan, namun kita semua ini makan nasi, tetapi semuanya daripada padi. Lepas padi jadi beras, daripada beras inilah jadi roti, jadi meehoon, jadi mee dan jadi segala-galanya. Kesimpulannya, buktinya padi. Padilah yang mustahak. Setakat hari ini padi tidak cukup dalam Malaysia. Bahayanya satu, kita tidak boleh makan. Yang kedua, terpaksa kita bawa masuk dari luar negeri. Saya takut sekali Tuan Pengerusi, di samping kita membawa masuk beras ataupun padi daripada luar negeri, kadang-kadang disulamkan dengan benda-benda yang kita tidak ingin, seperti senjapati, dadah dan sebagainya. Ini yang kita takut. Dengan sebab itu, saya berharap perbanyakkan lagi, kalau saya hendak banding dalam segi lain, saya berasa dukacita sedikit.

Saya tengok di segi lain seperti getah umpamanya Tahun 1978 86,765 ekar, tahun 1979 98,000 ekar bermakna bezanya 12,000 ekar lebih.

Begitu juga koko, 24,000 ekar sedangkan tahun 1979 32,000 ekar bermakna 12,000 ekar lebih juga, sedangkan padi cuma 1,000 ekar lebih pemulihan berkenaan padi. Ini mustahak saya mencadangkan kalau boleh buat satu Lembaga Sawah yang saya cadangkan dan saya namakan di sini kalau ber-setuju, kalaulah kita ada L.K.T.P. kita buat pula L.K.S.P., bermakna Lembaga Kemajuan Sawah Persekutuan. Ini mustahak, kerana hari ini padi kita tidak cukup. Saya ulang sekali lagi kita kena fikir benda yang wajib. Ada tidak ada kena makan, benda lain seperti yang saya kata tadi saya tidak bangkang, tetapi benda itu bergantung kepada keadaan alam, keadaan ekonomi negara, kalau ekonomi negara mahu terima, kita boleh jual, tetapi kalau ekonomi negara tidak mahu, apa kita hendak buat. Tetapi padi mahu tidak mahu, kena makan. Ini benda yang wajib sekali.

Satu lagi saya bercakap yang akhir mengenai peruntukan tanda sempadan antarabangsa. Saya percaya termasuk negeri saya Perlis kerana Perlis ini sempadan Malaysia. Saya harap diberi berbagai-bagai kemudahan kepada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas di sana kerana di sana keselamatan juga boleh dikatakan patutlah terjamin kepada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas di sempadan ini, kerana sempadan ini selain daripada bahaya kominis dan sebagainya maka binatang-binatang buas pun ada. Jadi, saya berharap kawalan yang rapi kepada yang menjalankan tugas untuk menyukat sempadan ini patutlah diawasi selalu, kerana keselamatan mereka ini patut kita jaga. Dengan sebab itu, sekali lagi saya menyokong peruntukan ini dengan diharap seboleh-bolehnya mendapat tambahan yang lebih kepada Kementerian ini kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan pun ada, kerana benda ini menjadi keuntungan yang banyak kepada negara dan rakyat.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.50 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap pendek sahaja atas perkara yang melibatkan penduduk miskin dan penduduk yang tidak berumah di dalam bandar Kuala Lumpur ini dan saya merujuk kepada B. 66, Butiran 1100, Gaji dan Upahan, Aktiviti (1) Pentadbiran Am.

Atas perkara ini saya hendak sentuh satu perkara tipuhelah atau penyelewengan berkaitan dengan penjualan tanah untuk perumahan kepada orang ramai yang perlu mendapatkan rumah dan tanah itu. Mengenai perkara ini saya suka memberitahu Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan bahawa di dalam sidang Parlimen yang lepas saya ada membangkitkan kegiatan-kegiatan tipuhelah dan penyelewengan yang dilakukan oleh syarikat yang tidak bertanggungjawab yang mengeluarkan iklan-iklan dalam suratkhbar tempatan berhubung dengan penjualan tanah untuk tapak perumahan.

Tuan Pengerusi, oleh kerana iklan-iklan ada disiarkan dalam akhbar itu maka ramai orang telah membuat permohonan mereka kepada syarikat yang berkenaan. Tetapi yang sebenarnya tanah yang hendak dijual atau tanah yang telah dijual itu ialah bukan tanah pertanian dan ini telah berlaku oleh sebab kelulusan penukaran kegunaan tanah belum didapati oleh syarikat yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, semasa menjawab aduan saya itu, Yang Berhormat Menteri berkenaan pada masa itu ada menyatakan dalam Dewan ini bahawa Kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa untuk mencari jalan untuk mengkaji dan menghalusi satu undang-undang untuk meminda Kanun Tanah Negara supaya kita dapat mencegah aktiviti seperti itu. Oleh yang demikian, saya berharap bahawa yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan boleh memberitahu Dewan ini mengenai apakah kedudukan cadangan Rang Undang-undang itu yang akan digubal dan akan dibentangkan di dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Pantii.

6.53 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Pengerusi, saya bangun bersama-sama menyokong anggaran belanjawan yang dipohon oleh Kementerian ini dan saya hanya hendak menyentuh beberapa perkara sahaja.

Pertamanya, saya hendak sentuh P. 66, Butiran 1, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (L.K.T.P.).

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak sentuh di sini pertama sekali izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ini yang mana pada hari ini sudah ramai rakyat kita mana yang tidak ada tanah telahpun mendapat tanah melalui rancangan FELDA dan setengah daripada mereka sudahpun mendapat hasil yang lumayan, cuma apa yang saya hendak sentuh di sini di atas pengalaman saya sebagaimana saya katakan tadi dalam kawasan sayalah yang banyak rancangan FELDA ini lebih kurang 22 rancangan yang sudah ada sekarang ini. Saya memandangkan masalah pembangunan, pertama pembangunan dari segi jasmani bagaimana saya katakan tadi, saya bagi pihak rakyat yang telah mendapat tanah melalui FELDA mengucapkan terima kasih, cuma di segi pembangunan rohaniah kerana pada hari ini barangkali agaknya sesuai dengan firman Tuhan yang mana setiap orang yang diberi nikmat itu akan dicuba. Jadi hari ini Tuhan mencuba keimanan peneroka FELDA, dan cara kebetulan kebanyakan mereka adalah orang Melayu yang beragama Islam.

Apa yang saya hendak sentuh di sini saya harap pihak Lembaga Kemajuan Tanah ini mengawasi keadaan yang ada sekarang ini yang kurang menyenangkan iaitu keadaan maksiat yang begitu banyak berlaku dalam kawasan FELDA sekarang ini, maksiat yang saya maksudkan ialah perjudian, penagihan dadah dan lain-lain lagi yang berleluasa. Ini barangkali dengan sebab mereka sudah mendapat hasil lumayan.

Pada hari ini saya difahamkan ada yang sudah mendapat hasil lebih \$1,000 sebulan. Jadi dari segi pembangunan rohaniah ini

adalah tanggungjawab kita, khususnya Kementerian ini supaya tidak nanti dipersoalkan di hadapan Tuhan Rabbul-Jalil kenapa mereka itu dibiarkan. Saya tidaklah menuduh, barangkali pihak Menteri akan menjawab: Kementerian tidak membiarkan mereka membuat maksiat, maksiat itu dilakukan oleh mereka sendiri. Tetapi sebagai sebuah badan berkanun yang mempunyai undang-undang dan peraturan yang tertentu, boleh saya rasa kita adakan peraturan yang lebih ketat lagi pada masa yang akan datang.

Saya masih teringat semasa Kementerian Tanah ini dipegang oleh bekas Menteri yang lalu daripada PAS saya pernah difahamkan untuk pembangunan rohaniah hanya dibekalkan \$40,000 sahaja setahun sedangkan untuk hiburan membawa orkestra daripada Medan dan sebagainya peruntukannya \$120,000. Jadi di sini saya berasa pelik tetapi nasib baiklah perkara ini tak berlaku sekarang, berlaku pada masa yang lepas di mana Kementerian ini dikepalai oleh seorang tokoh agama, tetapi sayangnya beliau melebihkan hiburan daripada kegiatan-kegiatan agama. Saya harap perkara ini tidak akan berlaku sekarang dan saya harap satu lagi rancangan dalam FELDA ini berhubung dengan kedai-kedai koperasi, kalau tak silap saya, apa yang saya diberitahu kedai-kedai ini telah disalahgunakan oleh peneroka-peneroka sendiri. Sepatutnya rancangan Kerajaan mengadakan kedai-kedai koperasi ini ialah untuk membantu mereka tetapi sebaliknya dengan sebab kurang penelitian pihak Kerajaan agaknya mereka telah menyalahgunakan kerana mereka diberi peluang berhutang itu, mereka mengambil barang seberapa banyak yang boleh dan mereka jual ke luar barang-barang itu sama ada pihak Kementerian ini sedar perkara ini berlaku, itu saya harap Kementerian akan menyiasatnya. Oleh itu, saya mencadangkan kepada FELDA supaya jangan lagi membuka kedai-kedai mini-market di dalam FELDA kerana ini akan mematikan kedai-kedai peneroka FELDA sendiri yang ada di dalam tiap-tiap FELDA itu.

Saya suka mencadangkan supaya FELDA sudah sampai masanya di peringkat kemampuan FELDA untuk membuka emporium ataupun supermarket di mana-mana bandar yang terdapat dalam kawasan itu ada FELDA maka FELDA membuka emporium

atau supermarket dalam kawasan itu. Saham supermarket itu dijual kepada peneroka-peneroka FELDA, dengan itu saya rasa akan melebihi pendapatan peneroka-peneroka FELDA.

Satu perkara lagi, saya mengucapkan tahniah di atas Butiran (11) kerana dalam kawasan saya terdapat satu Lembaga Kemajuan Johor Tenggara. Melalui Dewan yang mulia ini saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak di Kementerian dan sampailah kepada pegawai-pegawai petugas yang memajukan Johor Tenggara ini, yang mana di bawah projek Johor Tenggara ini banyak terdapat projek seperti pelancungan, ternakan dan juga kebun atau ladang. Dengan sebab saya difahamkan Johor Tenggara satu-satunya rancangan anak Kerajaan yang maju yang mendapat keuntungan secara keseluruhannya.

Saya hendak sentuh di sini sebab saya difahamkan pihak Johor Tenggara ini menanam lebih banyak lagi kelapa sawit dan juga getah, tetapi tidak seimbang. Sebab saya difahamkan kira-kira 10 000 ekar sahaja akan ditanam dengan getah dan kira-kira 100 000 ekar ditanam dengan kelapa sawit. Kalau keadaan ini benar, maka saya sukalah memberikan pandangan dengan sebab perusahaan getah ini kita sudah berpengalaman lebih 100 tahun, sedangkan perusahaan kelapa sawit baru sahaja akhir-akhir ini. Jadi dengan sebab itu perusahaan getah dan kegunaan getah ini sudah tidak syak lagi digunakan oleh seluruh manusia dalam dunia ini. Jadi saya suka memberi pandangan dengan sebab penggunaan getah ini dan perusahaan getah ini telah lama dikenal bagaimana saya katakan tadi lebih 100 tahun eloklah pihak Lembaga Kemajuan Johor Tenggara memberi pandangan atau mengulangkaji rancangan ini supaya dapat melipat-gandakan atau melebihi lagi tanaman getah daripada tanaman kelapa sawit kerana sudah ada Agensi Kerajaan yang lain yang menanam kelapa sawit iaitu FELDA, jadi saya harap pihak Lembaga Kemajuan Johor Tenggara melebihi penanaman getah.

Tuan Pengerusi, memandangkan masa saya sekali lagilah menyokong Anggaran Belanjawan yang dipohon oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Baling.

7.02 mlm.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam membincangkan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan akan menyentuh P. 66, Butiran (1) dan (5) iaitu yang berkaitan dengan FELDA dan juga FELCRA. Sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa masih banyak lagi tanah-tanah atau ladang-ladang kepunyaan asing dalam negara kita ini yang ada di antaranya sudah pun mengalih perhatian kepada bidang-bidang lain dalam kegiatan mereka di Malaysia dan ingin menjualkan ladang-ladang mereka baik dalam bidang penanaman getah, kelapa sawit dan lain-lain.

Saya mencadangkan supaya pihak FELDA meluaskan kegiatan-kegiatannya dengan membeli ladang-ladang asing yang hendak dijual ini untuk dijadikan atau untuk faedah rakyat negara ini dan ini juga merupakan satu penghormatan atau suatu yang berkaitan dengan kehormatan dengan negara kita sendiri yang sepatutnya dijalankan usaha-usaha dan dihapuskan sistem pembahagian tanah cara peniajahan yang diwarisi begitu lama iaitu setelah 21 tahun kita mencapai kemerdekaan. Dan apa yang saya sebutkan bukanlah merupakan satu tuntutan untuk memiliknegerakan tanah-tanah atau ladang-ladang kepunyaan asing itu secara yang melulu, secara yang dituntut o'eh setengah-setengah faham atau setengah sistem ekonomi. Tetapi ini adalah suatu proses yang wajar dan suatu proses yang beransur-ansur iaitulah bukan dengan suatu paksaan tetapi ialah kita mengambil dalam proses yang sedang berlaku di mana ada ladang-ladang yang hendak dijual oleh kompeni atau syarikat-syarikat itu untuk mengalihkan perhatian kepada pembahagian lain.

Saya bercakap dalam hal ini dengan cara berterus terang terutamanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengemukakan Belanjawan ini ialah kerana saya tahu dan saya fahami benar idealisma daripada Timbalan Menteri berkenaan itu tentang simpatinya kepada rakyat bawahan

dan juga anti kepada kapitalis-kapitalis yang zalim iaitu terbukti dengan beberapa rancangannya Insandiranto dan sebagainya. Jadi saya harap Timbalan Menteri yang berkenaan dapat melaksanakan hal ini sesuai dengan idealisma perjuangannya itu iaitu membebaskan secara yang teratur, secara yang terhormat setiap inci daripada tanahair kita yang subur ini daripada dimiliki oleh kepentingan-kepentingan asing yang merugikan rakyat negara ini. Tetapi yang menguntungkan, saya rasa bolehlah kita bincangkan secara teliti dalam hal ini kerana keadaan yang seperti ini adalah suatu keadaan yang terlalu jelek terutama kita lihat bahawa di daerah saya di Baling misalnya sebahagian besar tanah-tanah yang subur ini dimiliki oleh kepentingan-kepentingan asing dan di tengah-tengahnya terletak kampung-kampung tradisional yang miskin. Kalau sekiranya dengan proses yang teratur ini pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dapat mengatur rancangan-rancangan untuk membeli ladang-ladang yang hendak dijual ini untuk kepentingan rakyat.

Saya juga ingin menentuhkan mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh peneroka-peneroka FELDA yang kita ketahui timbul berbagai-bagai masalah bukan sahaja masalah-masalah ini mungkin juga timbul daripada peneroka-peneroka itu tetapi juga mungkin timbul daripada sistem yang terdapat dalam FELDA itu sendiri. Saya tidak bersetuju dengan sikap bahawa untuk menyelesaikan masalah ini dihalalkan kepada peneroka-peneroka itu dengan berbagai-bagai ugutan. Masalah-masalah ini bukan dapat diselesaikan dengan ugutan-ugutan seperti yang saya lihat dalam surat-suratkhabar dan sukalah saya memberi nasihat yang tulus ikhlas sebagai seorang sahabat kepada Timbalan Menteri berkenaan bahawa bukan ini caranya. Malahan cara untuk kita menyelesaikan masalah itu ialah dengan memperbaiki sistem yang terdapat dalam FELDA itu sendiri kerana untuk mengawal dan menjaga manusia bukanlah dengan membuat pagar-pagar atau sebagainya tetapi ialah dengan sistem hidup yang teratur dan tersusun. Kita mestilah mengkaji mengapakah peneroka-peneroka FELDA lebih suka menjual hasil-hasil mereka kepada pihak-pihak swasta dan bukan kepada pihak-pihak yang berkuasa FELDA. Dan ini patut dikaji. Sistem yang memaksa peneroka-peneroka itu dengan

sistem yang ada sekarang yang mungkin menampakkan kerugian besar kepada peneroka-peneroka itu perlulah dikaji semula supaya suatu sistem yang lebih teratur dapat dikemukakan yang mana sistem ini dapat menarik peneroka-peneroka FELDA itu memahami akan maksud dan tujuan daripada FELDA itu dan dapat pula bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa FELDA dalam soal pemasaran hasil-hasil daripada titik peluh mereka itu.

Dalam Butiran (5) saya ingin di sini untuk menarik perhatian Timbalan Menteri berkenaan kepada apa yang berlaku di kawasan saya di Baling di mana terdapat peneroka-peneroka haram yang dahulu digalakkan oleh Ahli-ahli politik tempatan yang tidak bertanggungjawab iaitu setelah berlakunya beberapa peristiwa di sana di mana rakyat-rakyat miskin di sana terlalu dahagakan tanah. Ahli-ahli politik tempatan yang tidak bertanggungjawab ini telah menggalakkan peneroka secara haram ini dan memberi jaminan bahawa mereka akan mendapat tanah-tanah itu dan orang-orang politik ini akan berusaha untuk memberikan atau membahagikan tanah yang diteroka secara haram itu kepada peneroka-peneroka. Dengan sebab itu maka berlakulah penerokaan secara haram dengan banyaknya setelah tahun 1974. Di antara tanah-tanah yang telah diteroka itu termasuk dalam Rancangan FELCRA sedangkan tanah-tanah itu sudahpun ditanam dengan tanaman-tanaman oleh peneroka-peneroka yang dikatakan haram itu dan saya lebih suka untuk mengatakan bahawa peneroka-peneroka yang terlalu dahagakan tanah, bukan peneroka haram.

Oleh kerana tempat itu telah masuk dalam Rancangan FELCRA sudah tentulah tanah-tanah itu akan dibersihkan walaupun tanaman-tanaman yang menandatangani hasil kepada peneroka-peneroka tersebut. Jadi saya mengharapkan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah supaya menimbang perkara ini dan menentukan bahawa tanah-tanah yang termasuk dalam Rancangan FELCRA itu diberikan kepada peneroka-peneroka yang dahagakan tanah ini dan ditentukan bahawa orang-orang yang sebenarnya tidak memiliki tanah sahaja yang akan mendapat bahagian daripada rancangan FELCRA ini.

Walaupun terdapat juga peneroka-peneroka yang sudahpun memiliki tanah sudah tentu kita tidak mungkin bersimpati dengan mereka dan kita hendaklah menyelesaikan masalah-masalah peneroka yang betul-betul berhasratkan tanah dan betul-betul tidak mempunyai tanah supaya mereka itu dimasukkan ataupun mereka itu mendapat faedah daripada Rancangan FELCRA yang dijalankan. Saya mengatakan di sini bahawa mereka ini teranianya oleh janji-janji politik yang tidak bertanggungjawab yang saya rasa pihak-pihak pimpinan atasan pun barangkali tidak menyukai janji-janji seperti ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, saya cuma beri satu minit sahaja lagi.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Saya pun sudah hendak menamatkan ucapan saya. Saya akan menyentuh juga soal Tanah Belia tetapi oleh kerana tidak cukup waktu lagi, hanya sekadar ini sahaja yang dapat saya berikan.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jempit Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menjawab.

7.11 min.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat kepada kerja-kerja yang dibuat oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan agensi-agensi di bawah kelolaannya.

Saya menjamin semua pandangan dan teguran yang dibuat mendapat perhatian Kementerian dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diperhitungkan apabila pihak Kementerian memikir, merancang dan melaksanakan program-program di bawah kelolaannya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian sememangnya memandang berat kepada semua aspek yang melibatkan usaha meningkatkan taraf ekonomi dan kesejahteraan sosial anggota-anggota masyarakat yang penghidupannya berkaitan dengan tugas-tugas Kementerian. Pendapat dan hasrat Ahli-ahli Yang Ber-

hormat adalah selaras dengan pendapat dan hasrat pimpinan dan pegawai Kementerian. Kita semua mahukan kemajuan pembangunan untuk rakyat yang memerlukan. Umumnya kritik dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat berkisar sekitar lumayan atau tidaknya kerja-kerja yang telah dijalankan, lambat atau cepatnya ianya dijalankan, cara pentadbiran dan pelaksanaan. Pendeknya kritikan merangkumi aspek prioriti dan kualiti.

Untuk menjawab secara khusus, saya ingin merujuk kepada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat untuk Kementerian melaksanakan projek tanah untuk nelayan-nelayan secara khusus. Ini bolehlah difikirkan oleh pihak Kementerian dan kita berharap pihak Ahli Yang Berhormat akan bekerjasama dengan melobi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memberi lebih banyak tanah untuk dimajukan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian ini.

Mengenai pendapat Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam tentang adanya banyak pemohon-pemohon yang sedang menunggu untuk memasuki FELDA, ingin saya nyatakan di sini memanglah menjadi hasrat FELDA untuk menempatkan sebanyak mungkin peneroka ke dalam rancangan-rancangannya tetapi memandangkan kepada batasan-batasan yang tidak dapat dielakkan maka terpaksa mereka yang telah berjaya menunggu sebentar lagi kerana lebih baik mereka menunggu daripada mereka tidak dapat langsung. Dan masa yang dijangka untuk mereka menunggu tidaklah begitu lama kerana jumlah yang sudah masuk ke rancangan sudah ramai sejak ditemuduga pada tahun 1974 dahulu.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu kerana memuji projek In-Situ. Sama-samalah kita berdoa semoga projek begini apabila selesai peringkat pengkajian di tahap pilot dapat kita laksanakan di merata-rata tempat nanti.

Mengenai belia di FELCRA yang tidak dibenarkan berumah tangga, sebenarnya mereka dibenarkan berumah tangga setelah cukup berada di rancangan selama antara

dua hingga tiga tahun dan setelah ibubapa mereka sanggup menanggung isteri mereka. Syarat seterusnya ialah jika mereka sudah genap umur 23 tahun, tetapi mereka tidak boleh membawa isterinya ke rancangan jika mereka tidak mempunyai ataupun belum mempunyai rumah sendiri kerana sebab-sebab Ahli-ahli Yang Berhormat lebih maklum.

Kita juga berharap semoga Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dapat menolong Kementerian dengan memberi sokongan-sokongan dan dengan membuat usaha melobi Kerajaan-kerajaan Negeri supaya lebih banyak tanah diberikan kepada FELCRA supaya Rancangan Belia dapat di-luaskan lagi.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, memanglah kerjasama di antara Kementerian ini dengan Pejabat Pertanian di Sarawak sedang berjalan dan perundingan sedangpun berjalan sekarang ini untuk mempercepatkan lagi urusan penanaman semula getah di Sarawak.

Pendapat Ahli Yang Berhormat dari Gerik supaya Kerajaan membuka lebih banyak tanah khususnya di sempadan untuk kepentingan keselamatan, perkara ini sudahpun mendapat perhatian Majlis Keselamatan Negara. Kementerian ini bersama-sama Jawatankuasa Keselamatan Negeri-negeri Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan sedang menyusun program yang sesuai bagi kawasan ini kerana program di sempadan seharusnya berlainan daripada program di tempat-tempat lain. Segala teguran-teguran Ahli Yang Berhormat dari Gerik sedang mendapat perhatian pihak Kementerian ini.

Mengenai penempatan tentera di sempadan, perkara ini tidaklah mudah dilaksanakan kerana kebanyakan bekas anggota angkatan bersenjata tidak begitu senang untuk berada di sempadan setelah berada di sempadan sewaktu mereka sedang bertugas.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya Kerajaan memikirkan diadakan Lembaga Kemajuan Sawah Persekutuan (L.K.S.P.). Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan lembaga ini tetapi di bawah FELCRA Kerajaan sedang pun berusaha untuk membuka kawasan padi yang luas di

Seberang Perak lebih kurang 20,000 ekar dan di Endau, Mersing Johor 25,000 ekar. Kajian feasibility sedang dibuat oleh FELCRA di kedua kawasan ini.

Mengenai teguran Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Kementerian sedang merangka undang-undang bagi meminda Kanun Tanah Negara. Jawatankuasa sudahpun bermesyuarat sebanyak tiga kali. Insyaa Allah pada tahun hadapan undang-undang ini akan dibawa ke Dewan ini.

Mengenai pandangan Yang Berhormat dari Panti, kita mengakui bahawa ada sedikit sebanyak kemerosotan moral di kalangan peneroka-peneroka FELDA. Tetapi di masa-masa yang lepas tidak banyak yang boleh kita lakukan. Banyak perubahan sudah berlaku sejak Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mengambil alih pimpinan Kementerian daripada Menteri yang dahulu. Malah buat pertama kalinya di dalam sejarah FELDA telah memecat orang kerana berzina walaupun zina pernah ber'aku di masa dahulu di dalam FELDA (*Tepuk*). Ini membuktikan bahawa Kementerian memberi perhatian yang kuat terhadap perkembangan moral dan kita juga mahu melahirkan masyarakat peneroka yang berdisiplin dan bermoral. Walau bagaimanapun usaha ini masih belum memuaskan dan pihak Kementerian sedang berusaha untuk memperhebatkan lagi usaha meningkatkan moral peneroka-peneroka.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Mengenai teguran Yang Berhormat dari Baling, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih atas kata-kata sanjungan dari Yang Berhormat terhadap peribadi saya. Saya kembalikan kata-kata sanjungan ini kepada Allah Subhanahu Wataala yang selayaknya menerima. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mencadangkan supaya FELDA di-luaskan. Ini bererti Yang Berhormat mengakui bahawa projek Barisan Nasional dalam bentuk FELDA adalah sesuatu yang berjaya (*Tepuk*).

Dalam hal pemilikan tanah oleh syarikat asing, sehingga hari ini Kerajaan masih belum yakin dan tidak mungkin yakin

bahawa wang yang ada perlu digunakan untuk mengambil tanah-tanah yang dimiliki oleh syarikat asing kerana Kerajaan masih meminjam wang dari luar negeri untuk projek-projek di dalam negeri. Adalah tidak bijak jika kita mengeluarkan wang yang memang sudah ada di dalam negara yang dibawa oleh syarikat-syarikat asing yang melabur di negara ini. Walau bagaimanapun saham-saham di dalam syarikat asing memang sudah banyak dibeli oleh warga-negara Malaysia. Syarikat asing ini selain daripada memberi pekerjaan kepada rakyat jelata, mereka mengambil untung yang berpatutan tetapi hubungan antarabangsa mereka dapat memberi nama baik kepada negara kita.

Mengenai masalah yang timbul di dalam FELDA, masalah ini dapat kita katakan sebagai masalah yang timbul dari kejayaan ataupun apa yang dinamakan (*Dengan izin*) "It is a problem of success"—masalah yang timbul hasil dari kejayaan. Tidak perlu dikaji sistem kerana sistem yang ada pada FELDA adalah baik. Walaupun ada sistem dan ada undang-undang, Yang Berhormat dari Baling sedia maklum manusia tidak berhenti dari maksiat walaupun ada undang-undang (*Tepuk*). Manusia juga tidak berhenti dari maksiat walaupun ada sistem.

Nabi Muhammad s.a.w. sendiri setelah memberi nasihat kepada mereka yang mungkar terpaksa bangun, bukan untuk menukar sistem tetapi untuk berperang jika itu diperlukan. Pihak Kementerian akan bertindak tegas terhadap segala penyelewengan yang dilakukan yang timbul dari perasaan tidak berterima kasih semata-mata kerana FELDA adalah sebuah projek yang berjaya. Jika ada masalah, hanyalah masalah kecil yang timbul dari kejayaan itu.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$32,065,800 untuk Maksud B. 66 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$496,257,261 untuk Maksud P. 66 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,861,133,382 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1979, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1979 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun 1978, adalah diumumkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

Bacaan Kali Yang Ketiga

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzan): Tuan Yang di-Pertua saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan usul itu. Saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,861,133,382 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi

tahun 1979, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1979 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun 1978, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih

daripada \$4,861,133,382 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1979, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1979 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun 1978, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga hari esok, 7hb Disember, 1978, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.